

PROSIDING
SEMINAR PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN
PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN
KEPUJIAN
(PENDIDIKAN SENI VISUAL PENDIDIKAN RENDAH)

(SPeDIP 2019)

Ambilan Jun 2019

2-5 APRIL 2019

Penyelidikan Menjana Kualiti Kecemerlangan
Pendidikan

Jabatan Kajian Sosial
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Miri, Sarawak

Prosiding
Seminar Penyelidikan Dalam Pendidikan 2019
Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian
(Pendidikan Seni Visual)
SPeDIP 2019

Jabatan Kajian Sosial,
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam,
98009 Miri,
Sarawak.

Tel : 085-421 201
Faks : 085-434 178

@ Jabatan Kajian Sosial IPG Kampus Sarawak

Cetakan 2019

@ Hak cipta terpelihara IPG Kampus Sarawak. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana - mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Ketua Jabatan Kajian Sosial, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri, Sarawak.

ISBN 978-967-0162-65-2

**JAWATANKUASA PENERBITAN PROSIDING SEMINAR
PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN 2019
PISMP AMBILAN JUN 2015
(PENDIDIKAN SENI VISUAL PENDIDIKAN RENDAH)
IPG KAMPUS SARAWAK MIRI**

PENAUNG

Encik Gumbang Anak Pura
(Pengarah)

KETUA JABATAN KAJIAN SOSIAL

Encik Bell Su'ut

**PENYELARAS PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN
PENDIDIKAN SENI VISUAL**

Encik Bell Su'ut

PENGERUSI

Muhammad Nur Azwan Bin Othman

PENYUNTING (TEKNIKAL) & PENYELARAS

Allan Ronga Anak Ellias
Sherah Mutang
Nor Ermasila Binti Kasani

REKAAN MUKA DEPAN

Stanley Umpang Anak Augustine Nari
Clara Amanda Anak Hiburan@Bency

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
KANDUNGAN	1
PRAKATA	3
TAJUK	
Penggunaan Plastik Dalam Penghasilan Cetakan Stensilan Dalam Bidang Membuat Corak Dan Rekaan Tahun 5 Aifung Acung	4
Penggunaan Warna Alam Dalam Penghasilan Teknik Ikatan Dan Celupan Bagi Bidang Membuat Corak Dan Rekaan Allan Ronga	11
Penggunaan Bahan Alternatif Dalam Penghasilan Rantai Leher Bagi Bidang 4 Mengenal Kraf Tradisional Tahun 5 Arni Afiza Binti Abdul Aziz	21
Penggunaan Penggelek Untuk Menghasilkan Pelbagai Tekstur Bagi Bidang Membuat Corak Dan Rekaan Tahun 3 Clara Amanda Anak Hiburan@Bency	32
Penerapan Motif Dan Corak Terabai Kaum Iban Menggunakan Teknik Cetakan Blok Tahun 5 David Balang Anak Andrie	42
Penggunaan Pewarna Alternatif Sebagai Pengganti Cat Air Dalam Bidang Menggambar (Catan) Murid Tahun 5 Elizza Ann Anak Paul Tampung	50
Penggunaan Tikar Getah Sebagai Bahan Aternatif Dalam Aktiviti Mozek Pendidikan Seni Visual Tahun 5 Kenny Dambu Anak Ugus	59

Pengabungjalinan Karya Diorama Dengan Arca Mobail Dalam Aktiviti Membentuk Dan Membuat Binaan Tahun 4 Muhammad Nur Azwan Bin Othman	68
Penggunaan Bahan Alternatif Dalam Aktiviti Pualaman Bagi Bidang Membuat Corak Dan Rekaan Tahun 4 Nor Ermasila Binti Kasani	78
Rekabentuk Model Perhiasan Kepala (<i>Sepiah, Reung</i>) Kaum Wanita Bidayuh Dalam Menerapkan Budaya Bidayuh Tahun 5 Richeal Endu Anak Raymond	87
Reka Bentuk Kraftangan <i>Ba'</i> Kaum Kenyah Dalam Bidang Membentuk Dan Membuat Binaan Tahun 4 Sherah Mutang	96
Penerapan Motif Anyaman Tikar Iban Di Dalam Aktiviti Stensilan Tahun 5 Stanley Umpang Anak Augustine Nari	104
Menghasilkan Perhiasan Kepala Wanita Kaum Iban Dalam Bidang Membentuk Dan Membuat Binaan Tahun 5 Stephanie Elvira Anak Valentine@Dol	115
Aplikasi Aksesori Perhiasan Kepala (<i>Pata</i>) Lun Bawang Dalam Bidang Membentuk Dan Membuat Binaan Tahun 5 Tang Siew Houg	123
Penerapan Budaya Kaum Iban Melalui Penghasilan Baju Kaum Lelaki Iban Dengan Menggunakan Bahan Kitar Semula Valient Nyala Anak Johnny	131

PRAKATA

Salam Sejahtera,

Ucapan syukur yang tidak terhingga kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana atas berkat-Nya, Jabatan Kajian Sosial Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak Miri berjaya mendokumentasikan artikel Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2019 dalam bentuk buku prosiding Penyelidikan Tindakan. Tema pada tahun ini ialah “Penyelidikan Menjana Kualiti Kecemerlangan Pendidikan”. Buku prosiding ini mengandungi 15 buah artikel penyelidikan tindakan yang disumbangkan oleh 15 orang guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) PSV Sekolah Rendah, Ambilan Jun 2015. Seminar yang berlangsung merupakan salah satu daripada program penyelidikan yang menyediakan landasan kepada guru pelatih selaku penyelidik muda dalam Penyelidikan Tindakan bagi membantu menghadapi cabaran dan masalah berhubung dengan amalan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, hasil dapatan yang diperolehi turut dikongsikan bersama dalam seminar tersebut. Guru pelatih yang bakal menjadi pendidik diharapkan agar dapat meneruskan amalan ini. Melalui pendokumentasian ini, saya berharap agar guru pelatih dapat memanfaatkan apa yang telah diperolehi daripada Penyelidikan Tindakan dan seterusnya mampu meraih kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah kelak sebagai seorang guru Pendidikan Seni Visual yang kreatif dan inovatif. Sekian, terima kasih.

Encik Bell Su’ut

Ketua Jabatan Kajian Sosial,
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

PENGUNAAN PLASTIK DALAM PENGHASILAN CETAKAN STENSILAN DALAM BIDANG MEMBUAT CORAK DAN REKAAN TAHUN 5

Aifung Anak Acung

Chua Leong Chee

PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2015

aifung.acung@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk memperkenalkan penggunaan plastik dalam membantu murid-murid dalam aktiviti stensilan. Kajian ini melibatkan lapan orang peserta kajian Tahun 5 yang dipilih mengikut tahap penguasaan iaitu lemah, sederhana dan baik. Kajian ini dilaksanakan menggunakan Model Lewin (1946) dan melibatkan dua kitaran. Data-data dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan hasil karya murid. Hasil analisis data memperlihatkan peningkatan yang positif pada hasil karya murid. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa murid mengambil tempoh masa yang tidak lama dalam menguasai penggunaan plastik dalam aktiviti stensilan. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa bahan kitar semula iaitu plastik sesuai sebagai pengganti kad manila dalam penghasilan cetakan stensilan. Kesimpulannya, kajian ini meningkatkan kualiti hasil cetakan stensilan serta menerapkan nilai kemas dalam hasil cetakan stensilan.

Kata Kunci: penggunaan plastik, stensilan, kualiti cetakan, kemas

ABSTRACT

This research was conducted to introduce the use of plastic in helping students in stencil activities. This research involved eight participants of Year 5 that was selected based on the level of achievement, that is weak, moderate and good. This research was carried out using Lewin Model (1946) which involved two cycles. The data were collected through observation, interviews and students' work. The results of this research showed a positive improvement in students' work. The results of the research also showed that students took shorter period of time in mastering the usage of plastic in stencil activities. This research proved that the recycled material such as plastic is suitable as a replacement for manila cards in stencil prints. In conclusion, this study improves the quality of stencil prints and instil the values of neatness in the producing art work.

Keywords: use of plastic, stencil, quality of stencil, neatness

PENGENALAN

Kajian tindakan ini berfokuskan kepada aktiviti stensilan bidang Membuat Corak dan Rekaan. Stensil bermaksud, “helaian kertas atau kepingan nipis plastik, logam dan sebagainya yang ditebuk untuk menghasilkan huruf, reka bentuk dan sebagainya apabila dakwat atau warna disapukan padanya.” (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017). Berdasarkan praktikum fasa pertama yang lepas, pengkaji mendapati acuan kad manila hancur akibat dicap berulang-ulang kali ketika membuat cetakan stensilan. Oleh itu, pengkaji telah mengambil inisiatif untuk menggunakan bahan alternatif iaitu plastik sebagai bahan gantian kepada kad manila. Sifat plastik yang kalis air, tidak mudah hancur dan ringan ini dilihat sesuai bagi membendung masalah ini. Diharapkan kajian ini dapat memperbaiki hasil cetakan stensilan murid.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini berfokuskan kepada penggunaan plastik dalam aktiviti stensilan dalam bidang Membuat Corak Dan Rekaan. Plastik diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti hasil cetakan stensilan dalam kalangan murid dan menerapkan nilai kemas. Pengkaji mendapati nilai kemas sering diabaikan oleh murid-murid menyebabkan hasil karya yang tidak tahan lama dan karya hancur sebelum sempat disemak oleh guru pada pengajaran dan pemudahcaraan yang lepas. Oleh itu, berpandukan Model Lewin (1946) pengkaji menyelesaikan masalah ini.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian:

- 1) Memperkenalkan plastik sebagai bahan alternatif untuk menghasilkan karya stensilan.
- 2) Meningkatkan kualiti hasil cetakan stensilan menggunakan bahan plastik.
- 3) Menerapkan nilai kemas dalam penghasilan karya stensilan.


Soalan kajian:

- 1) Adakah plastik sebagai bahan alternatif sesuai digunakan dalam penghasilan karya stensilan?
- 2) Adakah penggunaan plastik dapat meningkatkan kualiti hasil cetakan stensilan?
- 3) Adakah aktiviti stensilan menggunakan plastik mampu menerapkan nilai kemas dalam penghasilan karya stensilan?

PESERTA KAJIAN

Peserta kajian ini melibatkan lapan orang murid tahun lima. Pengkaji memilih peserta kajian melalui pemerhatian hasil karya peserta kajian sebelum ini mengikut tahap penguasaan iaitu lemah, sederhana dan baik.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN



Rajah 1. Model Penyelidikan Tindakan Lewin (1946)


Pengkaji menggunakan Model Lewin (1946) sebagai panduan untuk melaksanakan kajian tindakan ini. Pada peringkat perancangan, pengkaji menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Peringkat pelaksanaan, pengkaji melaksanakan tindakan mengikut perancangan RPH. Peringkat pemerhatian, pengkaji memerhati berpandukan borang panduan pemerhatian, rakaman video, temu bual dan hasil karya murid. Peringkat mereflek, pengkaji membuat perbincangan dengan guru Pendidikan Seni Visual (PSV) tentang kelebihan dan kekurangan pengajaran dan pemudahcaraan yang telah dilaksanakan.

Data dikumpul melalui penilaian hasil karya murid, temu bual murid serta guru PSV dan pemerhatian. Kebolehpercayaan ketiga-tiga data ini disahkan melalui triangulasi metod. Hasil karya murid dianalisis mengikut rubrik pemarkahan. Temu bual dianalisis berpandukan borang panduan temu bual. Data ditranskripsi, diberi tema dan dikodkan. Pemerhatian dianalisis berdasarkan borang panduan pemerhatian dan rakaman video. Data kemudiannya diberi tema.

DAPATAN KAJIAN

1) Dapatan Hasil Karya Murid:

Analisis hasil karya peserta kajian dinilai berdasarkan rubrik pemarkahan yang telah disediakan berdasarkan lima aspek yang telah difokuskan iaitu aspek asas seni reka, kemasan, teknik dan proses, kreativiti serta sikap dan sahsiah. Markah keseluruhan peserta kajian pada kitaran pertama dan kitaran kedua telah ditunjukkan dalam rajah 2. Peratusan markah pada kitaran pertama adalah di antara 30% sehingga 80%. Peningkatan peratusan pada kitaran kedua telah menunjukkan semua peserta kajian telah mencapai pencapaian baik dan cemerlang dengan peratusan 70% sehingga 90%.



Rajah 2. Jumlah Markah Hasil Karya Murid Kitaran Pertama dan Kitaran Kedua

2) Dapatan Temu Bual:

Kitaran 1

Lapan orang peserta kajian dan guru PSV menyatakan bahawa plastik sesuai digunakan dalam penghasilan cetakan stensilan. Tujuh orang peserta kajian dan guru PSV menyatakan bahawa penggunaan plastik meningkatkan kualiti hasil cetakan stensilan. Seorang menyatakan bahawa penggunaan plastik tidak meningkatkan kualiti hasil cetakan stensilan. Dua orang peserta kajian menyatakan bahawa aktiviti stensilan menggunakan plastik menerapkan nilai kemasan. Enam orang peserta kajian dan guru PSV menyatakan bahawa aktiviti stensilan menggunakan plastik tidak menerapkan nilai kemasan dalam proses penghasilan karya stensilan.

Kitaran 2

Lapan orang peserta kajian dan guru PSV menyatakan bahawa plastik tebal lebih mudah digunakan dalam penghasilan cetakan stensilan berbanding plastik nipis. Lapan orang peserta kajian dan guru PSV menyatakan bahawa hasil cetakan stensilan menggunakan plastik tebal ditambah pita pelekat lebih berkualiti berbanding menggunakan plastik nipis. Lapan orang peserta kajian dan guru PSV menyatakan bahawa nilai kemasan semasa menggunakan plastik tebal meningkat berbanding menggunakan plastik nipis

- 3) Dapatan Pemerhatian:
A. Kualiti Hasil Cetakan Stensilan

Kitaran 1

Dua orang peserta kajian dapat menghasilkan rupa dan bentuk motif yang sangat jelas pada karya cetakan stensilan. Empat peserta kajian menghasilkan rupa dan bentuk motif yang jelas pada karya cetakan stensilan. Dua peserta kajian tidak dapat menghasilkan rupa dan bentuk motif yang jelas pada karya cetakan stensilan.

Kitaran 2

Tiga peserta kajian menghasilkan rupa dan bentuk motif yang sangat jelas pada karya cetakan stensilan mereka. Lima peserta kajian hanya menghasilkan rupa dan motif yang jelas pada karya cetakan stensilan mereka.

- B. Nilai Kemasan

Kitaran 1

Tiga peserta kajian mempunyai warna yang kemas dan teliti pada hasil karya cetakan stensilan mereka. Lima peserta kajian mempunyai warna yang kurang kemas dan teliti pada hasil karya cetakan stensilan.

Kitaran 2

Tujuh peserta kajian mempunyai warna yang kemas dan teliti pada hasil karya cetakan stensilan mereka. Seorang peserta kajian mempunyai warna yang kurang kemas dan teliti pada hasil karya cetakan stensilan.

REFLEKSI

Bahan plastik didapati sesuai digunakan sebagai pengganti kad manila dalam penghasilan cetakan stensilan. Hal ini dibuktikan melalui analisis data dapatan temu bual yang telah diberi tema dan kod. Selain itu, penggunaan plastik meningkatkan kualiti cetakan stensilan. Hal ini dibuktikan melalui peningkatan 17% jumlah purata markah hasil karya murid di kitaran kedua. Dapatan temu bual juga menunjukkan majoriti peserta kajian dan guru PSV setuju dengan pernyataan ini. Dapatan pemerhatian menunjukkan semua peserta kajian dapat menghasilkan motif yang jelas. Akhir sekali, penggunaan plastik menerapkan nilai kemas dalam penghasilan karya cetakan stensilan. Hal ini dibuktikan pada peningkatan markah kemas di kitaran kedua. Dapatan temu bual kitaran kedua turut menunjukkan semua peserta kajian dan guru PSV setuju dengan pernyataan ini. Dapatan pemerhatian kitaran kedua menunjukkan semua hasil karya peserta kajian mempunyai nilai kemas yang tinggi. Kesimpulannya, kesemua objektif dalam kajian ini tercapai.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Cadangan kajian yang difikirkan sesuai oleh pengkaji ialah dengan memperluas penggunaan plastik dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam bidang menggambar aktiviti capan. Plastik tersebut mungkin diubah suai mengikut kesesuaian aktiviti capan dengan menambah jalinan pada permukaan plastik. Cadangan terakhir ialah penggunaan span dalam aktiviti cetakan stensilan ini boleh diganti dengan alat penyembur pada masa akan datang. Hal ini dapat menjimatkan masa proses penghasilan karya cetakan stensilan sekaligus mencipta inovasi dalam teknik cetakan stensilan.

RUJUKAN

- Bushro Ali, Ismail Raduan & Syed Ismail Syed Mustapa. (2018). *Asas Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa & Pustaka. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2015). Dalam Pendidikan Seni Visual. Dimuat turun daripada <http://psv.ipg.edu.my/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (t.t). Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dimuat turun daripada <https://www.moe.gov.my/index.php/my/dasar/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Othman Lebar. (2011). *Kajian Tindakan dalam Pendidikan*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

Unit Pendidikan Seni Visual
Jabatan Kajian Sosial.
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: ¹aifung.acung@gmail.com, ²chualeongchee@ipgm.edu.my

PENGGUNAAN WARNA ALAM DALAM PENGHASILAN TEKNIK IKATAN DAN CELUPAN BAGI BIDANG MEMBUAT CORAK DAN REKAAN

**Allan Ronga Anak Ellias
Bell Su'ut**

PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2015
allanronga@gmail.com

ABSTRAK

Berdasarkan pengalaman ketika praktikum fasa kedua iaitu pada bulan Julai hingga Oktober 2018 di salah sebuah sekolah di Bandaraya Miri, pengkaji mendapati ramai-murid tidak membawa bahan pewarna untuk aktiviti teknik ikatan dan celupan. Oleh itu, pengkaji ingin memperkenalkan warna buatan sendiri iaitu warna alam untuk digunakan dalam aktiviti teknik ikatan dan celupan di sekolah. Objektif kajian tindakan ini ialah bertujuan untuk memperkenalkan penggunaan warna alam dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan, mengurangkan kos dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan di sekolah serta meningkatkan kreativiti peserta kajian dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan. Peserta kajian ialah peserta kajian tahap 2 iaitu peserta kajian Tahun 5 yang terdiri daripada 5 orang lelaki dan 5 orang perempuan yang berumur 11 tahun di salah sebuah sekolah di kawasan bandaraya Miri. Jenis kajian ialah Kajian Tindakan yang menggunakan Model Kurt Lewin (1946). Kaedah pengumpulan data ialah pemerhatian, temu bual dan penilaian hasil karya peserta kajian. Hasil analisis data mendapati bahawa penggunaan warna alam banyak membantu guru dan peserta kajian dalam menyelesaikan masalah bahan pewarna di sekolah seterusnya meningkatkan kreativiti peserta kajian serta menjimatkan kos penghasilan aktiviti teknik ikatan dan celupan.

Kata Kunci: warna alam, teknik ikatan dan celupan, kreativiti.

ABSTRACT

Based on the experience during the second phase of practicum from July to October 2018 at one of the schools in Miri City, the researcher found that most pupils did not bring dye materials for tying and dyeing activities. Therefore, the researcher wants to introduce his own homemade color that is natural colors to be use in tying and dyeing techniques in school. The objective of this action study is to introduce the use of natural colors in the production of tying and dyeing techniques, reducing costs in the production of tying and dyeing techniques in schools and enhancing research participants' creativity in the production of tying and dyeing techniques. The participants were students of Level 2, Year 5 pupils comprising 5 boys and 5 girls are 11-year-old in one of the schools in Miri. The type of research is Action Research using the Kurt Lewin Model (1946). Data collection methods are observation, interviews and assessment of research participants works. The results from data analysis showed that the use of natural colours do help teachers and research participants in solving the problem of colouring materials in school and moreover, it also enhanced participant creativity and helped saving cost of producing the tying and dyeing techniques.

Key Words: natural colors, tying and dyeing techniques, creativity.

PENGENALAN

Berdasarkan pemerhatian pengkaji ketika menjalani praktikum fasa pertama, murid-murid kerap tidak membawa warna untuk mata pelajaran Pendidikan Seni Visual iaitu ketika penghasilan teknik ikatan dan celupan dalam bidang membuat corak dan rekaan kerana warna yang digunakan adalah mahal dan peserta kajian kurang berkemampuan untuk membeli warna tersebut serta ini menyukarkan sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dilaksanakan di dalam bilik darjah.

Oleh itu, pengkaji berminat untuk memfokuskan masalah di dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan bagi bidang membuat corak dan rekaan Tahun 5 di mana peserta kajian tidak membawa warna. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian tindakan untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan memperkenalkan penggunaan warna alam dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan. Selain itu, kajian ini dapat membantu peserta kajian untuk mengembangkan kreativiti dalam mencari warna alternatif untuk menghasilkan teknik ikatan dan celupan tanpa membeli warna di pasaran.

Berdasarkan pengalaman praktikum fasa kedua di salah sebuah sekolah rendah di bahagian Miri. Pengkaji mengenal pasti beberapa permasalahan yang berlaku ketika menjalankan sesi PdPc Pendidikan Seni Visual iaitu masalah peserta kajian tidak membawa warna fabrik untuk aktiviti penghasilan teknik ikatan dan celupan bagi bidang membuat corak dan rekaan Tahun 5 kerana peserta kajian kurang berkemampuan untuk membeli bahan pewarna. Berikutan dengan harga pewarna yang mahal serta sukar untuk diperolehi oleh peserta kajian, maka pengkaji tidak dapat melaksanakan aktiviti teknik ikatan dan celupan di sekolah.

Pengkaji mendapati peserta kajian kurang mahir menghasilkan proses teknik ikatan dan celupan yang betul kerana peserta kajian tidak pernah melakukan proses teknik ikatan dan celupan.

FOKUS KAJIAN

Fokus utama kajian tindakan ini ialah untuk menyelesaikan masalah peserta kajian tidak membawa alat dan bahan untuk aktiviti penghasilan teknik ikatan dan celupan bagi bidang membuat corak dan rekaan Tahun 5. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menjimatkan kos dan dapat menyelesaikan masalah guru Pendidikan Seni Visual berkaitan ketiadaan kewangan untuk menyediakan bahan. Tambahan pula, dengan kajian ini dapat meningkatkan kreativiti peserta kajian selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Ini kerana peserta kajian dirangsang pemikirannya apabila menggunakan bahan warna alternatif dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan.

Pada praktikum fasa kedua, pengkaji mendapati terdapat permasalahan yang timbul ketika pengkaji menjalankan aktiviti teknik ikatan dan celupan bagi bidang membuat corak dan rekaan Tahun 5 iaitu peserta kajian tidak membawa alat dan bahan untuk aktiviti penghasilan teknik ikatan dan celupan bagi bidang membuat corak dan rekaan Tahun 5 kerana peserta kajian kurang berkemampuan untuk membeli bahan warna untuk menghasilkan teknik ikatan dan celupan yang mahal dan sukar diperolehi. Selain itu, terdapat permasalahan lain yang timbul iaitu ketiadaan kewangan untuk menyediakan bahan seperti bahan pewarna fabrik untuk menghasilkan teknik ikatan dan celupan. Pengkaji turut mendapati kreativiti peserta kajian dalam menghasilkan aktiviti teknik ikatan dan celupan terganggu.

Bagi menyelesaikan masalah, pengkaji telah memperkenalkan penggunaan warna alam dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan yang dapat menjimatkan kos dan meningkatkan kreativiti peserta kajian. Warna alam yang telah dipilih oleh pengkaji ialah warna alam yang berada di persekitaran peserta kajian dan guru seperti ubi kunyit, buah pinang, buah senduduk dan daun pandan kerana mudah didapati.

Bagi menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah memilih Model Kajian Tindakan Kurt Lewin (1946) dalam Mok Soon Sang (2011) yang merangkumi empat peringkat iaitu merancang, bertindak, pemerhatian dan membuat refleksi. Kitaran ini berterusan sehingga masalah yang dihadapi dapat diselesaikan. Pemilihan Kajian Tindakan ini adalah kerana ia sesuai untuk menyelesaikan masalah harian yang dialami guru. Pendapat pengkaji disokong oleh John Elliott (1991), dalam Othman Lebar (2011) menyatakan bahawa kajian tindakan lebih menekankan kepada masalah praktikal harian yang dialami oleh guru.

Pada peringkat perancangan, pengkaji telah menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Dalam peringkat tindakan ini, pengkaji telah menjalankan kajian pada praktikum fasa kedua. Pengkaji telah membuat pemerhatian di waktu PdPc penghasilan teknik ikatan dan celupan yang dijalankan selama 1 jam. Pengkaji telah membuat refleksi berdasarkan temubual yang dijalankan oleh pengkaji terhadap guru dan peserta kajian serta membuat refleksi berdasarkan borang pemerhatian yang diisi oleh pengkaji dan rakan guru pelatih ketika waktu PdPc serta membuat refleksi berdasarkan hasil kerja peserta kajian yang telah dikutip pada akhir waktu PdPc.

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Memperkenalkan penggunaan warna alam dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan dalam bidang membuat corak dan rekaan.
- ii. Mengurangkan kos dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan di sekolah.
- iii. Meningkatkan kreativiti peserta kajian dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan.


SOALAN KAJIAN

- i. Adakah penggunaan warna alam dapat membantu menyelesaikan masalah bahan pewarna di sekolah?
- ii. Adakah penggunaan warna alam dapat kurangkan kos penghasilan teknik ikatan dan celupan di sekolah?
- iii. Adakah penggunaan warna alam dapat meningkatkan kreativiti peserta kajian dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan?

PESERTA KAJIAN

Peserta kajian ialah peserta kajian tahap 2 iaitu peserta kajian Tahun 5 yang terdiri daripada 5 orang lelaki dan 5 orang perempuan yang berumur 11 tahun di salah sebuah sekolah di kawasan bandaraya Miri.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN



Rajah 1. Model Kurt Lewin (1946)

Pengkaji telah menggunakan Model Kajian Tindakan Kurt Lewin (1946) dalam Mok Soon Sang (2011) yang merangkumi empat peringkat iaitu merancang, bertindak, pemerhatian dan membuat refleksi bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Kitaran ini berterusan sehingga masalah yang dihadapi dapat diselesaikan.

Pengkaji menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun 5 yang merangkumi empat peringkat iaitu set induksi, persepsi estetik, aplikasi seni, ekspresi kreatif dan apresiasi seni. Dalam peringkat tindakan ini, pengkaji telah menjalankan kajian pada hari khamis iaitu 30 Ogos 2018 di kelas 5 Arif. Pengkaji telah menjalankan kajian berdasarkan RPH yang dirancang. Pengkaji dibantu oleh rakan guru pelatih yang mana telah merakam gambar dan video sepanjang PdPc dijalankan. Pemerhatian ketika penghasilan teknik ikatan dan celupan mendapati peserta kajian dapat menghasilkan teknik ikatan dan celupan menggunakan warna alam walaupun peserta kajian berasa kekok ketika proses mencelup kain kerana ini pertama kali mereka menghasilkan teknik ikatan dan celupan di sekolah. Terdapat beberapa masalah yang timbul seperti peserta kajian beratur lama ketika aktiviti mencelup. Kos penghasilan teknik ikatan dan celupan masih boleh dikurangkan dengan penukaran kain kepada tisu yang bersesuaian serta mempelbagaikan jenis-jenis ikatan agar corak yang terhasil lebih menarik.

Pengkaji telah membuat penambahbaikan pada Rancangan Pengajaran Harian (RPH) seperti membuka dua stesen untuk aktiviti mencelup. Menukar bahan iaitu kain kepada tisu. Pengkaji telah menjalankan kajian kedua pada hari khamis iaitu 23 Oktober 2018 di kelas 5 Arif. Kebebasan diberi kepada peserta kajian untuk menentukan ikatan yang ingin digunakan. Tisu di perkenalkan bagi menggantikan kain yang mana lagi menjimatkan. Pembukaan dua stesen iaitu untuk lelaki dan perempuan ketika proses mencelup. Warna alam dapat digunakan pada tisu dan warnanya kelihatan terang serta hasil karya peserta kajian yang pelbagai corak dan menarik. Pembukaan dua stesen bagi aktiviti celupan telah mempercepatkan proses celupan. Perubahan yang ketara setelah penambahbaikan dilakukan seperti penggunaan tisu dapat menjimatkan kos. Hasil karya peserta kajian yang menarik serta pembukaan dua stesen dapat menjimatkan masa.

PENGUMPULAN DATA

Pengkaji telah membuat pemerhatian bagi melihat sejauh mana tahap pencapaian peserta kajian dalam melaksanakan hasil karya yang diberikan melalui pemerhatian ketika PdPc dijalankan dan refleksi akhir PdPc. Pemerhatian dilakukan menggunakan borang pemerhatian yang disediakan oleh pengkaji pada kitaran pertama dan kitaran kedua.

Pengkaji membuat temu bual di pusat sumber selepas sesi PdPc tamat iaitu pada waktu rehat. Pengkaji juga menanyakan beberapa soalan ringkas kepada peserta kajian dan guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual Tahun 5 untuk mendapatkan maklum balas berkaitan dengan penggunaan warna alam dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan pada kitaran pertama dan kitaran kedua

Pengkaji telah menggunakan hasil karya peserta kajian untuk mengkaji hasil kerja dan kesan daripada kajian terhadap peserta kajian. Hasil karya juga dijadikan bukti terhadap

pencapaian objektif yang ingin dicapai. Seterusnya pengkaji telah memberi markah menggunakan borang pemarkahan dengan berpandukan rubrik pemarkahan untuk menilai hasil karya yang telah dihasilkan oleh peserta kajian.

ANALISIS DATA

Pengkaji membuat penulisan hasil daripada pemerhatian yang telah dibuat ke atas peserta kajian dan memindah hasil dapatan pemerhatian kepada nota lapangan untuk dianalisis.

Analisis data temu bual berdasarkan soalan yang telah dikemukakan kepada peserta kajian dan guru Pendidikan Seni Visual yang mengajar peserta kajian sebelum ini.

Pengkaji telah analisis hasil karya peserta kajian menggunakan borang pemarkahan dan rubrik pemarkahan yang telah disediakan.

DAPATAN KAJIAN

1. MEMPERKENALKAN PENGGUNAAN WARNA ALAM

Hasil Karya

Kesemua peserta kajian dapat menghasilkan karya teknik ikatan dan celupan yang menarik dan pelbagai pada kitaran kedua berbanding kitaran pertama. Dengan perbezaan yang sangat ketara ini menunjukkan penggunaan warna alam dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan membantu peserta kajian menguasai aktiviti teknik ikatan dan celupan bagi bidang membuat corak dan rekaan kerana warna alam telah menyelesaikan masalah bahan pewarna di sekolah. Ini secara tidak langsung telah membuktikan bahawa persoalan pertama kajian telah dijawab dan sekaligus membuktikan objektif pertama kajian tercapai.

Pemerhatian

Bedasarkan pemerhatian pengkaji dan rakan pengkaji ketika waktu PdPc penghasilan teknik ikatan dan celupan. Pengkaji dan rakan pengkaji mendapati bahawa persoalan kajian yang pertama telah dijawab iaitu adakah penggunaan warna alam dapat membantu menyelesaikan masalah bahan pewarna di sekolah dan juga membuktikan objektif kajian yang pertama tercapai kerana penggunaan warna alam dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan adalah mudah digunakan atau dikendalikan serta sesuai untuk semua tahap murid

Temu Bual

Kedua-dua temu bual bersama guru pembimbing dan peserta kajian tersebut telah membuktikan bahawa persoalan pertama kajian telah di jawab. Dimana aktiviti penghasilan

teknik ikatan dan celupan menggunakan warna alam telah banyak membantu peserta kajian dan guru di sekolah dari segi menyelesaikan masalah bahan pewarna di sekolah. Dengan terjawabnya persoalan pertama maka objektif pertama kajian tercapai iaitu memperkenalkan penggunaan warna alam dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan dalam bidang membuat corak dan rekaan.

2. PENGURANGAN KOS PENGHASILAN TEKNIK IKATAN DAN CELUPAN

Hasil Karya

Walaupun kos penghasilan teknik Ikatan dan Celupan dapat dijimatkan dengan penggunaan warna alam dan ditambah lagi dengan penukaran kain kepada tisu lagi menjimatkan kos. Pendapat pengkaji disokong oleh Abdul Rachman Soleh, Ecin Kuraesin dan Achyar Eldine (2015) yang mengatakan tisu telah menjadi barang keperluan asas bagi ramai orang dan ditambah lagi harganya yang cukup murah. Namun kualiti warna alam tidak berubah dan masih lagi terang. Pendapat pengkaji juga disokong oleh Aprilia Noor Aini (2017) yang mengatakan permukaan tisu yang semakin rata dan semakin lembut mempermudah tisu untuk menyerap air. Ini membuktikan bahawa penggunaan warna alam memang menjimatkan dan kualitinya setaraf dengan warna fabrik lain. Dengan ini persoalan kajian kedua iaitu mengurangkan kos dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan di sekolah telah dijawab

Pemerhatian

Pengkaji mendapati penggunaan warna alam dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan dapat menjimatkan kos dan kadang tidak memerlukan kos langsung kerana bahan untuk menghasilkan warna alam berada di persekitaran kita dan mudah didapati secara percuma. Penukaran kain kepada tisu pada kitaran kedua dapat mengurangkan lagi kos penghasilan teknik ikatan dan celupan kerana harga tisu jauh lebih murah berbanding kain.

Temu Bual

Berdasarkan temu bual bersama guru pembimbing dan peserta kajian seramai 10 orang telah membuktikan bahawa penghasilan teknik ikatan dan celupan menggunakan warna alam tidak dapat dinafikan memang menjimatkan kos dan dengan penukaran kain kepada tisu lagi menjimatkan kos.

3. MENINGKATKAN KREATIVITI PESERTA KAJIAN

Hasil Karya

Peningkatan kriteria kreativiti tersebut pada kitaran kedua menunjukkan bahawa peserta kajian telah menguasai kemahiran penghasilan teknik ikatan dan celupan. Ini terbukti apabila peserta kajian mampu menghasilkan teknik ikatan dengan corak dan variasi warna yang pelbagai mengikut kreativiti masing-masing.

Pemerhatian

Melalui pemerhatian pengkaji dan rakan pengkaji mendapati bahawa pada kitaran pertama peserta kajian sudah mula menunjukkan kreativiti iaitu pada susunan warna yang ditentukan oleh peserta kajian sendiri telah menghasilkan corak kitaran yang pelbagai variasi warna. Pada kitaran kedua kreativiti peserta kajian dapat dilihat pada pelbagai jenis ikatan yang digunakan dalam penghasilan corak yang pelbagai mengikut kreativiti peserta kajian. Pendapat pengkaji juga disokong oleh Rogers (1970) dalam Zarina Abdullah (2009) yang mengatakan proses kreativiti wujud melalui tindakan yang berkaitan dengan ciri-ciri keunikan seseorang, bahan dan alat yang digunakan.

Temu Bual

Berdasarkan temu bual bersama guru pembimbing dan peserta kajian telah membuktikan bahawa aktiviti penghasilan teknik ikatan dan celupan menggunakan warna alam telah meningkatkan kreativiti peserta kajian dari segi pemilihan warna yang pelbagai variasi dan juga pelbagai jenis ikatan yang menghasilkan pelbagai corak.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Pengkaji mengenal pasti beberapa permasalahan yang berlaku ketika menjalankan sesi PdPc Pendidikan Seni Visual iaitu masalah peserta kajian tidak membawa warna fabrik untuk aktiviti penghasilan teknik ikatan dan celupan bagi bidang membuat corak dan rekaan Tahun 5 kerana peserta kajian kurang berkemampuan untuk membeli bahan pewarna. Berikutan dengan harga pewarna yang mahal serta sukar untuk diperolehi oleh peserta kajian, maka pengkaji tidak dapat melaksanakan aktiviti teknik ikatan dan celupan di sekolah. Cara mengatasi masalah ini ialah dengan memperkenalkan bahan pewarna alternatif yang diperbuat daripada warna alam seperti kunyit, buah pinang, buah senduduk dan daun pandan. Kesemua bahan alam tersebut direbus sehingga mengeluarkan warna seperti kuning, merah, biru dan hijau. Kajian ini telah berjaya digunakan dalam aktiviti ikatan dan celupan serta boleh digunakan dalam aktiviti catan.

Kajian ini juga dapat menyelesaikan masalah murid yang kurang berkemampuan membeli warna serta dapat meningkatkan kreativiti murid dalam penghasilan warna alam selain daripada warna yang telah pengkaji gunakan dan pendapat pengkaji disokong oleh Kamylyis and Berki (2014, p. 6)

“Creative thinking is defined as the thinking that enables students to apply their imagination to generating ideas, questions and hypotheses, experimenting with alternatives and to evaluating their own and their peers’ ideas, final products and processes”

Kelebihan warna yang dihasilkan adalah merupakan bahan semulajadi yang tidak memberi kesan sampingan terhadap murid. Diharapkan kajian ini dapat menyelesaikan masalah guru pendidikan seni visual yang menghadapi masalah murid tidak membawa bahan pewarna.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

1. Menjadikan warna alam sebagai bahan pepejal seperti cat air dan cat akrilik agar murid dapat menggunakan warna alam dalam penghasilan catan.
2. Penggunaan pewarna kuku sebagai bahan pewarna dalam penghasilan teknik ikatan dan celupan kerana pewarna kuku ini juga mudah didapati dan murah.
3. Menggunakan bahan pewarna makanan iaitu pewarna yang sering digunakan dalam menghasilkan kek untuk aktiviti penghasilan teknik ikatan dan celupan.

RUMUSAN

Dengan terjawabnya ketiga-tiga persoalan kajian berdasarkan analisis data hasil karya, pemerhatian dan temu bual pada kitaran pertama dan kitaran kedua serta penambahbaikan yang dilakukan pada kitaran kedua seperti penukaran kain kepada tisu dan mempelbagaikan jenis ikatan untuk menghasilkan pelbagai corak. Membuktikan bahawa objektif kajian tercapai dan sekaligus menyelesaikan masalah bahan pewarna di sekolah bagi aktiviti penghasilan teknik ikatan dan celupan.

RUJUKAN

Abdul Rachman Soleh, Ecin Kuraesin & Achyar Eldine. (2015). *Analisis Pengaruh Harga Dan Kualitas Pelayanan Terhadap Loyalitas Pelanggan Tisu Festival Pt. Sarana Karya Sahabat*. Inovator, 4(2).

Aprilia Noor Aini (2017). *Pengaruh Waktu Pengeringan Dan Jenis Limbah Organik Terhadap Kualitas Tisu* (Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah Surakarta).

Kampylis, P. & Berki, E. (2014). *Nurturing creative thinking*. [pdf] International Academy of Education, UNESCO, p. 6. Available at:
<http://unesdoc.unesco.org/images/0022/002276/227680e.pdf>

Mok, S. S. (2011). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Othman Lebar. (2011). *Kajian Tindakan Dalam pendidikan, Teori dan Amalan*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim.

Zarina Abdullah. (2009). *Pengajaran Guru dalam Menggalakkan Kreativiti Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Maluri, Kuala Lumpur*. (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).

Unit Pendidikan Seni Visual.
Jabatan Kajian Sosial.
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: ¹allanronga@gmail.com, ²bsuut@yahoo.com.my

**PENGGUNAAN BAHAN ALTERNATIF DALAM PENGHASILAN RANTAI LEHER
BAGI BIDANG 4 MENGENAL KRAF TRADISIONAL
TAHUN 5**

**Arni Afiza Binti Abdul Aziz
Chua Leong Chee**

PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2015
arniafiza@yahoo.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk memperkenalkan penggunaan bahan alternatif iaitu makaroni dan *penne* dalam penghasilan rantai leher dalam bidang Mengenal Kraf Tradisional Murid Tahun 5. Objektif kajian ini adalah untuk melihat kesesuaian bahan alternatif makaroni dan *penne*, meningkatkan kreativiti murid dan menjimatkan masa. Kajian ini melibatkan 10 orang peserta kajian dalam kalangan murid-murid Tahun 5 yang dipilih secara persampelan bertujuan di sebuah sekolah rendah di sekitar Bandaraya Miri, Sarawak. Kajian ini dijalankan berpandukan Model Kurt Lewin (1946) yang melibatkan dua kitaran. Kaedah yang digunakan untuk menggumpul data ialah pemerhatian, temu bual dan penilaian hasil karya murid. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahan alternatif makaroni sesuai digunakan untuk menghasilkan rantai leher. Kajian ini juga dapat meningkatkan kreativiti murid sebagai contoh dari aspek aplikasi warna dan susunan makaroni. Berdasarkan pemerhatian penggunaan bahan alternatif ini dapat menjimat masa penghasilan rantai leher oleh kerana murid hanya perlu memotong dan mewarna mengikut kreativiti mereka.

Kata Kunci: bahan alternatif makaroni, rantai leher, kreativiti, jimat masa

ABSTRACT

This action research conducted to introduce the usage of alternative materials such as pasta in making necklace in the field of Traditional Craft for Year 5. The objective of this study was to find out the suitability of alternative materials in making necklaces and to enhance the creativity of year 5 students in the making of necklace as well as overcoming the shortage of time in completing the making of necklace. This study involved 10 participants among year 5, using purposive sampling at a primary school in Miri, Sarawak. The methods used to collect data are observation, interview and the evaluation of student works. The result of this research showed that the alternative materials, macaroni, are suitable in making necklaces. This research also can enhance student creativity in terms of application of color on the necklace and arrangement of the macaroni used on the necklace. Based on the observation, the usage of the alternative material can minimize the time taken in completing the necklace because the students just needed to cut and color the macaroni used based on their own creativity.

Key Words: alternative materials macaroni, necklaces, creativity, save time.

PENGENALAN

Pendidikan Seni Visual (PSV) merupakan mata pelajaran yang memberi peluang kepada murid untuk mempertingkatkan daya imaginasi, daya kreativiti dan bakat yang ada dalam diri murid untuk menghasilkan karya mereka. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun 5 PSV, antara aktiviti yang telah diketengahkan dalam bidang kraf tradisional iaitu tekat, tenunan, alat mempertahankan diri serta alat perhiasan diri. Kajian yang telah dilaksanakan adalah berfokuskan bahan alternatif iaitu penggunaan makaroni dan *penne* untuk menghasilkan rantai leher bagi bidang kraf tradisional.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Berdasarkan pengalaman praktikum yang lepas, untuk menghasilkan rantai leher kebiasaannya menggunakan kertas majalah ataupun kertas warna. Oleh itu, saya ingin memperkenalkan bahan alternatif makaroni dan *penne* yang mudah diperolehi. Selain itu, bahan ini juga dapat mengurangkan masa penghasilan rantai leher serta menjana kreativiti murid-murid.

FOKUS KAJIAN

Memperkenalkan bahan alternatif makaroni dan *penne* dalam penghasilan kraf tradisional rantai leher. Pengkaji mendapati bahawa penggunaan bahan kertas warna dalam penghasilan rantai leher adalah kurang kukuh dan mudah rosak. Fokus kajian ini juga untuk meningkatkan kreativiti dan mengurangkan masa yang digunakan dalam aktiviti penghasilan rantai leher.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

- a) Memperkenalkan bahan alternatif makaroni dan *penne* dalam penghasilan rantai leher.
- b) Meningkatkan kreativiti murid Tahun 5 dalam penghasilan rantai leher.
- c) Mengurangkan masa penghasilan rantai leher.

Soalan Kajian

- a) Adakah penggunaan makaroni dan *penne* sesuai digunakan untuk menghasilkan rantai leher?
- b) Adakah penggunaan bahan alternatif ini dapat meningkatkan kreativiti murid?
- c) Adakah penggunaan makaroni boleh mengurangkan masa penghasilan rantai leher?

PESERTA KAJIAN

Peserta kajian yang telah dikaji adalah dalam kalangan murid Tahun 5. Pemilihan peserta kajian dalam kajian ini dipilih secara bertujuan atau *purposive sampling* (Gay 1996; Gay & Airasian, 2000, seperti yang dinyatakan dalam Roslan Chin dan Norahimah Yusoff, 2017).

Berikut merupakan peserta kajian bagi kajian yang telah dijalankan:

Jadual 1

Peserta Kajian

Jantina	Bilangan (orang)
Lelaki	5
Perempuan	5
Jumlah	10

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pengkaji telah menggunakan Model Kurt Lewin (1946) yang telah mengetengahkan empat langkah dalam kajian tindakan:

1. **Perancangan** – Menyediakan RPH (Rancangan Pengajaran Harian) yang berkaitan dengan aktiviti penghasilan rantai leher.
2. **Tindakan** – Menjalankan aktiviti yang telah disediakan berpandukan RPH menggunakan bahan alternatif makaroni dan *penne*.
3. **Pemerhatian** – Menjalankan proses pemerhatian terhadap penglibatan peserta kajian sepanjang aktiviti.
4. **Refleksi** – Pemerhatian sepanjang aktiviti dan penilaian pada hasil karya peserta kajian.

5. **Mengumpul Data** – Melalui pemerhatian pengkaji, temu bual peserta kajian, temu bual guru PSV dan penilaian hasil karya peserta kajian.
6. **Menganalisis Data** – Secara triangulasi data, melalui instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis markah hasil karya.
7. **Kitaran Seterusnya** – Penambahbaikan dijalankan sekiranya terdapat kelemahan pada kitaran sebelumnya.

DAPATAN KAJIAN

I. Kesesuaian Bahan Alternatif

Berdasarkan dapatan kajian membuktikan bahawa bahan alternatif makaroni sesuai digunakan. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui hasil karya peserta kajian pada Jadual 2.0 dan markah yang diperolehi pada kriteria markah asas seni reka dan penggunaan alat dan bahan pada kitaran 2. Purata markah bagi peserta kajian bagi kriteria asas seni reka telah meningkat pada kitaran 2 sebanyak 42 % manakala kriteria alat dan bahan adalah 33 %. Kenyataan ini turut disokong melalui temu bual serta pemerhatian oleh pengkaji terhadap peserta kajian. Merujuk kepada temu bual pada kitaran 2, 90% peserta kajian bersetuju untuk menggunakan makaroni untuk menghasilkan rantai leher dan 100 % peserta kajian berjaya menghasilkan rantai leher pada kitaran tersebut berdasarkan pemerhatian pengkaji.


Jadual 2

Hasil Karya Peserta Kajian


HASIL KARYA PESERTA KAJIAN	
KITARAN 1	KITARAN 2
	
	



Graf 1 Markah Asas Seni Reka Peserta Kajian



Graf 2 Markah Alat dan Bahan Peserta Kajian



Jadual 3

Analisis Temu Bual

ITEM SOALAN	KITARAN 1	KITARAN 2
Item 1	70 % memberi maklum balas positif.	80 % memberi maklum balas positif.
Item 2	60 % memberi maklum balas positif.	90 % memberi maklum balas positif.
Item 5	70 % bersetuju memilih makaroni.	90 % bersetuju memilih makaroni.

Jadual 4


Analisis Pemerhatian

ITEM	KITARAN 1	KITARAN 2
Item 1	20 % berjaya hasilkan rantai leher.	100 % berjaya hasilkan rantai leher.
Item 2	100 % berjaya.	100 % berjaya.
Item 7	100 % seronok dan berminat.	100 % seronok dan berminat.

II. Kreativiti Peserta Kajian

Berdasarkan dapatan kajian telah membuktikan penggunaan makaroni dapat meningkatkan kreativiti dalam penghasilan rantai leher. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui markah yang diperolehi pada kitaran 2 yang menunjukkan peningkatan pada markah kreativiti. 90% peserta kajian berjaya meningkatkan markah iaitu sekurang-kurangnya 7% daripada markah asal. Kenyataan ini turut dapat disokong melalui temu bual dan pemerhatian terhadap peserta kajian. Berdasarkan temu bual dan pemerhatian pengkaji menunjukkan bahawa penggunaan makaroni dapat meningkatkan kreativiti melalui penggunaan warna serta susunan makaroni dalam penghasilan rantai leher. Kenyataan ini boleh dibuktikan melalui pemerhatian hasil karya pada Jadual 7.0.

Graf 3 Markah Kreativiti Peserta Kajian



Jadual 5

Analisis Markah

KITARAN 1	KITARAN 2
100 % berjaya mencapai separuh daripada markah penuh.	90 % berjaya tingkatan markah.
100 % berjaya menggunakan lebih daripada 1 warna.	100 % berjaya menggunakan lebih daripada 1 warna.
100 % menggunakan makaroni sahaja.	100 % berjaya menggunakan variasi saiz dan susunan makaroni.

Jadual 6

Analisis Temu Bual


ITEM SOALAN	KITARAN 1	KITARAN 2
Item 3	100 % menggunakan makaroni sahaja.	100 % penggunaan makaroni yang pelbagai.
Item 4	100 % menggunakan lebih daripada satu warna.	100 % menggunakan lebih daripada satu warna.

Jadual 7

Analisis Pemerhatian

ITEM	KITARAN 1	KITARAN 2
Item 3	0 % yang menggunakan makaroni dan <i>penne</i> .	100 % menggunakan lebih daripada satu makaroni.
Item 4	0% yang dapat hasilkan variasi susunan makaroni dan <i>penne</i> .	100 % hasilkan rantai leher variasi saiz makaroni dan susunan makaroni.

Contoh Hasil Karya




Item 5	100 % menggunakan lebih daripada satu warna.	100 % menggunakan lebih daripada satu warna.
---------------	--	--

III. Masa Yang Mencukupi

Berdasarkan dapatan kajian membuktikan bahawa penggunaan bahan alternatif makaroni dapat menjimatkan masa penghasilan rantai leher. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui markah penuh yang telah diperolehi peserta kajian pada kitaran 2. 90% peserta kajian berjaya meningkatkan markah pada kitaran 2 iaitu secara purata peserta kajian berjaya meningkatkan 31% daripada markah asal pada kitaran 1. Kenyataan ini turut disokong oleh temu bual bersama peserta kajian dan guru PSV (Pendidikan Seni Visual) yang menyatakan bahawa penggunaan makaroni dapat memastikan masalah masa tidak mencukupi untuk penghasilan rantai leher dapat diatasi serta hasil karya rantai leher dapat disiapkan dengan sempurna. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui hasil karya berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan oleh pengkaji pada Jadual 10.0. Pada kitaran 2 didapati bahawa peserta-peserta kajian mengambil masa lebih singkat untuk menyiapkan rantai leher berbanding pada kitaran 1.

Graf 4 Markah Penuh Peserta Kajian




Jadual 9

Analisis Temu Bual

KITARAN 1	KITARAN 2
Item Soalan 1, 70 % peserta kajian dapat hasilkan rantai leher.	Item soalan 5, 90 % memilih untuk menggunakan makaroni.
Item Soalan 5, Guru PSV menggunakan makaroni dapat hasilkan rantai leher.	Item Soalan 5, Guru PSV. Penggunaan Makaroni dapat hasilkan rantai leher dan dapat jimat masa.

Graf 5 Masa Yang Digunakan Untuk Menyiapkan Tugas Peserta Kajian



Jadual 10.0

Analisis Pemerhatian

KITARAN 1	KITARAN 2
80 % peserta kajian mengambil masa lebih daripada 60 minit.	100 % mengambil masa kurang daripada 60 minit.
20 % berjaya menyiapkan rantai leher sebelum 60 minit.	100 % berjaya menyiapkan rantai leher di dalam kelas.

CONTOH HASIL KARYA



REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Penggunaan makaroni didapati sesuai digunakan dalam penghasilan rantai leher namun begitu ianya tidak sesuai digunakan dalam tempoh masa yang lama kerana ianya terdedah dengan serangan serangga perosak. Penggunaan bahan alternatif makaroni turut dapat meningkatkan kreativiti peserta kajian dari segi penggunaan warna serta susunan makaroni yang mereka gunakan dalam penghasilan rantai leher. Selain itu, penggunaan bahan alternatif makaroni turut dapat memastikan peserta kajian dapat menyiapkan rantai leher mereka dalam masa yang telah ditetapkan.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

1. Penggunaan Pasta Dalam Bidang Lain Seperti Bidang Membentuk dan Membuat Binaan.

Pasta mempunyai variasi bentuk dan jalinan yang sesuai digabungkan untuk membentuk sebuah arca stabil ataupun hiasan dinding.

2. Penggunaan Bahan Kitar Semula Sebagai Bahan Alternatif Dalam Penghasilan Rantai Leher.

Penggunaan bahan kitar semula dapat memastikan hasil karya bertahan dalam tempoh masa yang lebih lama dan bahan yang mudah diperoleh.

RUJUKAN

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Seni Visual Tahun 5 (2012). Kementerian Pendidikan Malaysia.

Khairi Azri Kassim (2014, Oktober). *Prosiding seminar penyelidikan tindakan 2014: penyelidikan perubahan guru baharu pemangkin inovasi holistik*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

Roslan Chin dan Nurahimah Yusoff. (2017). *Penggunaan strategi pembelajaran bahasa untuk menguasai kemahiran membaca dalam kalangan murid pemulihan khas*. Artikel Prosiding ICSOTL (*International Conference on the Scholarship Of Teaching and Learning*), Sintok Kedah.

Shahrul Nizar Redzuan (2014). *Penggunaan pasta dalam penghasilan ornamen untuk bidang mengenal kraf tradisional pendidikan seni visual tahun 5*. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

Zailani Yaacob dan Azimah A. Samah. (2011). *Pendidikan seni visual KBSM*. Selangor : Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Unit Pendidikan Seni Visual.
Jabatan Kajian Sosial.
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: Arniafiza@yahoo.com¹, chualeongchee@ipgm.edu.my²

PENGGUNAAN PENGGELEK UNTUK MENGHASILKAN PELBAGAI TEKSTUR BAGI BIDANG MEMBUAT CORAK DAN REKAAN TAHUN 3

**Clara Amanda Anak Hiburan@Bency
Ngalai Anak Belawing**

Unit Pendidikan Seni Visual/Jabatan Sains Sosial
claramanda96@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk memperkenalkan penggelek untuk menghasilkan pelbagai tekstur bagi bidang membuat corak dan rekaan dalam Pendidikan Seni Visual. Penyelidikan tindakan ini menggunakan Model Kurt Lewin (1946). Seramai 5 orang peserta kajian telah dipilih untuk menjalankan kajian ini dan kajian ini dilakukan di salah sebuah sekolah sekitar Bandaraya Miri. Objektif kajian ini ialah pengaplikasian blok penggelek boleh ubah tekstur dalam aktiviti mencorak, ketahanan dan meningkatkan kemahiran mencetak dalam kalangan murid. Data dikumpul menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, dan borang pemarkahan karya murid. Dapatan kajian menunjukkan penggelek yang dihasilkan sesuai untuk menghasilkan cetakan. Kajian ini juga dapat menjimatkan masa penghasilan cetakan dan dapat meningkatkan kemahiran mencetak murid dalam aktiviti mencetak.

Kata kunci: penggelek, tekstur ,mencetak, masa.

ABSTRACT

This research was conducted to introduce rollers to produce a variety of textures for the field of pattern and design in Visual Arts. This action research utilized Kurt Lewin's Model (1946). 5 participants were chosen for this research. This research was conducted in one of the schools in Miri. The objectives of this research are to introduce the use of application of texture roller, durability of the roller and enhancing the printing skills among students. Data were collected through observation, interview, and assessment of the student work. The research findings showed that the students were able to use rollers to produce a variety of textures in making patterns and designs. This research show that the rollers produced are suitable for printing. It also reduces time to produce print, improves students' print skills and helped to instill students' printing skills.

Key word: roller, texture, printing skills, time.

PENGENALAN

Pengkaji memilih bidang membuat corak dan rekaan sesuai dengan masalah yang timbul semasa menjalani pratikum yang lepas. Bidang ini boleh dibezakan dengan ulangan susunan dan olahan motif yang lebih teratur atau dalam berbentuk abstrak. Secara umumnya, kajian tindakan penggunaan penggelek bertujuan untuk memperkenalkan alat inovasi baharu dalam aktiviti cetakan. Kajian tindakan ini menjurus kepada matlamat menjalankan Pengkajian tindakan iaitu atas keinginan dan kecenderungan guru untuk memperbaiki kualiti amalan atau pengajaran pembelajaran serta situasi kerja.

FOKUS KAJIAN

Fokus utama dalam kajian ini ialah penggunaan penggelek untuk menghasilkan pelbagai tekstur bagi bidang membuat corak dan rekaan. Aktiviti cetakan ini dijalankan secara individu menggunakan penggelak bagi menjimatkan masa penghasilan. Pengkaji ingin peserta kajian yang belum menguasai kemahiran dan teknik penghasilan cetakan dengan betul. Pengkaji telah memperkenalkan alat alternatif penggunaan penggelek dalam penghasilan cetakan corak terancang bagi memudahkan peserta kajian mencetak dan sebagai alat inovasi bagi meningkatkan kemahiran serta teknik penghasilan cetakan murid.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menggunakan penggelek dalam aktiviti mencorak dalam bidang membuat corak dan rekaan.
- ii. Menjimatkan masa proses aktiviti penghasilan cetakan.
- iii. Meningkatkan teknik mencetak peserta kajian.

PERSOALAN KAJIAN


- i. Adakah penggunaan penggelek sesuai digunakan sebagai bahan alternatif dalam aktiviti cetakan?
- ii. Adakah penggelek ini dapat menjimatkan masa penghasilan cetakan?
- iii. Adakah penggunaan penggelek dapat meningkatkan teknik mencetak peserta kajian.

PESERTA KAJIAN

Pemilihan peserta kajian yang dipilih oleh Pengkaji ialah berdasarkan pemilihan secara bertujuan. Peserta Kajian untuk kajian ini ialah 5 orang peserta kajian tahun 3 yang mana peserta kajian merupakan telah peserta kajian berumur 9 tahun di salah satu sekolah di kawasan bandaraya Miri. Peserta kajian terdiri daripada 3 orang peserta kajian lelaki dan 2 orang peserta kajian perempuan.

PROSEDUR TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan Model Kurt Lewin bagi membantu menyelesaikan masalah ini. Menurut Lewin (1946), lingkaran boleh diulang ke lingkaran kedua, ketiga dan seterusnya sehingga masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dan perlu diperbaiki kaedahnya.



Rajah 1. Model Kurt Lewin

Kitaran Pertama

Pada kitaran pertama, Pengkaji telah merancang satu set pengajaran Rancangan Pengajaran Harian dan menyediakan beberapa set tekstur cetakan yang boleh ubah. Pengkaji telah menetapkan saiz yang akan dilekatkan pada penggelek yang bersaiz segi empat tepat. Selain itu, Pengkaji telah menetapkan sesi pengajaran dan pembelajaran berbentuk penggunaan asas kepada penggelek cetakan boleh ubah.

Pelaksanaan aktiviti telah dilakukan dalam masa 1 jam iaitu semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bagi Dunia Seni Visual. Pengkaji menunjukkan tunjuk cara penggunaan

penggelek dari pemilihan tekstur sehingga ke pemindahan warna ke atas kertas dan pengkaji memberi peluang kepada peserta kajian untuk mencuba menghasilkan catan corak terancang.

Pengkajian telah membuat pemerhatian pada 3 bahagian iaitu, sesi ekspresi kreatif, apresiasi seni dan penghasilan ekspresi. Pengkaji juga menilai daripada aspek penggunaan penggelek cetakan, pemilihan tekstur, ketahanan penggelek dalam cetakan, kesesuaian penggunaan dan juga tahap penguasaan peserta kajian secara keseluruhan.

Pada fasa refleksi pula, Pengkaji mengenal pasti permasalahan yang dihadapi sepanjang aktiviti cetakan dilaksanakan. Penambahbaikan dijalankan pada kitaran 2 bagi menangani masalah pada kitaran 1.

Kitaran Kedua

Pada kitaran kedua ini Pengkaji telah membuat penambahbaikan bagi melaksanakan aktiviti cetakan corak terancang dengan menggunakan bahan alternatif penggelek untuk menghasilkan pelbagai tekstur bagi bidang membuat corak dan rekaan Tahun 3.

Pada fasa ini, Pengkaji telah membuat penambahbaikan pada kitaran pertama. Rancangan Pengajaran Harian lebih ringkas dan proses pengajaran yang dijalankan juga lebih mudah. Pengkaji juga membuat perancangan penambahbaikan pada bentuk serta saiz tekstur yang digunakan.

Pada kitaran kedua ini Pengkaji membuat demonstrasi teknik cara menggelek dengan lebih jelas kepada peserta kajian cara untuk menghasilkan cetakan dengan menggunakan penggelek. Peserta kajian juga telah didedahkan dengan penggunaan warna yang pelbagai untuk menghasilkan cetakan.

Pada fasa pemerhatian Pengkaji telah membuat penambahbaikan pada pemerhatian yang perlu dibuat bagi mencapai objektif kajian. Item pemerhatian pada borang pemerhatian telah ditambahbaikan dan memberikan fokus kepada pemerhatian yang perlu ditingkatkan sahaja.

Pengkaji juga telah mengambil gambar untuk melihat peningkatan pada penambahbaikan pemerhatian yang telah dilakukan dan hasil pemerhatian direkodkan pada borang pemerhatian untuk kitaran kedua.

Pada fasa refleksi untuk kitaran kedua pula, Pengkaji telah mengumpulkan setiap data yang telah diperoleh selepas aktiviti cetakan dijalankan. Penambahbaikan yang telah dijalankan pada kitaran kedua dianalisis berdasarkan instrumen kajian telah diperbaiki.

Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen untuk, mengumpul data. Instrumen yang digunakan ialah pemerhatian, borang pemarkahan (berdasarkan rubrik) dan temubual. Dengan penggunaan ketiga-tiga instrumen ini, dapatan data telah dikumpul serta dikaitkan antara satu sama lain bagi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian kelak.



Pemerhatian

Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian dalam mengumpulkan maklumat atau pengumpulan data. Melalui pemerhatian, Pengkaji merakam video sesi pengajaran agar boleh menilai semula sesi tersebut di lain masa. Pengkaji telah menggunakan borang pemerhatian dan data dikumpul bagi memudahkan Pengkaji membuat interpretasi setiap perolehan data.

Borang pemarkahan hasil kerja (berdasarkan rubrik)

Setiap hasil kerja peserta kajian telah dinilai. Pemarkahan telah dinilai melalui rubrik pemarkahan yang telah ditetapkan oleh Pengkaji. Rubrik juga digunakan oleh Pengkaji untuk melihat hasil dapatan peserta kajian selepas sesi pengajaran dan pembelajaran. Pemarkahan dibuat di dalam borang yang disediakan berdasarkan rubrik yang telah ditetapkan sendiri oleh Pengkaji

Temubual

Pengkaji memilih temubual sebagai kaedah pengumpulan hasil dapatan kajian. Pengkaji bersemuka dengan peserta kajian secara peribadi dengan bertanyakan beberapa soalan yang telah disediakan terlebih dahulu. Pengkaji menggunakan teknik temubual semi berstruktur untuk memperoleh maklumat yang lebih relevan sebagai bukti kajian.

Menganalisis Data

Pemerhatian

Analisis bagi data pemerhatian telah dibuat menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji membuat penulisan hasil daripada pemerhatian yang telah dibuat ke atas peserta kajian dan memindahkan hasil dapatan pemerhatian kepada nota lapang untuk mengenalpasti item yang boleh menjawab objektif kajian.

Borang Pemarkahan (berdasarkan rubrik)

Pengkaji menilai karya peserta kajian berdasarkan borang pemarkahan dan rubrik pemarkahan yang telah disediakan. Graf yang dibina adalah untuk melihat peningkatan yang peserta kajian alami pada aspek penilaian yang dikehendaki.

Data Temu Bual

Pengkaji telah mengemukakan soalan temu bual kepada Guru X yang telah ditemu bual berdasarkan soalan yang telah disediakan oleh Pengkaji. Pengkaji membuat analisis data dengan menggunakan kaedah kualitatif yang mana Pengkaji mencatat jawapan yang diberikan oleh Guru X.

DAPATAN KAJIAN

Pemerhatian

Pengkaji telah menjalankan pemerhatian kepada 5 orang peserta kajian semasa kajian ini dijalankan. Analisis pemerhatian untuk kitaran 1 telah dibuat kepada transkripsi pemerhatian. Sebanyak 3 daripada 5 orang peserta kajian menggunakan 2 jenis bentuk tekstur dalam penghasilan cetakan manakala 2 daripada 5 hanya menggunakan 1 jenis bentuk tekstur yang mudah sahaja.

Pada kitaran 2 ini Pengkaji telah membuat penambahbaikan pemerhatian kitaran 1. Melalui pemerhatian kesemua peserta kajian telah menguasai teknik gulingan mengikut langkah-langkah seperti yang diterangkan oleh Pengkaji.

Kesimpulannya, dapatan kajian melalui pemerhatian menunjukkan objektif kajian telah tercapai. Peserta kajian dapat menghasilkan cetakan corak terancang bentuk tekstur yang berbeza telah tercapai.

Borang Pemarkahan (berdasarkan rubrik)

Pengkaji telah memilih 5 orang peserta kajian dalam kajian ini. Analisis hasil karya peserta kajian dinilai berdasarkan borang pemarkahan yang telah disediakan dan dibina sebagai panduan Pengkaji untuk membuat penilaian pada karya peserta kajian.

Jadual 2.0: Gred Pemarkahan

Cemerlang A (80-100%)	Baik B (60-79%)	Sederhana C (40-59%)	Lemah D (0-39%)	Tahap Keseluruhan (_/100)
--------------------------------------	--------------------------------	-------------------------------------	--------------------------------	--


Jadual 3.0: Dapatan Markah

Peserta kajian	Kitaran 1 Markah(%)	Kitaran 1 Pencapaian	Kitaran 2 Markah(%)	Kitaran 2 Pencapaian
R1	74	Baik	95	Cemerlang
R2	69	Baik	89	Cemerlang
R3	63	Baik	82	Cemerlang
R4	58	Sederhana	76	Baik
R5	56	Sederhana	75	Baik

Jadual 3.0 menunjukkan analisis bagi markah hasil karya peserta kajian. Pada kitaran 1 seramai 3 daripada 5 peserta kajian mendapat pencapaian baik iaitu R1 mendapat 74%, R2 mendapat 69% dan R3 mendapat 63%. Seramai 2 daripada 5 peserta kajian mendapat pencapaian sederhana. Markah pada pencapaian sederhana yang diperolehi oleh R4 58% dan R5 56%. Ini menunjukkan terdapat beberapa aspek yang perlu ditingkatkan kerana 2 peserta kajian yang mempunyai markah yang rendah daripada 5 peserta kajian.


Pada kitaran kedua pula seramai 2 daripada 5 peserta kajian mendapat pencapaian baik dan jurang markah antara kedua peserta kajian ini tidak ketara iaitu R4 mendapat markah 76% dan R5 memperoleh markah 75%. Manakala pada pencapaian cemerlang pula seramai 3 daripada 5 orang peserta kajian yang mendapat markah dalam lingkungan 82% hingga 95%. Ini menunjukkan ada peningkatan yang telah berlaku pada kitaran kedua. Seramai 3 orang peserta kajian boleh mencapai tahap cemerlang.

Graf 6.2.1: Analisis Gred Pemarkahan



Graf 6.2.1 menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian peserta kajian kitaran 1 dan 2. Setiap peserta kajian menunjukkan peningkatan markah yang sangat memuaskan.

Graf 6.2.2: Analisis Aspek Penilaian.



Pada Graf 6.2.2 pula ialah rumusan peningkatan aspek penilaian dari segi susunan, kebolehan, bentuk, warna, kemasan dan sahsiah yang telah dinilai oleh Pengkaji semasa memberikan markah kepada hasil karya peserta kajian. Semua peserta kajian telah menunjukkan peningkatan dari semua aspek penilaian yang telah ditetapkan.

Temu Bual

Analisis temu bual pada kitaran 1 telah dibuat kepada transkripsi temu bual dan Guru X telah mengatakan bahawa penggunaan pengelek sesuai digunakan untuk menggantikan blok cetakan. Guru X juga berpendapat bahawa teknik gulingan menggunakan pengelek ini

menekankan penambahbaikan alat penggelek supaya lebih kukuh agar hasil cetakan lebih kemas.

Pada kitaran 2, menurut Guru X penggunaan penggelek ini juga menjimatkan proses penghasilan karya dan peserta kajian mempunyai sedikit masa untuk pembersihan kelas sebelum kelas seterusnya bermula. Guru X berpendapat bahawa kelebihan teknik gulingan ini ialah senang untuk dikendalikan oleh peserta kajian.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Kaedah pengumpulan data yang digunakan iaitu pemerhatian, temu bual dan penilaian hasil karya telah berjaya dilaksanakan. Pada kedua-kedua kitaran kajian yang telah dilaksanakan telah menunjukkan peningkatan menunjukkan peserta kajian dapat menerima teknik gulingan menggunakan penggelek dengan baik dan peserta kajian dapat melaksanakan aktiviti cetakan dengan lebih kemas serta teratur.

Kesimpulannya, Pengkaji telah dapat merumuskan bahawa penggunaan penggelek untuk menghasilkan pelbagai tekstur telah menunjukkan hasil yang positif. Dapatan kajian ini juga telah menjawab persoalan kajian dan objektif kajian telah dicapai. Secara keseluruhannya penerimaan peserta kajian terhadap penggunaan penggelek ini bersifat positif.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

- i. Pengkaji mencadangkan pada kajian yang seterusnya akan menggunakan pelbagai bentuk geometri yang sesuai dan senang untuk digunakan sebagai corak pada penggelek.
- ii. Pengkaji mencadangkan agar pemegang penggelek ini diganti kepada "chopstick" yang boleh digunakan dalam teknik gulingan penggelek dengan lebih kukuh dan selesa digunakan.
- iii. Pengkaji mencadangkan kepada guru Pendidikan Seni Visual agar menggunakan penggelek pelbagai tekstur untuk menggantikan blok kayu tersebut. Ini adalah kerana blok kayu susah didapati dan peserta kajian tahun 3 mungkin menghadapi kesukaran untuk membuat jalinan pada blok kayu yang lebih keras berbanding menggunakan penggelek pelbagai tekstur.

RUJUKAN

Chua Yan Piaw (2011). Kaedah Pengkajian Malaysia: McGraw-Hill Sdn.Bhd.

Institut Pendidikan Guru. (2015). Panduan Pelaksanaan Pengkajian Tindakan I Dan Pengkajian Tindakan II. PISMP Ambilan Januari 2013.

Kamus Dewan Bahasa. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Edisi Keempat.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat Dan Misi. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Unit Pendidikan Seni Visual.

Jabatan Kajian Sosial.

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,

Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

Email: claramanda96@gmail.com¹, bngalaibelawing@gmail.com²

PENERAPAN MOTIF DAN CORAK TERABAI KAUM IBAN MENGGUNAKAN TEKNIK CETAKAN BLOK TAHUN 5

David Balang Anak Andrie
Dr. Nelson Tandang Anak Edwin Unting
PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2015
davidbalang444@gmail.com

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk menerapkan motif dan corak *Terabai* kaum Iban menggunakan teknik cetakan blok dalam bidang Mengenal Kraf Tradisional Tahun 5. Kajian ini juga untuk meningkatkan kemahiran murid pada model *Terabai* menggunakan teknik cetakan blok. Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah melibatkan murid seramai lima orang lelaki dan lima orang perempuan. Kajian ini berpandukan Model Kurt Lewin (1946) dan pengumpulan data menggunakan kaedah pemerhatian dan penilaian hasil karya murid. Dapatan hasil kajian menunjukkan penggunaan kaedah cetakan blok dapat menambahbaik hasil cetakan corak pada permukaan model. Cadangan penambahbaikan dalam kajian ini adalah membuat blok cetakan yang mempunyai motif yang pelbagai agar responden dapat menghasilkan corak daripada gabungan motif yang pelbagai.

Kata Kunci: blok cetakan, teknik cetakan blok, kemahiran, penerapan motif, kaum Iban.

ABSTRACT

This action research was carried out to apply the motifs and pattern of Iban's races Terabai using block printing in get to know traditional craft learning Years 5. This research is to improve respondent's block printing skill in the making of Terabai model and Terabai traditional pattern. This action research was participated by Five male and five female pupils. This research is based on the Kurt Lewin Model (1946) and uses the observation method and respondent's work assessment. The finding show that the use of block printing can improve their result of the pattern on the Terabai model surface. Suggestion for improvement in this study is to make a printing block with variable motifs so that respondent can make their own pattern with combination of variable motifs.

Key Words: print block, block printing technique, skills, motif application, Iban races

PENGENALAN

Kajian yang telah dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan kepada murid berkaitan dengan penerapan motif dan corak terabai (corak terancang) kaum Iban dalam seni cetakan blok pada model terabai. Dalam membuat motif dan corak terabai kaum Iban, guru dan murid sering kali menggunakan teknik melukis untuk menghasilkan corak pada permukaan model terabai. Kajian ini dapat memudahkan murid untuk mendapatkan hasil karya yang kemas, kreativiti, dan juga dapat mengaplikasikan teknik cetakan blok untuk menghasilkan karya seni yang baharu yang memerlukan bercorak tradisional seperti pada sebuah hiasan.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini ialah untuk memperkenalkan teknik cetakan blok sebagai penyelesaian dalam mencetak motif dan corak pada model *Terabai*. Kajian ini juga untuk meningkatkan kemahiran murid untuk menggunakan teknik cetakan blok. Melalui kajian ini, pengkaji telah menjadikan teknik cetakan blok sebagai penyelesaian kepada masalah murid dalam aktiviti membuat motif dan corak pada permukaan model Terabai, pengkaji mendapati ramai murid tidak mampu untuk menghasilkan corak yang betul pada permukaan Terabai seperti kehendak pengkaji iaitu corak tradisional, malah kebanyakan murid juga tidak mengenali apa itu Terabai.

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menerapkan motif dan corak Terabai kaum Iban menggunakan teknik cetakan blok dalam bidang mengenal kraf tradisional.

Objektif Kajian

- i. Menerapkan motif dan corak Terabai kaum Iban menggunakan teknik cetakan blok.
- ii. Meningkatkan kemahiran murid dalam teknik cetakan blok untuk menerapkan motif dan corak pada model *Terabai*.
- iii. Menanam rasa menghargai dan memelihara warisan budaya kaum Iban.

Soalan Kajian

- i. Adakah rangka motif dan corak model terabai dapat digunakan oleh murid untuk menghasilkan corak yang mereka inginkan dengan sempurna dalam aktiviti cetakan blok?

- ii. Adakah aktiviti cetakan blok dapat meningkatkan kemahiran murid dalam penggunaan cetakan blok
- iii. Adakah nilai menghargai dan memelihara warisan budaya kaum Iban dapat diterapkan melalui aktiviti penerapan motif dan corak *Teraba*?

KUMPULAN SASARAN


Berikut merupakan kumpulan sasaran dalam kajian ini:

Jadual 1

Aspek	Peserta Kajian	Bilangan Peserta Kajian
Jantina	Lelaki	5
	Perempuan	5
Jumlah		10

TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN

Dalam kajian tindakan ini pengkaji telah menggunakan Model Kurt Lewin (1948) sebagai panduan. Kajian tindakan merangkumi empat kitaran yang berterusan iaitu perancangan, pelaksanaan tindakan, pemerhatian dan refleksi.



Rajah 1: Model Kitaran Kurt Lewin (1948)

Pemerhatian

Pemerhatian telah dilaksanakan agar pengkaji dapat melihat kemajuan murid melakukan aktiviti dan telah mencatat perubahan bagi setiap kitaran yang dilakukan. Maklumat akan dicatatkan dalam borang pemerhatian dan akan dianalisis secara deskriptif dengan menghuraikan hasil yang akan ditunjukkan. Peranan sebagai pemerhati peserta penuh bermakna seorang penyelidik terlibat secara langsung dalam aktiviti yang hendak diperhatikan (Cohen & Manion, 1994). Data kualitatif juga terhasil daripada pemerhatian dan dihuraikan secara terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati (Patton, 1990) seperti dinyatakan dalam Kamarul Azmi Jasmi (2012:1). Data pemerhatian juga akan dianalisis berdasarkan jadual analisis pemerhatian

Hasil Karya Murid

Dari analisis tersebut pengkaji dapat melihat perkembangan responden dalam membuat motif dan corak *Terabai* meningkat, menurun atau masih pada tahap yang sama. Hasil karya murid telah dinilai berpandukan rubrik permorkahan. Rubrik adalah satu bentuk alat pentaksiran yang memberikan panduan untuk menskor pencapaian dan penentuan kualiti jawapan adalah berdasarkan deskripsi bagi setiap skor yang telah ditetapkan (Glass, 2005:17). Perubahan kemajuan telah direkodkan dan dianalisis dan juga rakaman gambar telah dilakukan sebagai sokongan atau bukti tindakan dan kajian adalah dilakukan bersama responden dan bukan hasil rekaan pengkaji sendiri. Pengkaji telah mengambil karya-karya murid sebagai bukti hasil karya mereka dan karya ini akan digunakan untuk melihat dan menilai perkembangan responden.

Hasil karya murid telah dikumpul semasa pelaksanaan kajian dan dianalisis untuk mendapatkan maklumat tambahan untuk kajian. Rubrik permorkahan telah dirangka untuk memastikan kesahan penilaian yang lebih telus. Antara aspek yang ditekankan dalam rubrik permorkahan adalah teknik, kreativiti, kemas, dan aplikasi bahan. Jumlah kesemua markah adalah sebanyak 100% manakala pemberatan permorkahan mengikut kriteria adalah berbeza kerana penguasaan ke atas sesuatu aspek kemahiran adalah berbeza

DAPATAN KAJIAN

Dalam peringkat ini penyelidik telah menganalisis data-data menggunakan dua kaedah iaitu pemerhatian dan hasil kerja murid. Pengkaji telah menganalisis data yang

telah dikumpul hasil daripada pemerhatian dan hasil karya murid. Item-item yang terdapat pada borang pemerhatian adalah dari segi pengetahuan murid tentang corak *Terabai Iban*, dan kemahiran murid menggunakan blok cetakan, kreativiti murid untuk menambah cetakan yang dihasilkan dan melihat nilai yang diperolehi semasa aktiviti membuat cetakan blok.

Rumusan Hasil Pemerhatian

Jadual 2


Hasil Pemerhatian Kitaran 2

Bil	Item	Pertanyaan	Ya	Tidak
01	Penguasaan murid menggunakan alat cetakan blok semasa membuat aktiviti.	1. Adakah semua responden berjaya menguasai alat cetakan blok.	✓	
		2. Adakah murid dapat menghasilkan rupa dan bentuk sempurna menggunakan alat cetakan blok.	✓	
02	Menghasilkan karya <i>Terabai</i> siap pada masa yang ditetapkan.	1. Adakah murid dapat menghantar karya dan mencapai tahap pencapaian yang diingikan oleh penyelidik.	✓	
		2. Adakah murid dapat berjaya menjana idea-idea baru dalam penghasilan karya.	✓	
		3. Adakah aktiviti penggunaan cetakan blok dapat menarik minat murid.	✓	

Hasil pemerhatian daripada kitaran kedua yang dijalankan oleh penyelidik, murid secara keseluruhan telah mencapai objektif yang disasarkan oleh penyelidik. Penyelidik telah mengenalpasti masalah pada dan punca-punca yang menyebabkan objektif pada kitaran pertama tidak mencapai objektif yang diinginkan seperti pada item pertama iaitu penguasaan teknik cetakan blok, murid telah mampu untuk menghasilkan corak yang baik dan menggunakan teknik yang betul semasa melakukan aktiviti cetakan blok. Item kedua pula telah dicapai iaitu menyiapkan karya sebelum matapelajaran habis waktu, dimana kaedah cetakan blok telah membantu murid untuk menjimatkan masa dalam menyiapkan corak *Terabai* tersebut. Akhir sekali iaitu dapat menarik minat murid untuk terus membuat aktiviti cetakan blok, kerana murid seronok untuk menghasilkan corak *Terabai* pada kitaran kedua dan telah menghasilkan karya yang kemas dan menarik.

Rumusan Hasil Karya Murid

Graf 2 Dapatan Hasil Karya Murid



Graf 2 menunjukkan dapatan hasil kerja murid yang dinilai selepas sesi pengajaran dan pengajaran dijalankan. Penilaian telah dilakukan berdasarkan rubrik permarkahan yang telah disediakan. Antara elemen yang dinilai adalah penerapan motif dan corak *Terabai*, kreativiti gubahan komposisi, gubahan motif, kekemasan dan sahsiah. Terdapat peningkatan yang telah dicatatkan dalam bentuk graf, pengkaji juga telah menyelesaikan masalah murid seperti kekemasan dalam menghasilkan corak pada permukaan *Terabai*.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada analisis data menunjukkan peningkatan yang positif pada kitaran kedua. Murid menunjukkan penggunaan blok cetakan sesuai untuk penerapan motif dan corak *Terabai*. Terdapat kekurangan dalam aktiviti menggunakan cetakan blok. Blok cetakan terpaksa dibuat oleh pengkaji sendiri kerana blok cetakan untuk corak *Terabai* tidak dijual dimana-mana kedai. Kedua, penggunaan warna yang sesuai iaitu warna pelaka, dan kos warna tersebut seunit ialah sekitar Ringgit Malaysia 18. Ketiga, jumlah murid yang ramai maka murid terpaksa berkongsi menggunakan blok cetakan untuk menghasilkan corak *Terabai* dan blok tersebut harus dibersihkan setiap kali penggunaan untuk mengelakkan warna berlebihan pada blok tersebut.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Terdapat beberapa cadangan yang boleh diusul untuk kajian lanjutan seterusnya. Pada masa yang akan datang, dicadangkan penghasilan karya cetakan blok menggunakan span sebagai blok cetakan. Hal ini kerana span lebih mudah dicorak dan mudah digunakan oleh murid, selain itu span juga boleh didapati dengan harga yang lebih murah dalam kuantiti yang banyak. Pengkaji juga dapat menghasilkan blok cetakan yang lebih banyak untuk digunakan oleh murid maka dengan itu murid akan sama-sama membuat aktiviti mencetak secara serentak dan akan menjimatkan lebih banyak masa.

RUJUKAN

- Afriani Anita et al. (2013). *Sumber Data, Metode dan Teknik Pengumpulan Data, Pengumpulan Data Kualitatif dan Skala Ukuran*. Falkutas Kesehatan Masyarakat Universitas Andalas Tahun 2013
- Fox, N. (1998). *Trend Focus for Research and Development in Primary Health Care: How To Use Observation in a Research Project*. Trent Focus.
- Glass Kathy Tuchman (2005). *Curriculum design for writing instruction: Creating Standard-Based Lesson Plans And Rubrics*. Thousand Oaks: Corwin Press

Seminar Penyelidikan Pendidikan

Kamarul Azmi Jasmi (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*.
Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Rosinah Edinin. (2012). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur:
Freemind horizon Sdn. Bhd.

Unit Pendidikan Seni Visual.
Jabatan Kajian Sosial.
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan bakam, 98009 miri, Sarawak,
Email: ¹davidbalang444@gmail.com, ²nelsontandang@yahoo.com

**PENGUNAAN PEWARNA ALTERNATIF SEBAGAI PENGGANTI CAT AIR DALAM
BIDANG MENGGAMBAR (CATAN)
MURID TAHUN 5**

**Elizza Ann Anak Paul Tampung
Bell Suut**

PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2015
mizelizza@gmail.com

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk meninjau penggunaan pewarna alternatif daripada bahan tepung jagung, tepung penaik, gula, pewarna makanan dan cuka bagi aktiviti catan dalam bidang menggambar Pendidikan Seni Visual murid Tahun 5. Pengkaji menggunakan model Kurt Lewin (1946) dalam melaksanakan kajian ini. Terdapat 10 peserta kajian yang terlibat yang dipilih secara rawak dalam sebuah kelas Tahun 5 di salah sebuah sekolah di bahagian Miri, Sarawak. Kajian ini menggunakan data triangulasi iaitu hasil kerja murid, pemerhatian dan temubual. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji terhadap kesemua peserta kajian dapat menghasilkan pewarna alternative Kajian ini juga dapat meningkatkan kemahiran dalam menggunakan teknik basah atas kering. Melalui kajian ini peserta kajian dapat menerapkan nilai kemas dalam penghasilan catan

Kata kunci: pewarna alternatif, catan, teknik basah atas kering, nilai kemas.

ABSTRACT

This action research was conducted to explore the uses of alternative coloring made from corn flour, baking powder, sugar, food coloring and vinegar for painting activities in conducting this study. There were 10 participants which is selected randomly for Year 5 class at one of the schools in the Miri division of Sarawak. This study uses triangulation data such as pupil work, observation and interview. Based on the research conducted, they can produce alternative coloring. This study also enhances students' skill in using wet on dry techniques. Through this study the participants can instill the value of neatness in production of painting.

Keywords: alternative coloring, painting, wet on dry techniques, neatness values

PENGENALAN

Pada praktikum yang lepas, pengkaji mendapati murid-murid sukar membawa pewarna dalam aktiviti catan. Penggunaan pewarna alternatif yang diperbuat daripada tepung jagung, tepung penaik, cuka, pewarna makanan dan gula dalam kajian ini adalah berdasarkan masalah iaitu murid sukar menyediakan media warna seperti cat air semasa melakukan penghasilan karya. Penghasilan aktiviti catan dengan mengaplikasikan teknik catan iaitu teknik basah atas kering serta menerapkan nilai kemas. Oleh itu, pengkaji memperkenalkan penggunaan pewarna alternatif bagi menggantikan cat air dalam aktiviti menghasilkan catan.

FOKUS KAJIAN

Kajian tindakan ini berfokuskan kepada penggunaan pewarna alternatif sebagai pengganti cat air bagi aktiviti membuat catan dalam bidang menggambar dengan menggunakan bahan-bahan yang mudah didapati iaitu tepung jagung, cuka, gula, pewarna makanan dan tepung penaik. Selain itu, kajian tindakan ini juga menguji kreativiti dalam menghasilkan catan dengan mengaplikasikan salah satu teknik catan iaitu teknik basah atas kering. Aktiviti ini dapat menerapkan nilai kemas dalam menghasilkan catan yang berkualiti dan teliti.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian:

1. Menghasilkan bahan pewarna alternatif daripada tepung jagung, gula, cuka, pewarna makanan dan tepung penaik untuk digunakan dalam aktiviti catan.
2. Meningkatkan kemahiran dalam mengaplikasikan teknik catan iaitu teknik basah atas kering dalam aktiviti catan.
3. Murid dapat menerapkan nilai kemas dalam aktiviti catan.

Soalan Kajian:

1. Adakah murid dapat menghasilkan karya dengan menggunakan warna alternatif dalam karya?
2. Adakah penggunaan pewarna alternatif dapat meningkatkan kemahiran teknik catan iaitu teknik basah atas kering dalam penghasilan catan?
3. Adakah murid dapat menerapkan nilai kekemasan dalam menghasilkan pewarna alternatif buatan sendiri?

PESERTA KAJIAN

Kumpulan sasaran yang telah menjadi peserta kajian adalah murid-murid Tahap Dua iaitu sebuah kelas Tahun 5 dari salah sebuah Sekolah Kebangsaan di bahagian Miri. Peserta yang dipilih melalui cabutan undian di dalam kelas semasa sesi pengajaran dan pemudahcaraan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) sewaktu pengkaji menjalani sesi praktikum fasa kedua.


Jadual 1

Peserta Kajian

Aspek	Peserta Kajian	Bilangan Peserta Kajian
Jantina	Lelaki	5
	Perempuan	5
	Jumlah	10

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Dalam melaksanakan kajian tindakan ini, pengkaji telah menggunakan model Kurt Lewin (1946). Melalui model Kurt Lewin ini, pengkaji telah membuat sebanyak dua kitaran dalam melakukan penambahbaikan dalam kajian tindakan ini. Dalam kitaran ini mempunyai empat peringkat iaitu perancangan, Rajah 1 menunjukkan model Kurt Lewin (1946) yang digunakan dalam penyelidikan kajian tindakan ini.



Rajah 1. Model Kurt Lewin (1946)

Perancangan

Pengkaji telah mengenalpasti masalah kajian melalui pengalaman praktikum yang lepas, pengkaji mendapat murid-murid sukar membawa bahan iaitu media pewarna yang digunakan dalam aktiviti penghasilan catan. Oleh sebab itu, pengkaji bercadang untuk membuat pewarna alternatif dalam aktiviti penghasilan catan.

Tindakan

Tindakan yang dilaksanakan adalah menggunakan bahan-bahan cuka, tepung jagung, tepung penaik, gula dan pewarna makanan dalam menghasilkan pewarna alternatif untuk menggantikan cat air dalam penghasilan catan kelas Tahun 5. Sesi pengajaran dan pemudahcaraan Pendidikan Seni Visual telah dijalankan selama satu jam mengikut RPH.

Pemerhatian

Pengkaji telah melakukan pemerhatian berdasarkan aktiviti yang dilaksanakan iaitu menghasilkan catan dengan menggunakan pewarna alternatif. Pengkaji membuat rekod berdasarkan borang pemerhatian yang telah dibina yang boleh data dan maklumat kajian untuk melihat penglibatan peserta kajian dalam melakukan aktiviti.

Refleksi

Pengkaji telah membuat rumusan berdasarkan pelaksanaan sesebuah tindakan


setelah mendapat maklumat dari hasil kerja peserta kajian, temu bual bersama peserta kajian dan melakukan pemerhatian berdasarkan rakaman video dan gambar yang diambil. Maklumat yang diperolehi perlu mampu menyokong soalan kajian dan objektif kajian boleh dicapai.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan graf 1, menunjukkan peningkatan murid daripada kitaran pertama ke kitaran kedua dalam penilaian hasil karya catan dihasilkan. Dalam kitaran pertama, masa yang diperuntukan adalah 2 waktu bersamaan dengan 1 jam sesi pengajaran dan pemudahcara Pendidikan Seni Visual (PSV). Dalam pelaksanaan kitaran kedua pengkaji telah memperuntukan 4 waktu mengajar selama dua minggu. Ini membuktikan para peserta kajian memerlukan masa yang scukupnya untuk menyiapkan catan menggunakan pewarna alternatif buatan sendiri.

Graf 1

Perbezaan Markah Hasil Karya Peserta Kajian Bagi Kitaran Pertama dan Kitaran Kedua



Jadual 2

Perbezaan Hasil Karya Kitaran Pertama & Kitaran Kedua



Dalam kitaran kedua, pengkaji telah menjalankan kajian ini selama 2 minggu yang bersamaan dengan 4 waktu. Disini terbukti bahawa waktu yang cukup dapat membantu peserta kajian menghasilkan catan yang berkualiti dengan mengaplikasikan teknik basah atas kering dengan betul. Para peserta kajian juga dapat menerapkan nilai kemas semasa menghasilkan catan menggunakan pewarna alternatif buatan sendiri.

Pemerhatian

Melalui pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji dalam kitaran pertama, mendapati lapan daripada sepuluh orang peserta kajian tidak berjaya menghasilkan pewarna alternatif kerana belum memahami cara menghasilkan pewarna alternatif. Dalam kitaran pertama ini terdapat enam peserta kajian belum mahir mengaplikasikan teknik basah atas kering dalam penghasilan karya catan walaupun telah di demostrasikan oleh pengkaji dan tayangan video

secara berterusan semasa pengajaran dan pemudahcaraan Pendidikan Seni Visual. Dalam aktiviti catan juga mereka kurang mahir menerapkan nilai kemasn bagi kitaran pertama ini. Manakala dalam kitaran kedua pula, lapan daripada sepuluh peserta kajian berjaya menghasilkan pewarna alternatif kerana mereka memahami proses dan menggunakan pengalaman yang lepas dalam penghasilannya. Dua daripada sepuluh peserta kajian masih kurang mahir dalam mengaplikasikan teknik basah atas kering dalam penghasilan catan tetapi mereka mempunyai peningkatan daripada kitaran pertama. Semua peserta kajian dapat menerapkan nilai kemasn dalam penghasilan catan.

Temu bual

Pengkaji telah melakukan temu bual bersama dengan para peserta kajian setelah selesai kedua-dua kitaran. Dalam kitaran pertama, lapan daripada sepuluh peserta kajian menyatakan setuju bahawa penggunaan pewarna alternatif adalah sesuai dalam penghasilan catan. Tujuh daripada sepuluh peserta kajian dapat menyatakan teknik basah atas kering dalam penghasilan catan walaupun mereka kurang mahir dalam mengaplikasikannya. Kesemua peserta kajian kurang mahir menerapkan nilai kemasn dalam penghasilan catan.

Dalam kitaran kedua, hampir kesemua peserta kajian dapat menjawab soalan temu bual dan bersetuju tentang kesesuaian penggunaan pewarna alternatif dalam penghasilan catan kerana tidak menggunakan bahan kimia yang berbahaya. Semua peserta kajian dapat menyatakan teknik basah atas kering dan cara untuk menggunakan teknik ini dalam penghasilan catan. Nilai kemasn juga mereka dapat terapkan dalam penghasilan catan.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis data yang diperoleh, para peserta kajian telah berusaha menghasilkan pewarna alternatif dengan membawa bahan-bahan yang diperlukan dengan bantuan pengkaji juga. Mereka berusaha menghasilkan pewarna alternatif sendiri secara individu walaupun semasa sesi pengajaran dan pemudah cara dilaksanakan secara berkumpulan. Dalam kitaran pertama, peserta kajian masih lagi kekok dan ada yang lupa membawa bahan-bahan yang diperlukan serta masih mengharapkan pengkaji menyediakan kesemua bahan untuk menghasilkan pewarna alternatif. Dalam kitaran kedua yang telah dilaksanakan, nampak peningkatan yang baik dalam peserta kajian dengan bertanggungjawab membawa bahan yang diperlukan dalam membuat pewarna alternatif. Perkara ini sedikit sebanyak memupuk nilai kemasn dalam diri mereka terutama

bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan. Para peserta kajian dapat mempelajari sesuatu yang baru yang boleh dijadikan pengalaman dalam kehidupan mereka terutamanya dalam menggunakan kreativiti dan inovasi diri sendiri dalam menghasilkan sesuatu bahan yang boleh membantu dalam perbuatan karya di masa hadapan.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Hasil daripada dapatan kajian, pengkaji mendapati penggunaan bahan-bahan seperti tepung jagung, tepung penaik, gula, cuka dan pewarna makanan untuk menghasilkan pewarna alternatif buatan sendiri untuk menggantikan pewarna cat air. Menggunakan pewarna alternatif buatan sendiri dalam penghasilan catan dalam bidang menggambar. Pengkaji memberi dua cadangan tindakan susulan yang boleh dilanjutkan dalam kajian ini. Cadangan pertama adalah pembangkan penggunaan pewarna alternatif buatan sendiri kepada semua tahap murid iaitu tahap satu dan tahap dua. Kedua iaitu kembangkan pendedahan penggunaan pewarna alternatif buatan sendiri di semua sekolah samaada di luar bandar dan di bandar. Penggunaan pewarna alternatif ini dapat membantu semua murid untuk berani mencuba sesuatu terutamanya dalam meningkatkan kreativiti dan inovasi sehingga boleh mempunyai nilai komersial.

RUMUSAN

Sebagai rumusan kajian tindakan ini, Pendidikan Seni Visual (PSV) merupakan satu mata pelajaran yang memberi ruang kepada murid untuk mencuba sesuatu yang baru dan mengasah daya kreativiti serta menguji psikomotor halus. Mereka juga dapat mengaplikasikan pengalaman belajar dalam kehidupan seharian. Justeru itu, kreativiti dan inovasi murid-murid adalah penting dalam membentuk keperibadian diri terutamanya sejajar dengan pembangunan negara dalam membentuk kemenjadian murid.

RUJUKAN

Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Pendidikan Seni Visual Tahun 4 (2012).
Kementerian Pelajaran Malaysia.

Mok S.S. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan Perancangan Dan Pelaksanaan Tindakan: Selangor Darul Ehsan: Penerbit Multimedia.*

Mok S.S. (2010). *Literatur Dan Kaedah Penyelidikan (Edisi Kedua: Selangor Darul Ehsan :*

Penerbit Multimedia.

Pendidikan Seni Visual (2010). *Catan Cat Air. Diperoleh Februari 6,2018 dari*
<http://senivisual1.blogspot.my/2010/07/catan-cat-air.html>

Jabatan Kajian Sosial
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
Email : mizelizza@gmail.com¹, bsuut@yahoo.com.my²

**PENGUNAAN TIKAR GETAH SEBAGAI BAHAN ATERNATIF DALAM AKTIVITI MOZEK
PENDIDIKAN SENI VISUAL**

TAHUN 5

Kenny Dambu Anak Ugus

Bell Su'ut

PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2015

Kennydambu@gmail.com

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk memperkenalkan penggunaan tikar getah sebagai bahan alternatif dalam aktiviti mozek Bidang Menggambar. Penyelidikan tindakan ini menggunakan Model Kurt Luwin (1948). Objektif kajian ini bertujuan untuk menggantikan kertas warna serta dapat menggalakkan murid untuk menghasilkan karya seni yang kreatif dan menggalakkan murid mempelajari kemahiran menggunting dan melekat. Kajian ini terdiri daripada 10 peserta kajian dari Tahun 5 di sebuah sekolah bandaraya di Miri, Sarawak. Pengkaji telah menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu temu bual, penilaian hasil kerja murid dan pemerhatian. Dalam penyelidikan tindakan ini, pengkaji telah menjalankan dua kitaran bagi menunjukkan penggunaan tikar getah sesuai digunakan dalam aktiviti mozek. Kajian juga menunjukkan kreativiti murid dapat dipertingkatkan, Akhir sekali, kajian ini dapat meningkatkan kemahiran menggunting dan melekat murid.

Kata kunci: bahan alternatif tikar getah, kreativiti, tahan lasak

ABSTRACT

This study was conducted to introduce the use of rubber mats as an alternative material in the field of Drawing mosaic activity. This action research uses Kurt Luwin Model (1948). The objective of this study is to replace colored papers to encourage students to produce creative artworks and to encourage pupils to learn the skills of cutting and sticking. This study consists of 10 participants from Year 5 in one of the school in Miri City, Sarawak. The researchers used three methods of data collection, interviews, assessment of student work and observation. In this research, the researchers conducted two cycles to show the use of rubber mats is suitable to be use in mosaic activities. Research also shows that the creativity of the pupils was improved, Finally, this study can enhance the skills of cutting and sticking of the pupils.

Keywords: rubber mat as alternative, creativity, durability

PENGENALAN

Seni mozek ialah proses penghasilan karya yang dilaksanakan secara potongan kertas atau sesuatu bahan yang pelbagai. Seni mozek ini boleh dijalankan dengan pelbagai bentuk dan tidak terhad kepada satu bentuk. Penyesuaian warna untuk mozek telah dibuat mengikut dalam bentuk objek. Penyesuaian warna untuk mozek telah dibuat dengan teliti untuk menampakkan prinsip kontra pada objek yang dihasilkan. Dalam membuat karya mozek, teknik yang sesuai untuk digunakan ialah teknik mozek timbul (relief).

Menurut Khairul (2004), Pendidikan Seni Visual didefinisikan sebagai pendidikan aliran baru dan lebih menekankan kepada pembentukan jiwa kanak-kanak ke arah aktif dan kreatif. Sehubungan itu, kanak-kanak yang bersifat kreatif dapat dilahirkan dan dipupuk dari awal untuk membentuk dan mencipta sesuatu yang baru.

Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-4 (2007), bahan bermaksud sesuatu atau beberapa benda (barang dan sebagainya) yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu atau untuk sesuatu tujuan. Manakala, alternatif didefinisikan sebagai satu pilihan. Lantaran itu, bahan alternatif bermaksud sesuatu benda yang dipilih untuk menghasilkan sesuatu tujuan.

Menurut Tajul Said (2001), penggunaan bahan terbuang secara khusus dapat memberikan satu alternatif baru dalam penggunaan bahan terpakai. Kenyataan beliau ini berkaitan dengan tajuk penyelidikan yang saya laksanakan. Guru haruslah memilih alat bantu mengajar dari pelbagai sumber dan mengintegrasikan mengikut keperluan serta kebolehan murid. Kenyataan ini juga bersesuaian dengan penyelidikan ini yang menggunakan tikar getah terbuang sebagai sebagai bahan alternatif dalam aktiviti mozek. Proses pengajaran dan pembelajaran juga dapat dijalankan dengan lebih menarik.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji penggunaan tikar getah sebagai bahan alternatif bagi menggantikan kertas warna dalam aktiviti mozek. Tambahan itu, pengkaji menfokuskan kepada penggunaan tikar getah ini sebagai bahan alternatif dalam mozek. Selain itu juga, ia adalah untuk melihat kemahiran menggantung dan melekat dalam aktiviti mozek yang dilakukan oleh peserta kajian. Di samping itu, ia adalah bertujuan untuk menggalakkan murid untuk menghasilkan karya yang lebih kreatif dengan menggunakan tikar getah.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian

- a) Penggunaan tikar getah sebagai bahan alternatif dalam aktiviti mozek untuk menggantikan kertas warna
- b) Menggalakkan murid menghasilkan mozek yang lebih kreatif dengan menggunakan bahan alternatif.
- c) Menggalakkan murid mempelajari kemahiran menggunting dan melekat dalam penghasilan karya mozek.

Soalan Kajian

- a) Adakah penggunaan tikar getah sesuai dijadikan bahan alternatif untuk menggantikan kertas warna dalam aktiviti mozek?
- b) Adakah penggunaan tikar getah dapat menggalakkan murid menghasilkan mozek yang lebih kreatif?
- c) Adakah penggunaan tikar getah sebagai bahan alternatif dapat meningkatkan kemahiran menggunting dan melekat pada dalam penghasilan karya mozek?

PESERTA KAJIAN

Kajian tindakan ini telah dijalankan di salah sebuah sekolah rendah di bahagian Miri, Sarawak. Kajian ini melibatkan 10 orang responden yang terdiri daripada lima orang murid lelaki dan lima orang murid perempuan yang berumur 11 tahun. Pemilihan responden adalah dipilih secara rawak tanpa mengira prestasi pendidikan mereka. Jadual 1 menunjukkan profil responden yang telah dipilih untuk mengikuti kajian ini.

Jadual 1

Peserta Kajian


Jantina	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Lelaki	5	50

Perempuan	5	50
Jumlah	10	100

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Langkah-langkah Tindakan

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian dengan berpandukan kepada model Kitaran Kurt Lewin (1948) bagi merancang segala tindakan yang diambil. Melalui kitaran ini, penyelidik telah membuat sebanyak dua kitaran dengan setiap satu kitaran tersebut mempunyai empat proses iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan proses membuat refleksi.



Rajah 1: Model Kitaran Kurt Lewin (1948)

Sehubungan dengan itu, permasalahan yang terdapat di pusingan pertama telah disambung dan diteruskan di pusingan kedua sehingga masalah yang berbangkit atau berkaitan telah diselesaikan secara optimum.

1. Perancangan

Pengkaji telah mengenalpasti masalah kajian yang ditemui pada pembelajaran lepas melalui refleksi pembelajaran.

2. Tindakan

Pengkaji menyediakan Rancangan Pengajaran Harian dan instrumen kajian iaitu borang pemerhatian, borang temu bual dan rubrik pemarkahan.

3. Pelaksanaan

Pengkaji telah melaksanakan kajian bersama dengan peserta dengan menggunakan tikar getah dan mentadbir instrumen kajian untuk mendapatkan data kajian. Instrumen kajian ini diisi oleh guru pembimbing dan guru Pendidikan Seni Visual.

4. Refleksi

Pengkaji mereflek dan membincangkan kesan penggunaan tikar getah dalam aktiviti mozek. Pengkaji juga mengenal pasti kekuatan dan kelemahan serta tindakan susulan yang dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Pemerhatian

Berdasarkan kepada analisis pemerhatian yang telah dibuat oleh guru X dan Y semasa aktiviti mozek dijalankan di dalam kelas bagi aspek penggunaan tikar getah dalam aktiviti mozek, mereka melihat bahawa tikar getah merupakan satu bahan yang menarik, sesuai, inovasi bahan dan tahan lama. Walau bagaimanapun, mereka melihat bahawa tikar getah ini merupakan satu bahan mesra pengguna. Tambahan itu, guru hendaklah menekankan aspek keselamatan sebelum dan semasa aktiviti dijalankan supaya keselamatan pelajar dijaga.

Bagi aspek kemahiran menggunting dan melekat pula, guru X menyatakan bahawa kemahiran dan menggunting bagi responden masih kurang pada kitaran 1. Manakala menurut pemerhatian guru Y kemahiran responden semasa menggunting dan melekat adalah baik. Semasa di kitaran 2, guru X melihat bahawa kemahiran menggunting dan melekat responden telah meningkat dengan baik. Menurut guru Y pula, kedua-dua kemahiran tersebut telah meningkat semasa kitaran 2.

Di samping itu, aspek ketiga iaitu penghasilan kreatif, guru X dan Y menyatakan bahawa kreativiti responden meningkat semasa menghasilkan karya mozek semasa di kitaran 1. Pada kitaran 2 pula, guru X dan Y menyatakan bahawa peserta kajian dapat menghasilkan karya yang kreatif dan menarik.

Temu Bual

Berdasarkan kepada hasil analisis temu bual bagi aspek penggunaan tikar getah dalam aktiviti mozek, sememangnya tikar getah dapat digunakan dalam aktiviti mozek. Ia merupakan bahan yang tahan lama dan tidak mudah terkoyak.


Bagi aspek kemahiran menggunting dan melekat dalam karya mozek, kitaran pertama kemahiran yang ditunjukkan oleh responden masih kurang mahir kerana mereka baru terdedah kepada bahan tersebut. Walau bagaimanapun, pada kitaran kedua kemahiran menggunting dan melekat oleh peserta kajian menunjukkan peningkatan. Responden dapat menggunting tikar getah dengan baik mengikut bentuk ikan yang telah disediakan.

Seterusnya dalam aspek penghasilan karya seni yang kreatif, peserta kajian berjaya menghasilkan karya mozek ikan yang menarik dan cantik. Tambahan pula, ianya dapat meningkatkan kreativiti peserta kajian dengan menggunakan tikar getah

Hasil kerja Murid

Graf 1


Perbezaan Markah Hasil Kerja Murid bagi Kitaran 1 dan 2



Berdasarkan kepada dapatan data markah hasil kerja murid, sebanyak lima orang peserta mendapat gred sederhana iaitu diantara 40%-59%. Manakala, lima orang peserta mendapat gred baik iaitu diantara 60%-79% pada kitaran 1. Pada kitaran 2 pula, sebanyak empat orang peserta mendapat gred baik manakala enam orang peserta mendapat gred cemerlang iaitu diantara 80%-100%.

Graf 2


Perbezaan Markah Kreativiti Responden



Berdasarkan kepada analisis data dalam aspek kreativiti, terdapat keseluruhan iaitu 10 orang peserta mendapat gred baik yang membawa markah 16%-25% pada kitaran 1. Tambahan itu, pada kitaran 2 pula terdapat peningkatan dalam aspek kreativiti ini terhadap peserta kajian pengkaji. Terdapat 4 orang peserta mendapat gred yang baik yang membawa 16%-25%. Manakala 6 orang peserta pula mendapat gred yang cemerlang iaitu diantara 26%-30%.

Graf 3

Perbezaan Markah Kemahiran Menggunting dan Melekat



Dalam graf 3 pada kitaran 1, terdapat dua orang peserta mendapat gred yang sederhana iaitu diantara 6%-10%. Seterusnya, enam orang peserta pula mendapat gred yang

baik diantara 11%-15%. Manakala dua orang peserta mendapat gred yang cemerlang diantara 16%-20%. Berdasarkan pada kitaran 2 pula, terdapat tiga orang peserta mendapat gred yang baik diantara 11%-15%. Dan akhir sekali, tujuh orang peserta telah mendapat gred yang cemerlang diantara 16%-20%.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada analisis data dan dapatan kajian melalui instrumen kajian yang telah dibuat oleh pengkaji seperti pemerhatian, temu bual dan hasil kerja murid, pengkaji mendapati bahawa tikar getah dapat digunakan sebagai bahan alternatif untuk menggantikan kertas warna dalam aktiviti mozek Pendidikan Seni Visual Tahun 5.

Hasil dapatan data yang diperoleh melalui hasil kerja peserta menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi kreativiti terhadap hasil kerja peserta memberi kesan keputusan yang cemerlang. Kreativiti yang ditunjukkan oleh peserta semasa menghasilkan karya mozek telah meningkat berbanding di kitaran 1. Hasil karya peserta juga menunjukkan pengaplikasian tikar getah sebagai bahan alternatif adalah sesuai dimana mereka berjaya menggunakan tikar getah sebagai bahan dalam aktiviti mozek. Seramai 9 orang peserta yang mewakili 80% berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dan 2 orang peserta mewakili 20% berjaya mendapat keputusan baik untuk hasil karya mozek mereka. peserta dapat menyusun kepingan tikar getah dengan tersusun dan terancang.

Seterusnya, hasil temu bual dan pemerhatian yang telah dibuat oleh guru X dan Y pada kitaran 2 ini menyatakan bahawa penggunaan tikar getah sememangnya sesuai sangat digunakan untuk murid tahap 2. Kebanyakan jawapan yang positif mengenai penggunaan tikar getah. Kreativiti yang ditunjukkan oleh peserta semasa menggunakan tikar getah ini juga meningkatkan dan dapat dilihat oleh mereka.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Pertama sekali ialah penggunaan tikar getah dalam montaj. Kedua ialah menggunakan tikar getah dalam aktiviti kolaj. Di samping itu, aktiviti anyaman juga boleh dilakukan dengan menggunakan tikar getah.

RUMUSAN

Berdasarkan kepada analisis dapatan data yang diperolehi, penggunaan tikar getah dalam aktiviti mozek sememangnya dapat digunakan. Peserta kajian dapat menghasilkan karya mozek mereka dengan cemerlang di akhir kajian. Kemahiran menggunting dan melekat bagi peserta juga meningkat selepas kajian dijalankan. Tambahan itu juga, kreativiti yang ditunjukkan oleh responden juga meningkat dengan menggunakan tikar getah dalam aktiviti mozek berbanding dengan menggunakan kertas warna.

RUJUKAN

Khairul Anuar b. Amran (2004). Cetusan Minda Maktab Perguruan Perlis. Perlis: Percetakan Seni

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur

Tajul Said (2001). Forum penyelidikan, Institusi Bahasa Melayu Malaysia.

Jabatan Kajian Sosial
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98000 Miri, Sarawak,
Email: Kennydambu@gmail.com¹, bsuut@yahoo.com.my²

**PENGGABUNGJALINAN KARYA DIORAMA DENGAN ARCA MOBAIL
DALAM AKTIVITI MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN
TAHUN 4**

**Muhammad Nur Azwan Bin Othman
John Diding**
PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2015
azwanoqh@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan bagi membuat penggabungjalinan diorama dengan arca mobail dalam bidang membentuk dan membuat binaan. Kajian ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran murid, memupuk nilai kerjasama dan toleransi serta mempertingkatkan kreativiti murid. Peserta kajian ini terdiri daripada 12 orang murid tahap dua iaitu tahun empat dari salah sebuah sekolah di bahagian miri, Sarawak. Kajian ini menggunakan model penyelidikan tindakan Stephen Kemmis (1983). Kaedah pemerhatian, temu bual dan penilaian hasil kerja peserta menjadi cara mengumpul data dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan semua peserta kajian dapat menghasilkan penggabungjalinan diorama dengan arca mobail. Secara tidak langsung kemahiran murid seperti menggunting dan mencantum juga dapat ditingkatkan disamping setiap kumpulan menunjukkan sikap kerjasama dan toleransi disamping kreatif dalam penghasilan karya.

Kata kunci: Penggabungjalinan diorama arca mobail, kreativiti serta kemahiran mencantum dan menggunting

ABSTRACT

This action research was conducted to combine diorama with mobail sculpture in the the field of shaping and constructing. This research was also done to improve skill, foster cooperation and tolerance between student and boost their creativity. The participants of this research consists of 12 upper primary pupils from year 4 in one of the school in Miri, Sarawak. This research utilized the Stephen Kemmis model (1983). Data was collected through observation, interview and assessment of pupil art work. Research findings showed that all participants managed to combined diorama work with mobail sculpture. Student's skills in cutting and assembling were improved. In addition, every group has shown cooperation and tolerance as well as their creativity has been boosted.

Keyword: the combine of diorama with mobail sculpture, creativity, cutting skills and assembling.

PENGENALAN

Kajian ini memfokuskan pada bidang membentuk dan membuat binaan. Menurut kamus Dewan edisi keempat (2007) diorama ialah sejenis binaan tiga dimensi (3D) yang mengandungi pelbagai objek untuk menggambarkan situasi yang sebenar. Definisi arca mobail pula, boleh bergerak sendiri, berputar, berombak dan kebiasaannya terawang-awang. Pengkaji akan membuat diorama dimana pengkaji akan menggabungkan arca mobail ke dalam penghasilan diorama.

Aktiviti membentuk peringkat sekolah rendah memainkan peranan penting dalam perkembangan kanak-kanak. Salah satu daripadanya ialah meningkatkan daya kreativiti. Lowenfeld (1975) percaya bahawa setiap kanak-kanak dilahirkan kreatif. Kenyataan ini disokong dengan sifat semula jadi kanak-kanak yang gemar meneroka.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Setelah menjalankan praktikum pertama pada 3 Julai 2017 pengkaji mengenal pasti masalah dalam penghasilan diorama. Pertama sekali, pengkaji ingin memperkenalkan teknik penghasilan diorama yang baru. Seterusnya kemahiran dan kreativiti murid dalam menghasilkan karya juga kurang dapat dipertingkatkan. Hal ini kerana, murid hanya menggunakan model sebenar yang telah siap dan tidak membuat atau menghasilkan sendiri menggunakan kreativiti masing-masing.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah untuk menghasilkan diorama dengan penggabungjalinan arca mobail. Fokus kajian yang seterusnya ialah memperkembangkan kreativiti murid dalam bidang membentuk dan membuat binaan. Kajian ini juga dijalankan untuk meningkatkan kemahiran menggunting dan mencantum objek arca untuk penghasilan diorama dengan penggabungjalinan arca mobail.

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Menggabungkan arca mobail dalam aktiviti membentuk dan membuat binaan tahun 4 dalam subjek Pendidikan Seni Visual.
- b) Meningkatkan kreativiti murid dalam bidang membentuk dan membuat binaan.
- c) Meningkatkan kemahiran menggunting dan mencantum.

Berikut merupakan soalan kajian yang dikemukakan mengikut objektif kajian:


- a) Adakah penggabungan arca mobail dalam aktiviti diorama sesuai dijadikan aktiviti seni visual dalam bidang membentuk dan membuat binaan?
- b) Adakah aktiviti penggabungan antara diorama dan arca mobail dapat mengembangkan kreativiti murid?
- c) Adakah aktiviti penggabungan antara diorama dan arca mobail dapat mengembangkan kemahiran menggunting dan mencantum?

PESERTA KAJIAN

Kajian ini melibatkan 12 orang murid Tahun 4 di salah sebuah sekolah rendah di bahagian Miri. Peserta kajian terdiri daripada enam orang murid lelaki dan enam orang murid perempuan. Peserta kajian terbahagi kepada tiga kumpulan.

TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN

Dalam menjalankan tindakan ini, pengaji telah menjalankan kajian dengan berpandukan kepada model penyelidikan tindakan Stephen Kemmis (1983). Rajah 1 menggambarkan kitaran teori Stephen Kemmis (1983) yang digunakan dalam penyelidikan kajian tindakan ini.



Rajah 1. Model penyelidikan tindakan Stephen Kemmis (1983)

Perancangan (kitaran pertama)

Berdasarkan penghasilan diorama yang lepas kebanyakannya tidak digabungkan dengan arca mobil. Oleh itu, saya telah merancang rancangan harian (RPH) untuk kajian ini. Seterusnya, pengkaji telah menyediakan borang instrument temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen iaitu borang pemarkahan untuk melihat keberkesanan aktiviti.

Tindakan (kitaran Pertama)

Pengkaji telah melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang telah di sediakan.

Pemerhatian (kitaran pertama)

Pengkaji telah melakukan pemerhatian di sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung berdasarkan borang panduan pemerhatian. Pengkaji telah menilai hasil karya murid didalam rubrik pemerhatian.

Refleksi (Kitaran Pertama)

Refleksi meliputi perkara-perkara yang berlaku sebelum, semasa dan selepas sesi pengajaran dan pembelajaran bersama peserta kajian berlangsung. Refleksi ini dijalankan

bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan kajian yang dijalankan untuk membuat penambahbaikan.

Tambahbaik (kitaran kedua)

Selesai menganalisis kelemahan pada refleksi dalam kitaran pertama iaitu masalah pada alat iaitu gunting yang terlalu kecil serta penggunaan gam yang tidak sesuai dengan aktiviti ini. Kelemahan juga pada model yang dihasilkan sama dengan model yang dihasilkan oleh guru. Pengkaji telah memulakan langkah perancangan dengan melakukan penambahbaikan pada alat iaitu gunting yang lebih besar dan bahan "*hot glue gun*" serta mempelbagaikan lagi contoh diorama dan arca mobail.

Tindakan (kitaran kedua)

Pengkaji telah memulakan langkah tindakan dengan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan RPH yang telah dibuat. Pengkaji telah melaksanakan penambahbaikan kepada murid dengan menyediakan alat dan bahan yang diperlukan.

Pemerhatian (kitaran Kedua)

Pengkaji telah melakukan pemerhatian sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Borang pemerhatian digunakan oleh pengkaji untuk membuat kajian pemerhatian.

Refleksi (Kitaran kedua)

Penyelidik membuat refleksi berdasarkan pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan.

DAPATAN KAJIAN

Pemerhatian

Pengkaji telah melaksanakan kitaran pertama dan memperoleh data melalui pemerhatian. Item-item yang terdapat pada borang pemerhatian adalah berfokus kepada objektif dan soalan kajian. Menjawab persoalan objektif, penggabungjalinan diorama dengan arca mobail adalah sesuai dalam aktiviti Pendidikan Seni Visual tahun 4. Pengkaji mendapati kreativiti murid kurang berkembang hanya dengan berpandukan model diorama dengan penggabungjalinan arca mobail yang disediakan oleh guru. Pengkaji mendapati terdapat sedikit permasalahan yang timbul pada kitaran pertama iaitu berkaitan dengan alat dan bahan yang kurang sesuai yang akan memberi impak kepada kemahiran mencantum dan menggunting.


Pada kitaran kedua, pengkaji telah membuat penambahbaikan alat dan bahan iaitu gunting yang lebih besar dan penggunaan hot glue gun serta pita pelekat bagi memudahkan murid menjalankan aktiviti. Hasilnya, murid dapat menggunting dengan lebih kemas dan membuat aktiviti mencantum dengan mudah serta hasil karya lebih kemas. Mempelbagaikan lagi contoh diorama dengan arca mobail juga dapat mempertingkatkan kreativiti murid.

Temu Bual

Pengkaji telah menjalankan temu bual terhadap seorang guru yang juga major dalam pendidikan seni visual dan membuat temu bual terhadap lima orang murid yang terlibat dengan kajian tindakan. Hasil temu bual terhadap guru dan murid pada kitaran pertama, menunjukkan bahawa penggabungjalinan diorama dengan arca mobail adalah sesuai dalam aktiviti Pendidikan Seni Visual.

Kreativiti murid juga dapat di perembangkan kerana murid menghasilkan karya menggunakan bahan yang terbuang sebagai dasar dan diolah mengikut kreativiti masing-masing. Pada pandangan guru, contoh perlu dipelbagaikan lagi, bagi memberi ilham kepada murid. Selain itu penggunaan gunting yang kecil dan gam cair adalah kurang sesuai.


Pengkaji telah melakukan penambahbaikan pada kitaran kedua dengan menyediakan murid gunting yang bersaiz lebih besar dan penggunaan *hot glue gun* serta pita pelekat. Contoh yang pelbagai telah ditunjukkan kepada murid semasa menjalankan aktiviti. Pengkaji telah melakukan temu bual pada kitaran kedua dengan guru dan murid yang sama pada kitaran pertama.



Kumpulan/Markah	kitaran 1	kitaran 2	Perbezaan
Kumpulan A	69%	83%	14%
Kumpulan B	56%	73%	17%
Kumpulan C	52%	70%	18%

Rajah 2. Perbandingan markah kumpulan bagi kitaran 1 dan kitaran 2.

Berdasarkan graf tersebut, jelas terdapat peningkatan pada kitaran kedua jika dibandingkan dengan kitaran pertama. Pada kitaran pertama kumpulan A mendapat 69% dan berada pada skala sederhana, kumpulan B 56% berada pada skala sederhana dan kumpulan C 52% juga sama pada skala sederhana. Pada kitaran kedua pula, setiap kumpulan telah menunjukkan peningkatan kepada kesemua kumpulan dimana kumpulan A telah mendapat 83% markah keseluruhan yang berada pada skala cemerlang. Manakala kumpulan B mendapat 73% yang berada pada skala baik dan kumpulan C mendapat 70% yang berada pada skala baik.



Rajah 3. Skor Min Peratus Pentaksiran Rubrik Pemarkahan Bagi Kitaran pertama dan kitaran Kedua

Rajah 3 menunjukkan bahawa terdapat lima kriteria yang dinilai oleh pengkaji terhadap karya yang telah dihasilkan. Kitaran pertama menunjukkan aplikasi bahan hanyalah 61.1% jika dibandingkan dengan kitaran kedua iaitu sebanyak 71.11%. Peningkatan sebanyak 10% untuk kriteria aplikasi dan bahan pada kitaran kedua. Kriteria teknik menggantung dan mencantumkan pula hanyalah 53.33% pada kitaran pertama jika dibandingkan pada kitaran kedua iaitu 73.33% dengan perbezaan peningkatan sebanyak 20%. Kreativiti murid pada kitaran satu ialah 68% dan meningkat kepada 81.33% pada kitaran kedua perbezaan peningkatan ialah sebanyak 13.33%. Kitaran pertama menunjukkan kriteria kemasan dalam penghasilan karya hanyalah 53.33% dan meningkat kepada 73.33% pada kitaran kedua menunjukkan peningkatan sebanyak 20% bagi Kriteria kemasan.

REFLEKSI

Penggabungjalinan diorama dengan arca mobail dapat menghasilkan hasil yang menarik dengan adanya diorama pada dasarnya menggambarkan suasana tertentu digabungjalinkan dengan arca mobail yang memberi impak kepada suasana sesuatu tempat pada diorama tersebut menjadi lebih realistik.

Aktiviti yang dijalankan jelas dapat mempertingkatkan kemahiran murid dalam menggunting dan mencantum. Hal ini kerana aktiviti penggabungjalinan diorama dengan arca mobail memerlukan murid untuk menggunakan gunting dan aktiviti mencantum. Perkembangan kreativiti murid juga jelas berkembang sepanjang menjalankan kajian ini. Hal ini kerana, murid dapat menghasilkan model penggabungjalinan diorama dengan arca mobail selain model yang telah ditunjukkan oleh guru. Nilai bekerjasama dan toleransi juga dapat dipupuk dalam diri setiap murid. Hal ini kerana murid memberikan komitmen yang sepenuhnya untuk menghasilkan karya.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Cadangan yang pertama ialah penghasilan seni diorama digabungjalinkan dengan mesin atau motor. Kajian ini ialah bertujuan untuk meningkatkan kreativiti murid yang akan lebih kepada era kemodenan masa kini. Contohnya, inovasi jam. Motor pada jam digunapakai untuk menggerakkan suasana waktu siang dan malam di dalam diorama. Selain itu, kajian ini dapat mengelakkan pembaziran dalam kalangan murid dan juga dapat menyemai amalan sifat berjimat-cermat.

Cadangan yang kedua ialah penghasilan diorama menggunakan teknik papier mache bagi tahun 4. Kajian ini mampu mengembangkan kreativiti murid-murid. Amalan berjimat cermat sudah semestinya dapat disemaikan kepada murid memandangkan bahan yang digunakan ialah bahan yang terbuang.

RUMUSAN

Kesimpulannya, pengaplikasian penggabungjalinan diorama dengan arca mobail adalah sesuai. Kreativiti murid juga dapat diperkembangkan. Selain itu, kemahiran murid terutamanya dalam menggunting dan mencantum dapat diperkembangkan juga disamping dapat memupuk nilai bekerjasama dan bertoleransi di dalam diri pelajar.

RUJUKAN

Abdul Rahim Abdul Rashid. (1999). *“Wawasan dan Agenda Pendidikan”*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Ho Ho Tong, Dr Rahmah binti Murshidi, Dr Gan We Ling, Zaliha binti Musa, Ahap bin Awal, Lee Hou Yew, John anak Brodi, Sapiee bin Saidi, Stanley anak Abang. (2011). *Asas Penyelidikan tindakan Teori dan Amalan*. Sarawak:

Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

Kemmis, S & McTaggart, R. (1983). *The Action Research Planner*. Deakin University Press, Victoria.

Sufean Husin. (2001). *Dasar dan Pengurusan Pendidikan awal kanak-kanak*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

Unit Pendidikan Seni Visual
Jabatan Kajian Sosial.
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: ¹azwanoqh@yahoo.com, ² johndidingsup@yahoo.com

PENGGUNAAN BAHAN ALTERNATIF DALAM AKTIVITI PUALAMAN BAGI BIDANG MEMBUAT CORAK DAN REKAAN TAHUN 4

Nor Ermasila Binti Kasani
Dr. Nelson Anak Edwin Unting
PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2015
norermasilakasani@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk memperkenalkan penggunaan bahan alternatif iaitu cat kuku bagi menghasilkan pualaman dalam bidang Membuat Corak dan Rekaan Tahun 4. Objektif kajian ini ialah untuk melihat kesesuaian penggunaan bahan alternatif cat kuku dalam aktiviti pualaman, mengatasi masalah kekurangan masa dalam penghasilan karya pualaman dan meningkatkan kreativiti murid dalam menghasilkan karya seni. Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah melibatkan 10 orang peserta kajian dalam kalangan Tahun 4 di salah sebuah sekolah rendah di sekitar bandaraya Miri, Sarawak. Kajian ini dijalankan berpandukan model Kurt Lewin (1946) yang melibatkan dua kitaran. Proses triangulasi data digunakan semasa penyelidikan yang melibatkan kaedah penilaian hasil karya, pemerhatian dan temu bual. Hasil dapatan kajian menunjukkan cat kuku sesuai digunakan untuk aktiviti pualaman dan mudah dikendalikan berbanding cat minyak. Penggunaan cat kuku terbukti dapat menjimatkan masa semua peserta kajian dalam menyiapkan hasil karya pada masa yang ditetapkan. Kajian ini juga dapat meningkatkan kreativiti murid dari aspek teknik dan warna dalam menghasilkan karya seni yang menarik.

Kata kunci: bahan alternatif cat kuku, pualaman, jimat masa dan kreativiti

ABSTRACT

This action research was conducted to introduce the use of alternative materials such as nail polish to create marbling (pualaman) in the field of Creating Patterns and Designs Year 4. The objective of this study was to review the suitability of alternative materials nail polish in marbling, to overcome the shortage of time in the making of marbling and to enhance the creativity of students in the making of art works. To carry out this study, the researcher involved 10 participants among Year 4 at one of the primary school in Miri, Sarawak. This study was conducted in accordance with Kurt Lewin (1946) model involved two cycles. Triangulation data was used during research which involved student work, observations and interviews. The results showed that nail polish was suitable in marbling and easier to handle compared to oil paint. The use of nail polish was proven in minimizing time in completing their work in the time given. This study also enhances students' creativity in the technical and color aspects of producing interesting artworks.

Keywords: alternative materials nail polish, 'marbling (pualaman), save time and creativity

PENGENALAN

Kajian ini telah mengkaji pada bidang kedua Pendidikan Seni Visual Tahun Empat iaitu bidang Membuat Corak dan Rekaan. Kajian ini memfokuskan pada penghasilan corak tidak terancang menggunakan teknik pualaman melalui penggunaan bahan alternatif iaitu cat kuku untuk menggantikan cat minyak. Penggunaan bahan alternatif cat kuku dapat menjimatkan kos, mempunyai warna yang pelbagai, menarik dan mudah dibersihkan.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Berdasarkan praktikum yang lepas, masalah utama yang timbul semasa aktiviti pualaman yang dijalankan ialah penggunaan bahan cat minyak yang sukar dikendalikan kerana cat minyak sukar dihilangkan dan memerlukan bahan pelarut. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk memperkenalkan penggunaan bahan alternatif cat kuku yang lebih mudah dikendalikan.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan untuk memperkenalkan penggunaan bahan alternatif cat kuku dalam penghasilan karya pualaman. Pengkaji telah mendapati bahawa penggunaan cat minyak dalam aktiviti pualaman adalah sukar dikendalikan. Oleh itu, pengkaji telah memperkenalkan penggunaan bahan alternatif cat kuku dalam aktiviti pualaman untuk menjimatkan masa penghasilan karya pualaman dan menerapkan nilai kreativiti dalam aktiviti pualaman semasa menghasilkan karya.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

1. Memperkenalkan penggunaan bahan alternatif cat kuku dalam aktiviti pualaman.
2. Menjimatkan masa penghasilan karya pualaman.
3. Menerapkan nilai kreativiti dalam aktiviti pualaman semasa menghasilkan karya.

Soalan Kajian

1. Adakah penggunaan cat kuku sebagai bahan alternatif sesuai digunakan dalam aktiviti pualaman?
2. Adakah penggunaan cat kuku dapat menjimatkan masa dalam penghasilan karya pualaman?
3. Adakah nilai kreativiti dapat diterapkan melalui penggunaan bahan alternatif cat kuku dalam kalangan murid?

PESERTA KAJIAN

Pemilihan peserta kajian telah dilakukan secara bertujuan atau *purposive sampling*. Pengkaji memilih peserta kajian daripada kelas Tahun 4 sahaja di salah sebuah sekolah di bandar Miri, Sarawak.


Jadual 1

Peserta Kajian

JANTINA	BILANGAN (ORANG)	PERATUS (%)
LELAKI	5	50%
PEREMPUAN	5	50%
JUMLAH	10	100%

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pelaksanaan kajian tindakan ini berdasarkan Model Kurt Lewin (1946).



Rajah 1. Proses Penyelidikan Tindakan Kurt Lewin (1946)

Terdapat empat langkah dalam proses penyelidikan tindakan Kurt Lewin (1946):

1. Perancangan - Menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang terancang untuk memperkenalkan bahan alternatif cat kuku dalam aktiviti pualaman.
2. Tindakan - Melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran pualaman dengan menggunakan cat kuku berdasarkan RPH.
3. Pemerhatian - Pemerhatian dijalankan semasa proses penghasilan karya pualaman menggunakan cat kuku.
4. Refleksi - Pengkaji membuat refleksi melalui pemerhatian sepanjang

aktiviti dan penilaian hasil karya kitaran pertama dan kitaran kedua.

MENGUMPUL DATA

Data telah dikumpul melalui penilaian hasil karya peserta kajian, instrumen pemerhatian, temu bual peserta kajian dan temu bual guru Pendidikan Seni Visual.

MENGANALISIS DATA

Pengkaji telah menggunakan proses triangulasi data. Proses analisis secara triangulasi data adalah menggunakan kaedah penilaian hasil karya, kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual.


DAPATAN KAJIAN


1. Dapatan Hasil Karya Peserta Kajian

Berdasarkan dapatan kajian penilaian hasil karya peserta kajian telah membuktikan bahawa bahan alternatif cat kuku sesuai digunakan. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui hasil karya peserta kajian kitaran pertama dan kitaran kedua pada Jadual 6.1.4. Purata markah bagi kitaran pertama adalah di antara 42% sehingga 65%. Peningkatan purata markah pada kitaran kedua iaitu 80% hingga 90% telah menunjukkan cat kuku sesuai digunakan dalam aktiviti pualaman. Ini dapat dibuktikan melalui Graf 1: Analisis Gred Pemarkahan.


Jadual 6.1.4

Gambar Karya Pualaman "Penanda Buku" Kitaran 1 dan Kitaran 2.

Peserta Kajian	Kitaran 1	Kitaran 2
PK1		
PK2		



Graf 1 Analisis Gred Pemarkahan



2. Dapatan Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian pengkaji semasa penghasilan karya pualaman menggunakan cat kuku, hasil dapatan kajian membuktikan cat kuku sesuai digunakan dalam aktiviti pualaman, menjimatkan masa dan dapat menerapkan nilai kreativiti dari aspek teknik dan warna. Ini dapat dibuktikan pada Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4. Pada kitaran kedua semua peserta kajian telah menunjukkan peningkatan dalam penghasilan karya pualaman.

Jadual 2

Bahan alternatif cat kuku sesuai digunakan dalam aktiviti pualaman Tahun 4.							
Kitaran 1				Kitaran 2			
Item Pemerhatian 1:				Item Pemerhatian 1:			
100%	peserta	kajian	dapat	100%	peserta	kajian	dapat
menghasilkan	karya	pualaman	menggunakan cat kuku.	menghasilkan	karya	pualaman	menggunakan cat kuku.

Jadual 3

Penggunaan bahan alternatif dapat menjimatkan masa proses aktiviti penghasilan karya pualaman.							
Kitaran 1				Kitaran 2			
Item Pemerhatian 2:				Item Pemerhatian 2:			
100%	peserta	kajian	dapat	100%	peserta	kajian	dapat
menghasilkan karya pualaman pada	masa yang ditetapkan.	menghasilkan karya pualaman pada	masa yang ditetapkan.	menghasilkan karya pualaman pada	masa yang ditetapkan.	menghasilkan karya pualaman pada	masa yang ditetapkan.

Jadual 4

Penggunaan bahan alternatif dapat menerapkan nilai kreativiti dalam aktiviti pualaman semasa menghasilkan karya.							
Kitaran 1				Kitaran 2			
Item Pemerhatian 3 dan 7:				Item Pemerhatian 6 dan 7:			
100%	peserta	kajian	dapat	100%	peserta	kajian	dapat
menerapkan nilai kreativiti dalam	penghasilan karya pualaman.	menerapkan nilai kreativiti dalam	penghasilan karya pualaman.	menerapkan nilai kreativiti dalam	penghasilan karya pualaman.	menerapkan nilai kreativiti dalam	penghasilan karya pualaman.

3. Dapatan Temu Bual

Pengkaji telah menjalankan temu bual bersama dengan 10 orang peserta kajian dan seorang guru Pendidikan Seni Visual. Kenyataan ini juga disokong oleh guru PSV yang menyatakan bahawa cat kuku sesuai digunakan oleh peserta kajian untuk menghasilkan karya pualaman. Guru PSV tersebut juga telah mencadangkan penambahbaikan yang boleh dilakukan pada kitaran kedua iaitu menggunakan kertas yang lebih tebal dan menggunakan topeng hidung dan mulut. Ini dapat dibuktikan pada Jadual 5, Jadual 6 dan Jadual 7.

Jadual 5

Bahan alternatif cat kuku sesuai digunakan dalam aktiviti pualaman Tahun 4.	
Kitaran 1	Kitaran 2
<p>Item Soalan 3: 100% peserta kajian menyatakan bahawa cat kuku sesuai digunakan dalam aktiviti pualaman.</p>	<p>Item Soalan 3: 100% peserta kajian menyatakan bahawa cat kuku sesuai digunakan dalam aktiviti pualaman.</p>
<p>Item Soalan 1 (Guru): Penggunaan cat kuku sesuai kerana cat kuku lebih mudah digunakan dan tidak berbahaya kepada peserta kajian.</p>	<p>Item Soalan 4 (Guru): Penggunaan cat kuku sesuai digunakan kerana karya pualaman peserta kajian lebih cantik, kemas dan bersih. Bukan itu sahaja, peserta kajian juga lebih suka cat kuku berbanding cat minyak.</p>

Jadual 6

Menjimatkan masa proses aktiviti penghasilan karya pualaman.	
Kitaran 1	Kitaran 2
<p>Item Soalan 4: 100% peserta kajian menyatakan bahawa proses penghasilan pualaman adalah lebih cepat dengan menggunakan cat kuku.</p>	<p>Item Soalan 4: 100% peserta kajian menyatakan bahawa proses penghasilan pualaman adalah lebih cepat dan mudah dengan menggunakan cat kuku.</p>
<p>Item Soalan 1 (Guru): Penggunaan cat kuku lebih mudah digunakan.</p>	<p>Item Soalan 3 (Guru): Peserta kajian dapat menghasilkan karya pualaman mengikut masa yang telah ditetapkan kerana cat kuku mudah digunakan serta peserta kajian telah memberikan kerjasama yang bagus.</p>

Jadual 7

Menerapkan nilai kreativiti dalam aktiviti pualaman semasa menghasilkan karya.	
Kitaran 1	Kitaran 2
<p>Item Soalan 5: 100% peserta kajian bersetuju bahawa penggunaan bahan alternatif dapat menerapkan nilai kreativiti semasa menghasilkan karya.</p>	<p>Item Soalan 5: 100% peserta kajian bersetuju bahawa penggunaan bahan alternatif dapat menerapkan nilai kreativiti.</p>
<p>Item Soalan 1 (Guru): Nilai kreativiti dapat diterapkan dari segi penggunaan bahan alternatif.</p>	<p>Item Soalan 2 (Guru): Kreativiti dapat diterapkan dari segi penghasilan corak dan kepelbagaian warna.</p>

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Kajian yang telah dijalankan berjaya mencapai objektif kajian iaitu untuk memperkenalkan penggunaan bahan alternatif cat kuku dalam aktiviti pualaman. Pengkaji telah mengenalpasti bahawa penggunaan kertas nipis yang digunakan pada kitaran pertama adalah tidak sesuai kerana hasil karya mudah rosak atau terkoyak. Penggunaan bahan alternatif turut dapat menjimatkan masa penghasilan karya pualaman kerana cat kuku mudah dikendalikan. Selain itu, penggunaan bahan alternatif cat kuku turut dapat menerapkan nilai kreativiti peserta kajian dari segi teknik dan penggunaan warna. Secara keseluruhannya, 100% peserta kajian iaitu 10 orang peserta kajian berjaya menghasilkan pualaman menggunakan cat kuku.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

1. Mempelbagaikan jenis-jenis cat kuku dan memberi kebebasan untuk menghasilkan karya seni selain daripada penanda buku.
2. Bahan alternatif cat kuku diaplikasikan pada penghasilan aktiviti seni dalam bidang menggambar iaitu menghasilkan poster untuk menambah nilai kreativiti dalam penghasilan karya.

RUJUKAN

Buku Panduan Penyelidikan Tindakan. (2018). Selangor: Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Mok, S.S. (2010). Literatur Kaedah Penyelidikan. (Edisi kedua). Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Othman Lebar. (2011). Kajian Tindakan dalam Pendidikan Teori dan Amalan. Kuala Lumpur. Percetakan Watan Sdn.Bhd

Pusat Pembangunan Akademik Institut Pendidikan Guru Malaysia (2018). Buku Panduan Penyelidikan Tindakan. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Rafidah Agus (2016). Pengaplikasiaan Cat Sembur Sebagai Bahan Alternatif Untuk Aktiviti Pualaman Dalam Bidang Membuat Corak Dan Rekaan. Pelaporan Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

Unit Pendidikan Seni Visual.

Jabatan Kajian Sosial.

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.

Email: norermasilakasani@gmail.com¹, nelsontandang@yahoo.com²

REKABENTUK MODEL PERHIASAN KEPALA (*SEPIAH, REUNG*) KAUM WANITA BIDAYUH DALAM MENERAPKAN BUDAYA BIDAYUH TAHUN 5

Richeal Endu Anak Raymond
Bell Su'ut

PISMP Pendidikan seni Visual/Ambilan Jun 2015
richealenducutie95@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan adalah untuk memperkenalkan perhiasan kepala kaum wanita Bidayuh (*sepiah atau reung*) dalam bidang membentuk dan membuat binaan Tahun Lima. Objektif kajian ini adalah untuk menerapkan nilai menghargai warisan budaya kaum Bidayuh dengan menghasilkan model perhiasan kepala kaum wanita Bidayuh dengan menggunakan bahan alternatif dalam bidang membentuk dan membuat binaan tahun lima. Kajian ini melibatkan seramai 12 orang murid sebagai peserta kajian. Murid yang terlibat sebagai peserta kajian dalam kalangan murid Tahun Lima dari sebuah sekolah di kawasan bandaraya Miri, Sarawak. Peserta kajian terdiri daripada pelbagai bangsa dan jantina. Penyelidikan tindakan ini menggunakan model kajian tindakan Kurt Lewin (1946) yang melibatkan dua kitaran. Data yang dikumpulkan menggunakan kaedah triangulasi iaitu kaedah pemerhatian, temu bual, dan penilaian hasil karya murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian berjaya menerapkan budaya Bidayuh dan meningkatkan kemahiran membentuk model *sepiah* menggunakan bahan alternatif serta memupuk nilai kemas dalam diri semasa proses penghasilan karya.

Kata Kunci: model, sepiah, menerap budaya, Bidayuh, kemas

ABSTRACT

This action research was conducted to introduce the Bidayuh women's head accessories (sepiah or reung) under the shaping and constructing activity for year five. The purpose of this research was to apply the value of respecting cultural heritage of the Bidayuh women's accessories under the modelling and construction activity for year five. This research consists of twelve pupils as the study participants. It involves year five pupils from a school in Miri, Sarawak. The participants consist of diverse cultural background and gender. This research conducted based on Kurt Lewin Model (1946) which involved two cycles. The data were collected using observation, interview and students work. The results showed that the participants successfully applied the value of respecting cultural heritage of the Bidayuh women's accessories under the shaping and constructing activity and improved their modelling skills and also can fertilize finishing value in their artwork.

Keywords: head model designed of (sepiah, reung) of Bidayuh woman, alternative materials

PENGENALAN

Dalam kajian penyelidikan ini, bidang yang dikaji oleh penyelidik adalah bidang membentuk dan membuat binaan. Bidang kegiatan membentuk dan membuat binaan juga mendedahkan murid dengan penggunaan pelbagai bahan, alat dan teknik penghasilan. Dengan wujudnya hasil pencarian bahan alternatif sebagai bahan alternatif akan dapat mendorong murid menghasilkan hasil karya dari pelbagai bahan dan sumber yang terdapat pada sekeliling mereka. Secara langsungnya, murid akan bertindak lebih kreatif dan berinovasi dalam menghasilkan karya seni mereka.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menerapkan budaya kaum Bidayuh dengan menghasilkan model perhiasan kepala kaum wanita Bidayuh dengan menggunakan bahan alternatif. Penyelidik meningkatkan kreativiti murid dengan menggunakan bahan alternatif seperti kad manila dan kotak dalam menghasilkan rekabentuk model perhiasan kepala kaum wanita Bidayuh serta memupuk nilai kesabaran dan kemas dalam diri murid.

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

1. Menerapkan budaya kaum Bidayuh dengan menghasilkan model perhiasan kepala kaum wanita Bidayuh.
2. Meningkatkan kreativiti murid dengan menggunakan bahan alternatif menghasilkan rekabentuk model perhiasan kepala kaum wanita Bidayuh.
3. Memupuk nilai kesabaran dan kemas semasa menghasilkan model.

Persoalan Kajian

- i. Adakah aktiviti model perhiasan kepala kaum wanita dapat menerapkan budaya Bidayuh?
- ii. Adakah murid dapat menunjukkan kreativiti semasa penghasilan model perhiasan kepala kaum wanita Bidayuh dengan menggunakan bahan alternatif?
- iii. Adakah murid dapat memupuk nilai kesabaran dan kekemasan semasa proses pelaksanaan aktiviti dijalankan?

PESERTA KAJIAN


Pemilihan yang dilakukan adalah secara rawak dan tidak memilih berdasarkan latar belakang dan prestasi murid. Kumpulan sasaran ini melibatkan 12 orang murid Tahun 5 Dinamik, 4 orang murid lelaki dan 8 orang murid perempuan.

TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN

Prosedur Tindakan

Bagi menyempurnakan kajian yang telah dijalankan, penyelidik telah memilih Model Kurt Lewin (1946). Proses penyelidikan tindakan ditinjau sebagai suatu kitaran kajian berlingkaran yang merangkumi empat peringkat seperti perancangan, tindakan, pemerhatian, dan refleksi. Penyelidik telah merancang aktiviti dengan menghasilkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berdasarkan kajian yang ingin dilaksanakan mengikut tahap kemampuan setiap peserta kajian.

Pada fasa pemerhatian ini, penyelidik telah mengumpul data-data yang diperlukan. Selain itu, penyelidik telah membuat penambahbaikan pada pemerhatian yang perlu dibuat bagi mencapai objektif kajian. Melalui proses ini juga penyelidik dapat melihat tahap kefahaman murid dalam menghasilkan model serta melihat kemahiran murid dalam menghasilkan model dengan betul dan kemas. Penyelidik juga telah menyediakan rubrik pemarkahan dan borang pemarkahan hasil kerja peserta kajian dan menekankan kriteria yang telah ditetapkan. Jika objektif tidak tercapai, penyelidik menjalankan kitaran yang kedua.



Rajah 1: Model Kurt Lewin (1946)

Cara Mengumpul Data

Dalam pelaksanaan kajian ini, penyelidik telah menggunakan tiga jenis instrumen pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian dan penilaian hasil kerja peserta kajian.

Item temu bual telah dibina oleh penyelidik dengan menggunakan bahasa yang mudah dan selaras dengan tahap pemahaman peserta kajian. Penyelidik membuat pemerhatian semasa murid menghasilkan karya. Selain itu, penyelidik menggunakan rubrik pemarkahan untuk menilai hasil murid.

Cara Menganalisis Data

Penyelidik melakukan temu bual dengan guru selepas melihat hasil karya peserta kajian. Penyelidik telah merekod data temu bual dengan guru secara catatan. Oleh itu, penyelidik merekodkan segala pendapat dan pandangan guru pembimbing berdasarkan soalan-soalan yang ditanyakan kepada guru pembimbing. Penyelidik dapat mengetahui pendapat peserta kajian, kefahaman peserta kajian, kemahiran dan perasaan responden semasa menghasilkan model perhiasan kepala wanita kaum Bidayuh. Oleh itu, penyelidik menggunakan rubrik pemarkahan secara analitik yang memberikan penerangan secara terperinci berserta dengan agihan markah bagi setiap point untuk menilai hasil kerja peserta kajian. Penyelidik telah menilai hasil karya berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Cara Pemerhatian Data

Penyelidik merekodkan segala pendapat dan pandangan guru pembimbing berdasarkan soalan yang ditanyakan kepada guru pembimbing. Penyelidik telah dapat mengetahui pendapat peserta kajian, kefahaman peserta kajian, kemahiran dan perasaan peserta kajian semasa menghasilkan model perhiasan kepala wanita kaum Bidayuh.

Penyelidik telah melakukan pemerhatian terhadap tingkah laku dan tindak balas peserta kajian semasa menghasilkan model perhiasan kepala wanita kaum Bidayuh. Oleh itu, penyelidik menggunakan rubrik pemarkahan secara analitik yang memberikan penerangan secara terperinci berserta dengan agihan markah bagi setiap point untuk menilai hasil kerja peserta kajian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan Pemerhatian

Dalam pengumpulan data pemerhatian, penyelidik melibatkan dua orang pemerhati iaitu Cikgu X sebagai pemerhati pertama dan juga penyelidik sebagai pemerhati kedua. Penyelidik telah memilih Cikgu X iaitu guru PSV yang merupakan ketua panitia PSV.

Dapatan Temu Bual Murid dan Guru

Dapatan temu bual murid

Dua belas peserta kajian menyatakan bahawa mereka dapat menghasilkan model perhiasan kepala kaum wanita dengan baik dengan adanya bimbingan. Kebanyakan peserta kajian telah tahu teknik bagi menghasilkan model perhiasan kepala kaum wanita Bidayuh.


Dapatan temu bual guru

Mereka bersetuju bahawa penggunaan yang dicadangkan oleh penyelidik dapat menjimatkan masa dan kos murid dalam penghasilan karya mereka dan mendapat respon yang positif.

Dapatan Penilaian Hasil Kerja

Jadual 1

Graf bar purata markah hasil karya setiap peserta kajian




Jadual 2


Tahap pencapaian peserta kajian berdasarkan gred

Gred	Penerangan	Peratus (%)
A	Cemerlang	80%-100%
B	Baik	60%-79%
C	Sederhana	40%-59%
D	Lemah	0%-39%

Graf 1 Analisis Gred Pemarkahan



Graf 2 Kriteria Pemarkahan



Kitaran	1	2	1	2	1	2	1	2	1	2
Jumlah Markah	197	301	132	286	198	286	38	93	52	101
Jumlah Markah (%)	65.66	100.03	44.00	95.33	44.50	93.50	38	93	52	101

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Melalui tiga kaedah pengumpulan data yang digunakan dan setelah dianalisis oleh penyelidik, penyelidik dapat merumuskan bahawa penggunaan bahan alterntaif manila kad telah menunjukkan hasil yang positif dan menjawab kesemua persoalan kajian.

Refleksi dapatan kajian kaedah pemerhatian

Melalui kaedah pemerhatian yang telah dibuat, objektif kajian untuk menggalakkan kreativiti murid dalam membentuk telah berjaya dicapai. Dengan mendedahkan penghasilan

model perhiasan kepala wanita kaum bidayuh ini sekaligus dapat meningkatkan kemahiran membentuk murid dapat menggalakkan kreativiti murid-murid mengikut citarasa mereka.

Refleksi dapatan kajian kaedah temu bual

Seterusnya refleksi dapatan kajian melalui kaedah temu bual ini dibahagikan kepada dua iaitu refleksi dapatan kajian melalui kaedah temu bual yang dijalankan kepada Cikgu X dan refleksi dapatan kajian melalui kaedah temu bual yang dijalankan kepada peserta kajian setelah aktiviti dilaksanakan.

Refleksi dapatan kajian kaedah temu bual Cikgu X

Melalui kaedah temu bual yang dijalankan, penyelidik mendapati bahawa kajian yang dijalankan telah berjaya menjawab persoalan kajian yang mana melibatkan tentang penggunaan bahan alternatif manila kad mampu menghasilkan model perhiasan kepala wanita kaum Bidayuh. Hal ini terbukti, kesesuaian bahan yang digunakan sesuai serta terdapat peserta kajian yang mampu menghasilkan hasil karya dengan nilai kemasan yang baik.

Refleksi dapatan kajian kaedah temu bual peserta kajian

Seterusnya bagi kaedah temu bual terhadap peserta kajian bahawa mereka telah mampu menghasilkan karya model perhiasan kepala wanita kaum Bidayuh menggunakan bahan alternatif yang mudah didapati.

Refleksi dapatan kajian kaedah penilaian hasil karya

Akhir sekali ialah kesemua objektif telah berjaya dicapai. Ini membuktikan melalui analisis karya peserta kajian. Karya yang dihasilkan secara individual yang mana menitikberatkan penilaian dari segi teknik, kreativiti, kemasan serta pengolahan idea dan aplikasi bahan.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Penyelidik berpendapat bahawa penggunaan kad manila sebagai bahan alternatif untuk menghasilkan model perhiasan kepala kaum wanita Bidayuh, penyelidik mendapati penggunaan bahan ini adalah amat sesuai digunakan bagi bidang kegiatan membentuk dan membuat binaan.

1. Mencadangkan penggunaan bahan alternatif dalam kajian ini adalah hanya menggunakan manila kad, maka penggunaan media adalah terhad dan mengongkong kreativiti peserta kajian untuk menambah media lain.
2. Mencadangkan guru boleh mengajar pelbagai teknik kepada peserta kajian untuk memaksimumkan penglibatan dan kreativiti mereka dalam berkarya.
3. Penggunaan pelbagai bahan lain seperti kotak dan riben, kertas warna boleh diaplikasikan semasa penghasilan model.

RUMUSAN

Kesimpulannya, kajian penggunaan kad manila sebagai bahan alternatif dalam menghasilkan model perhiasan kepala kaum wanita Bidayuh berjaya dihasilkan oleh peserta kajian. Kesemua objektif kajian yang ditetapkan telah berjaya dicapai pada akhir kajian ini. Penyelidik juga dapat menarik minat dan menerapkan budaya kaum Bidayuh dalam diri mereka.

RUJUKAN

Buku Manual Kajian Tindakan Edisi Ketiga. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia. Kuala Lumpur

Syed Ismail Syed Mustapa, Ismail Radzuan, Bushra Ali (2018).
Asas Penyelidikan Dalam Pendidikan. Selangor : Sasbadi Sdn.Bhd.

Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Mok Sonn Sang (2010). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.

Othman Lebar (2011). *Kajian Tindakan Dalam Penyelidikan: Teori dan amalan*. Tajong Malim, Pera: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Unit Pendidikan Seni Visual.
Jabatan Kajian Sosial.
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: ¹richealenducutie95@gmail.com , ²bsuut@yahoo.com.my

REKA BENTUK KRAFTANGAN *Ba'* KAUM KENYAH DALAM BIDANG MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN TAHUN 4

Sherah Mutang
Bell Su'ut

PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2015
sherahmutang@gmail.com

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk memperkenalkan reka bentuk baharu dalam penghasilan model di bawah bidang Membentuk Dan Membuat Binaan Tahun Empat, iaitu menghasilkan model *Ba'* (pendukung bayi) kaum Kenyah dengan menggunakan bahan kitar semula. Tujuan kajian ini adalah untuk memperkenalkan reka bentuk kraftangan *Ba'* kaum Kenyah dalam penghasilan model, menjana kreativiti dengan menggunakan bahan kitar semula, serta menerapkan nilai kerjasama dalam kumpulan. Seramai sepuluh orang telah dipilih untuk dijadikan peserta kajian dalam kajian tindakan ini. Berdasarkan tinjauan awal penyelidik, didapati bahawa murid-murid melakukan model yang selalu dilakukan dan selalu tidak membawa alat dan bahan untuk keperluan aktiviti seni. Justeru itu, penyelidik telah merancang untuk melaksanakan aktiviti menghasilkan model *Ba'* kaum Kenyah dengan menggunakan bahan kitar semula. Kajian tindakan ini menggunakan Model Kurt Lewin (1946) dan cara mengumpul data dilakukan melalui temubual, pemerhatian dan pemarkahan. Hasil analisis dapatan kajian menunjukkan penghasilan model *Ba'* kaum Kenyah dengan menggunakan bahan kitar semula telah memberi impak yang positif. Cadangan tindakan susulan dalam kajian ini adalah menggunakan templat ukiran kaum Kenyah untuk ditekap pada model.

Kata kunci: model *Ba'* kaum Kenyah, bahan kitar semula, kreativiti, kerjasama.

ABSTRACT

This action research was carried out to introduce a new model design, under the component of Shaping And Constructing for Year Four pupils, that is producing the model of Ba' (baby carrier) of the Kenyah tribe using recycled materials. The purpose of this study is to introduce the Ba' handicraft design of the Kenyah tribe in creating model, generates creativity by using recycled materials, and to apply the value of cooperation in group. Ten pupils were selected to be the participants in this study. Based on preliminary survey, it is found that the pupils produce model which are similar and students normally do not bring their art equipment during art lessons. Hence, the researcher has planned to carry out the activity of designing Ba' model of the Kenyah tribe using recycled materials. This action research uses the Kurt Lewin Model (1946). Data was collected through interviews, observations and student's art work. The findings of the study have shown that the model of the Ba' using recycled materials has given a positive impact. The proposed follow-up action in this study was to use template of the Orang Ulu to be trace on the model.

Keywords: Ba' model of the Kenyah tribe, recycled materials, creativity, collaboration.

PENGENALAN

Aktiviti yang dipilih untuk dijalankan dalam kajian tindakan ini ialah pembinaan model di bawah bidang Membentuk dan Membuat Binaan. Pengertian model adalah arca yang dihasilkan mengikut bentuk sebenar tetapi skala dan nisbahnya berbeza sama ada dibesarkan atau dikecilkan. Justeru itu, model yang diperkenalkan oleh penyelidik ialah model *Ba'* kaum Kenyah. *Ba'* merupakan sejenis beg yang digunakan untuk mendukung bayi yang berasaskan rotan dan manik serta dihiasi corak ukiran kaum Kenyah. Sehubungan itu, bidang ini mendedahkan murid-murid terhadap kepelbagaian alat dan bahan, serta teknik penghasilan dalam aktiviti seni.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memperkenalkan reka bentuk baharu dalam penghasilan model dalam kegiatan bidang Membentuk dan Membuat Binaan dengan menerapkan unsur kebudayaan kaum Kenyah dalam karya. Pengkaji memilih model *Ba'* kerana ianya sangat unik dan reka bentuknya belum pernah didedahkan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV). Selain itu, pendedahan tajuk baharu ini memberi peluang kepada murid untuk berinteraksi secara kreatif dengan alat dan bahan yang digunakan. Akhir sekali, aktiviti penghasilan karya yang dilakukan secara berpasangan dapat menerapkan nilai murni seperti kerjasama dalam diri murid.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Memperkenalkan reka bentuk kraftangan *Ba'* kaum Kenyah dalam penghasilan model.
2. Menjana kreativiti murid-murid dalam penghasilan model *Ba'* kaum Kenyah menggunakan bahan kitar semula.
3. Menerapkan nilai kerjasama dalam kumpulan semasa menghasilkan model *Ba'* kaum Kenyah menggunakan bahan kitar semula.

SOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa soalan dalam kajian ini iaitu:

1. Adakah aktiviti mereka bentuk *Ba'* kaum Kenyah dalam penghasilan model dapat memperkenalkan reka bentuk kraftangan kaum Kenyah?

2. Adakah murid dapat menjana kreativiti dalam penghasilan model *Ba'* kaum Kenyah menggunakan bahan kitar semula?
3. Adakah nilai kerjasama dalam kumpulan dapat diterapkan semasa menghasilkan model *Ba'* kaum Kenyah menggunakan bahan kitar semula?

KUMPULAN SASARAN

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah di bandaraya Miri. Peserta kajian terdiri daripada murid Tahun Empat yang terdiri daripada sepuluh orang murid. Pemilihan peserta kajian ini adalah secara bertujuan iaitu dari kategori lemah, sederhana, dan baik. Aktiviti untuk kajian tindakan adalah lebih sesuai untuk murid-murid tahap dua kerana proses penghasilan yang agak sukar untuk menghasilkan model.


Jadual 1

Peserta Kajian

Jantina	Bilangan (Orang)
Lelaki	5
Perempuan	5
Jumlah	10

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pelaksanaan kajian tindakan ini adalah berdasarkan Model Kurt Lewin (1946). Terdapat empat proses dalam penyelidikan tindakan model ini iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian, dan refleksi.



Rajah 1: Proses Penyelidikan Tindakan Model Kurt Lewin (1946)

Perancangan

Pengkaji merancang dan menghasilkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang telah diperbaiki sebagai panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji juga telah menetapkan alat dan bahan yang digunakan di samping menyediakan contoh-contoh motif ukiran kaum Kenyah dalam bentuk templat untuk ditekap oleh murid menggunakan kertas warna.

Tindakan

Pengkaji meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan RPH yang dirancang melalui kitaran satu dan dua. Pengkaji menumpukan bimbingan kepada cara murid menghias model *Ba'* itu. Justeru itu, Pengkaji menunjukkan contoh-contoh hiasan *Ba'* dalam bentuk slaid bagi memudahkan murid meniru contoh hiasan. Pengkaji juga menunjukkan *Ba'* yang sebenar kepada murid-murid untuk dilihat dan dipegang agar mendapat idea untuk menghasilkan model *Ba'* menggunakan bahan kitar semula.

Pemerhatian

Pengkaji melakukan proses pemerhatian berpandukan panduan pemerhatian yang dapat menjawab objektif yang ditentukan sepanjang pelaksanaan aktiviti menghasilkan model *Ba'*.

Refleksi

Pengkaji membuat refleksi berdasarkan pemerhatian yang dijalankan semasa kitaran satu dan dua. Murid dapat menghasilkan model *Ba'* pada masa yang ditetapkan kerana wujudnya kerjasama dalam pasukan. Selain itu, hasil karya murid pada pelaksanaan kitaran kedua lebih kemas.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan Temu bual

Berdasarkan dapatan temu bual, kesemua peserta kajian (10 murid) bersetuju bahawa aktiviti mereka bentuk model *Ba'* dapat memperkenalkan mereka kepada kraftangan kaum

Kenyah. Kenyataan ini juga disokong oleh seorang guru PSV yang menyatakan tajuk baharu yang diperkenalkan ini adalah menarik dan menyeronokkan kerana murid didedahkan dengan kraf tradisional kaum lain. Melalui dapatan temu bual ini juga, kesemua peserta kajian dapat menjana kreativiti dengan menggunakan bahan kitar semula. Kenyataan ini juga disokong oleh guru PSV yang menyatakan penggunaan bahan kitar semula adalah sesuai untuk aktiviti mereka bentuk model *Ba'*, di samping dapat menjana kreativiti murid. Sehubungan itu, semua peserta kajian dapat menerapkan nilai kerjasama dalam kumpulan.

Dapatan Hasil Karya Murid

Gambar di bawah menunjukkan hasil model peserta kajian dalam kitaran dua yang berjaya dihasilkan.



Gambar 1



Gambar 2



Gambar 3



Gambar 4


Berdasarkan purata markah, sepuluh peserta kajian mendapat markah dalam lingkungan 89% hingga 98%. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui pencapaian hasil karya model yang cemerlang. Ini dapat dibuktikan melalui Graf 1.

Jadual 2

Analisis Dapatan Hasil Karya Peserta Kajian

Peserta Kajian	Kitaran 1 (%)	Gred	Pencapaian	Kitaran 2 (%)	Gred	Pencapaian
PK1	56	C	Sederhana	98	A	Cemerlang
PK2	53	C	Sederhana	93	A	Cemerlang
PK3	54	C	Sederhana	91	A	Cemerlang
PK4	34	D	Lemah	89	A	Cemerlang
PK5	49	C	Sederhana	89	A	Cemerlang
PK6	35	D	Lemah	87	A	Cemerlang
PK7	36	D	Lemah	86	A	Cemerlang
PK8	51	C	Sederhana	91	A	Cemerlang
PK9	53	C	Sederhana	91	A	Cemerlang
PK10	52	C	Sederhana	92	A	Cemerlang

Graf 1 Analisis Gred Pemarkahan Kitaran Pertama dan Kedua



Dapatan Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, hasil dapatan menunjukkan bahawa semua peserta kajian menunjukkan peningkatan yang baik dalam penghasilan model *Ba'*. Semua peserta kajian berjaya menghasilkan model *Ba'* menggunakan bahan kitar semula seperti kotak, penutup tin dan penutup botol. Enam peserta kajian dapat mengekalkan prestasi mereka, manakala empat lagi peserta kajian menunjukkan peningkatan dalam penghasilan model *Ba'* kaum Kenyah.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Setelah melaksanakan kajian dan membuat analisis data, pengkaji mendapati bahawa kajian yang dijalankan dapat memperkenalkan kraftangan kaum Kenyah melalui penghasilan model baharu iaitu *Ba'* kaum Kenyah. Selain itu, pengkaji mendapati sebelum ini aktiviti model yang selalu dihasilkan ialah model keris. Oleh itu, pengkaji memperkenalkan reka bentuk model *Ba'* ini pada murid. Bagi menyelesaikan masalah murid tidak membawa alat dan bahan seni, pengkaji telah mengikhtiarkan idea penggunaan bahan kitar semula seperti kotak, penutup tin dan penutup botol untuk menghasilkan karya. Hasil dapatan mendapati bahawa penggunaan bahan kitar semula ini sangat sesuai kerana dapat meningkatkan kreativiti murid. Seperti kajian-kajian yang lepas, penggunaan bahan kitar semula terbukti dapat meningkatkan

keaktiviti murid (*Alana, 2016*). Akhir sekali, nilai kerjasama dalam kumpulan sememangnya penting bagi menghasilkan model *Ba'* pada tahap cemerlang. Buktinya dapat dilihat berdasarkan hasil dapatan dimana semua peserta kajian dapat bekerjasama dalam kumpulan serta berjaya menghasilkan model *Ba'*.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Pengkaji berpendapat kajian ini dapat diperkembangkan pada masa akan datang. Berikut merupakan cadangan yang difikirkan oleh pengkaji;

1. Penyediaan templat ukiran kaum Kenyah untuk ditekap oleh murid bagi memastikan keseragaman motif.
2. Penekanan penggunaan pita pelekat yang banyak bagi memastikan reka bentuk model *Ba'* mempunyai ketahanan.
3. Pemasangan muzik instrumental kaum Kenyah semasa aktiviti penghasilan model *Ba'* bagi mewujudkan suasana yang menarik dan menyeronokkan.

RUMUSAN

Kesimpulannya, aktiviti baharu ini dapat memperkenalkan reka bentuk kraftangan *Ba'* kaum Kenyah dalam penghasilan model, di samping dapat menjana kreativiti dengan menggunakan bahan kitar semula. Selain itu, nilai kerjasama dalam kumpulan dapat diterapkan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, aktiviti yang diperkenalkan sesungguhnya menarik dan menyeronokkan.

RUJUKAN

- Alana Dulli. (2016). *Penggunaan Bahan Kitar Semula Sebagai Bahan Alternatif Untuk Menghasilkan Mozek*. Penyelidikan Tindakan PISMP. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri.
- Mok Soon Sang. (2010). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*, Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Pendidikan Seni Visual IPGM. *Membentuk dan Membuat Binaan*, Diperoleh, dari alamat <http://psv.ipg.edu.my/kraf-tradisional/>

Wilson Suan. (2016). *Apliksi Teknik Gulungan Kertas Warna Dalam Penghasilan Arca Timbulan Rama-Rama Tahun 5*. Pelaporan Sarjana Muda. Jabatan Kajian Sosial. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

Unit Pendidikan Seni Visual
Jabatan Kajian Sains Sosial
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: ¹sherahmutang@gmail.com, ²bsuut@yahoo.com

PENERAPAN MOTIF ANYAMAN TIKAR IBAN DI DALAM AKTIVITI STENSILAN TAHUN 5

**Stanley Umpang Anak Augustine Nari
John Diding**

PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2015
Stanleyumpang96@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada murid berkaitan dengan penerapan corak anyaman tikar kaum Iban (corak terancang) dalam seni stensilan dalam Bidang Mencorak dan Rekaan. Dapatan kajian menunjukkan motif anyaman tikar kaum Iban yang terdapat pada tikar dapat diterapkan. Selain itu, motif anyaman tikar Iban ini dapat meningkatkan kreativiti murid dalam mengaplikasikan corak dan motif kaum Iban. Secara tidak langsung kajian ini dapat memupuk rasa menghargai terhadap kraf tradisional di negara kita. Murid - murid kajian ini terdiri daripada 10 orang murid dari sebuah sekolah di kawasan Miri. Data dikumpul melalui hasil karya, pemerhatian, dan temu bual.

Kata kunci: penerapan motif anyaman kaum Iban di dalam aktiviti stensilan

ABSTRACT

The purpose of this study is to provide exposure to pupils in relation to the implementation of Iban mats pattern (organized pattern) in stencil art. The findings show that Iban motifs on mats can be applied on stencil. In addition, the Iban motif can enhance students' creativity in applying the Iban patterns and motives. indirectly this study can foster a sense of appreciation for traditional crafts of our country. This study consisted of 10 students from a school in Miri area. Data is collected through works, observations, and interviews.

Keywords: implementation of Iban mats design, stencil activity.

PENDAHULUAN

Penyelidikan tindakan ini adalah bertujuan memberikan pendedahan kepada murid berkaitan dengan penerapan motif anyaman tikar Iban dalam seni stensilan. Dalam bidang kraf tradisional, kebiasaan aktiviti yang dilaksanakan di sekolah adalah seperti membuat keris, wau, anyaman, batik dan seni tekat. Penyelidikan ini dapat mengembangkan kreativiti dalam menerapkan motif anyaman tikar Iban dalam aktiviti stensilan di mana murid – murid dapat menghasilkan sesuatu karya seni yang baru. Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kreativiti murid – murid dalam menentukan reka letak motif yang menarik pada karya stensilan. Pengkaji melibatkan 10 orang murid - murid secara rawak.

FOKUS KAJIAN

Penerapan motif anyaman tikar Iban dalam stensilan merupakan fokus kajian, memberi pendedahan kepada murid berkenaan dengan motif anyaman tikar anyaman kaum Iban dan aplikasinya terhadap seni stensilan, Menurut McFee (1994), seni adalah sebahagian dari kebudayaan sesuatu masyarakat kerana ia jelmaan daripada beberapa bahagian nilai, sikap dan kepercayaan sesuatu masyarakat. Oleh yang demikian rekaan dan corak merupakan suatu asas utama dalam menghasilkan sesuatu karya seni dalam sesuatu masyarakat yang perlu murid hargai dan mengekalkannya mengikut arus pemodenan. Kajian ini juga bertujuan untuk membantu perkembangan kreativiti murid dalam mengabungkan seni corak dan juga stensilan. penerapan motif anyaman tikar Iban dalam aktiviti stensilan diperkenalkan adalah untuk mempelbagaikan lagi idea yang dapat dihasilkan oleh murid – murid. Penggunaan corak berunsur tradisi ini memberikan murid untuk lebih menghargai dan meneruskan tradisi supaya tidak lapok ditelan zaman.

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Objektif

- I. Penerapan motif seni anyaman tikar kaum Iban dalam bidang membuat corak dan rekaan dengan menggunakan teknik stensilan.
- II. Mengolah motif seni anyaman tikar kaum Iban menjadi corak yang kreatif.
- III. Memupuk rasa menghargai dan memelihara warisan budaya kaum Iban.

Soalan kajian ialah:


- I. Adakah motif seni anyaman tikar kaum iban berjaya diserapkan dalam bidang membuat corak dan rekaan?
- II. Adakah murid dapat mengolah motif seni anyaman tikar kaum iban menjadi corak yang kreatif?
- III. Adakah penerapan motif tradisional mampu memupuk rasa menghargai dan memelihara budaya kaum Iban kepada murid?

KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran dari tahap 2. Tahun 5A seramai 10 orang. 5 orang lelaki dan 5 orang perempuan. Kesemua murid berbangsa Melayu.

PROSEDUR TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan Model Kajian Kurt Lewin (1948)



Rajah 1. Model Kajian Kurt Lewin (1948)

KITARAN PERTAMA

Mengenalpasti masalah menjalani praktikum di salah sebuah sekolah di daerah Miri dalam bidang mengenal kraf tradisional

Perancangan

Pengkaji membuat Rancangan Pengajaran Harian (RPH), membuat borang instrumen kajian iaitu borang pemerhatian dan rubrik pemarkahan hasil karya murid.

Tindakan

Menjalankan proses pengajaran dan pemudah cara mengikut RPH yang telah dirancang. Proses mengumpul data juga dimulakan pada peringkat ini.

Pemerhatian

Borang pemerhatian akan diisi selepas proses pengajaran dan pemudahcaraan berdasarkan video dan gambar yang telah dirakam oleh rakan praktikum.

Refleksi

Pengkaji menilai kelemahan sesi pengajaran dan pemudah cara yang telah dijalankan dan membuat penambahbaikan pada kitaran ke 2 nanti.

KITARAN KEDUA

Kitaran kedua, pengkaji mengatasi masalah dihadapi murid kitaran pertama pertama.

Perancangan

Membuat Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berdasarkan masalah yang dihadapi dengan menyediakan alat bantu mengajar iaitu mengantikan kertas kepada kotak.

Tindakan

Menjalankan proses pengajaran dan pemudahcaraan mengikut RPH yang telah dirancang.


Pemerhatian

Borang pemerhatian akan diisi selepas proses pengajaran dan pemudahcaraan berdasarkan video dan gambar yang telah dirakam oleh rakan praktikum.

Refleksi

Mengumpul data – data dan menganalisis data untuk melihat keberkesanan sepanjang proses pengajaran dan pemudahcaraan yang telah dilaksanakan.

PENGUMPULAN DATA



Pemerhatian

Pemerhatian dilakukan dari segi proses kerja, hasil kerja, sikap dan sahsiah murid. Pemerhatian dilakukan menggunakan borang pemerhatian.

Hasil Kerja Murid

10 orang murid telah terlibat dalam kajian ini. Hasil karya digunakan untuk mengkaji hasil dan kesan daripada kajian terhadap murid.

Temu Bual

Temu bual dijalankan kepada murid dan juga dijalankan kepada guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual Tahun 5.

Analisis Data

Analisis data kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah Kualitatif.

Pemerhatian

Data pemerhatian dianalisis dengan membuat analisis keseluruhan

Jadual 1

Analisis Pemerhatian

Item	Penguasaan murid - Catatan murid
Murid - murid dapat menghasilkan motif seni anyaman tikar kaum Iban ke atas aktiviti stensilan	
Murid - murid dapat mengenal motif seni anyaman tikar kaum Iban	
Murid - murid mengetahui bahawa seni anyaman tikar kaum Iban merupakan tradisi masyarakat Iban	
Murid - murid dapat mengolah motif seni anyaman tikar kaum Iban menjadi corak yang menarik	
Murid - murid dapat menggabungkan beberapa motif seni anyaman tikar kaum Iban menjadi corak yang menarik	
Murid - murid dapat menghasilkan corak dengan mengaplikasikan motif seni anyaman tikar kaum Iban	

HASIL KERJA

Hasil kerja dianalisis dengan menggunakan rubric pemarkahan tersebut.

Jadual 2

Peratus Kriteria

Kriteria	Peratusan
Pengaplikasian asas seni reka	30%
Teknik dan proses	30%
Kekemasan	20%
Kreativiti	20%

Apabila hasil kerja telah diberi markah dengan menggunakan rubrik pemarkahan, pengkaji memberikan gred bagi markah tersebut. Pembahagian gred adalah berdasarkan peratusan yang ditetapkan seperti jadual di bawah.

Gred	Peratusan (%)
Gred A : Cemerlang	81 – 100
Gred B :Baik	61 – 80
Gred C :Sederhana	41 – 60
Gred D : Lemah	21 - 40

Temu Bual

Pengkaji telah memilih 10 orang murid - murid untuk ditemu bual dan guru Pendidikan Seni Visual.

DAPATAN KAJIAN

Pemerhatian

Kitaran pertama aspek murid - murid dapat menghasilkan motif seni anyaman tikar kaum Iban ke atas aktiviti stensilan. Murid belum menguasai langkah yang ditunjukkan guru. Terlampau banyak motif yang dihasilkan sehingga motif yang ingin ditonjolkan tidak dapat dikesan oleh pengkaji. Motif juga disusun secara berselerak. Pada kitaran kedua murid mulai menunjukkan hasil yang memuaskan dengan menghasilkan motif anyaman tikar kaum Iban dengan lebih tersusun dan lebih terserlah.

Pada aspek kedua iaitu murid dapat mengenal motif seni anyaman tikar kaum Iban. Pada kitaran pertama murid masih keliru dan belum jelas untuk mengenal pasti motif – motif anyaman tikar kaum Iban. Murid - murid keliru dengan motif tradisional kaum - kaum lain seperti motif batik. Pada kitaran kedua murid mulai mengenal dan dapat meneka motif anyaman tikar kaum Iban. Murid – murid juga dapat menyebut nama – nama motif tersebut dengan tepat seperti moti Bungai Terung.

Pada aspek yang ketiga iaitu murid mengetahui seni anyaman tikar kaum Iban merupakan tradisi masyarakat Iban. Pada kitaran pertama murid – murid keliru dengan kaum – kaum yang serumpun dengan kaum Iban seperti kaum Kenyah, Kayan dan sebagainya. Murid sering mengatakan motif anyaman tikar kaum Iban dihasilkan oleh kaum kenyah. Pada kitaran kedua, selepas penerangan dan rancangan yang teratur telah dilakukan, murid mulai mengetahui anyaman tersebut dilahirkan atau dihasilkan oleh kaum Iban.


Pada aspek yang keempat ialah murid dapat menggabungkan beberapa motif seni anyaman tikar kaum Iban menjadi corak yang menarik. Pada kitaran pertama, murid sukar untuk menghasilkan karya stensilan dengan menggabungkan motif – motif anyaman tikar Iban

yang baru sahaja diperkenalkan. Pada kitaran kedua murid – murid mulai menunjukkan peningkatan dalam penghasilan karya mereka.

Pada aspek terakhir iaitu murid - murid dapat menghasilkan corak dengan mengaplikasikan motif seni anyaman tikar kaum Iban. Pada kitaran pertama, murid – murid lambat dalam menyiapkan karya mereka kerana masalah kertas yang dijadikan acuan selalu koyak apabila diguna berulang kali. Pada kitaran kedua pengkaji menggantikan kertas kepada kotak untuk menyelesaikan masalah kertas koyak jika digunakan berulang kali. Hasil daripada menggantikan bahan dalam menghasilkan karya stensilan tersebut sangat memberangsangkan, murid – murid dapat menghasilkan karya tepat pada masa sebab tidak ada masalah kertas koyak.

Hasil Kerja

Graf 1: Perbandingan Pemarkahan Hasil Karya Murid Kitran 1 dan Kitran 2



Markah diberikan berdasarkan rubric yang telah dihasilkan oleh pengkaji. Markah 100% dibahagikan kepada 4 aspek iaitu pengaplikasian asas seni reka 30%, teknik dan proses 30%, kekemasan 20% dan kreativiti 20%. Rajah tersebut menunjukkan bandingbeza markah yang diperolehi oleh murid – murid pada kitaran 1 dan kitaran 2.

Murid - murid 1, kitaran pertama 27%. Kitaran kedua, 82% peningkatan 55%.

Murid - murid 2, kitaran pertama, 18%. Kitaran kedua 68% peningkatan 50%.

Murid - murid 3, kitaran pertama, 18%. Kitaran kedua 71% peningkatan 53%.

Murid - murid 4, kitaran pertama, 45%. kitaran kedua 91% peningkatan 46%.

Murid - murid 5, kitaran pertama 49%. Kitaran kedua 90% peningkatan 41%.

Murid - murid 6, kitaran pertama 30%. Kitaran kedua 84% peningkatan 54%.

Murid - murid 7, kitaran pertama 50%. Kitaran kedua 83% peningkatan 33%.

Murid - murid 8, kitaran pertama 34%. Kitaran kedua 76% peningkatan 42%.

Murid - murid 9, kitaran pertama 58%. Kitaran kedua 90% peningkatan 32%.

Murid - murid 10, kitaran pertama 54%. Kitaran kedua 78% peningkatan 24%.

Kesimpulannya, peningkatan menunjukkan murid – murid dapat menguasai kemahiran pengaplikasian asas seni reka, teknik dan proses, kekemasan dan kreativiti.

Temu Bual

Melalui temu bual yang telah dibuat bersama guru pembimbing pada kitaran kajian yang pertama, beliau berpendapat bahawa aktiviti penerapan motif tradisional pada stensilan adalah sangat menarik dan merupakan satu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran.

“Tajuk ini menarik di mana tajuk penerapan motif pada aktiviti stensilan dimana kita sering melihat pengkarya membuat batik jadi kajian ini mengaplikasikan motif pada aktiviti stensilan sangat menarik dan terdapat inovasi.”

Pandangan guru tersebut juga disokong oleh temu bual bersama murid - murid 5 pada kitaran kajian pertama. Di mana murid - murid tersebut menyatakan bahawa aktiviti ini telah membantu meningkatkan kreativiti dalam aspek reka letak di mana perlu memilih motif yang sesuai berdasarkan bentuk dan saiz.

“...aktiviti ini telah membantu saya meningkatkan kreativiti dalam aspek reka letak di mana saya perlu memilih motif yang sesuai berdasarkan bentuk dan saiz.”

Berdasarkan dapatan data melalui temu bual juga, pengkaji telah meneruskan pandangan guru pembimbing berkenaan dengan kemampuan murid untuk menerapkan motif tradisional pada stensilan. Guru menyatakan bahawa murid menghasilkan motif lebih cepat. Motif juga dihasilkan dengan teliti dan menekankan aspek reka letak yang menarik. Pandangan guru pembimbing ini juga telah disokong oleh seorang guru yang telah ditemu

bual. Dimana beliau juga mengatakan bahawa hasil kerja murid yang lebih kemas dan aspek reka letak. Dimana murid mampu untuk menerapkan motif pada stensilan dengan baik.

“...hasil kerja murid yang lebih kemas dan aspek reka letak penerapan motif”.

Pandangan murid - murid 6 juga telah disokong oleh murid - murid 4 di mana beliau juga menyatakan bahawa pendedahan tentang kebudayaan masyarakat Iban telah membangkitkan semangat untuk mengekalkan kebudayaan yang ada.

“Aktiviti ini telah banyak mengajar saya tentang motif anyaman masyarakat Iban dan ini merupakan ilmu bahary du mana membantu membangkitkan semangat saya untuk mengekalkan kebudayaan masyarakat saya dan masyarakat lain...”

Kedua – dua temu bual bersama murid - murid tersebut telah membuktikan bahawa persoalan ketiga kajian telah dijawab. Di mana aktiviti kajian ini banyak membantu murid untuk menerapkan nilai menghargai dan mengekalkan kebudayaan kaum Iban melalui penerapan motif tradisional Iban pada aktiviti stensilan.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Setelah menjalani dua kitaran pelaksanaan dan menganalisis data, saya mendapati bahawa kajian ini telah mencapai objektif. Hal ini telah disokong dengan hasil dapatan analisis kajian daripada pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian, dan hasil kerja murid.

Pada kitaran yang pertama, masih banyak kelemahan yang ada berbanding dengan kitaran kedua. Murid masih lagi belum menguasai penggunaan ruang untuk menerapkan motif anyaman tikar Iban. Ini menyebabkan kebanyakan motif yang diolah terlampau banyak pada atas kertas. Malah, apa yang ingin difokuskan pada aktiviti ini adalah motif anyaman tikar Iban tidak dapat ditonjolkan dengan jelas. Kelemahan dari aspek olahan juga dapat dikenalpasti pada aspek yang kedua. Kebanyakan olahan masih seperti yang disediakan oleh guru. Pada kitaran kajian yang pertama juga, hasil karya murid juga kurang menunjukkan kreativiti dalam aspek reka letak. Kenyataan ini juga disokong oleh guru di mana murid meletakkan motif secara spontan tanpa menentukan ruang yang banyak menarik untuk motif tersebut. Pemilihan motif murid juga kurang sesuai.

Pada kitaran yang kedua menunjukkan perubahan yang ketara kearah peningkatan setiap aspek yang difokuskan. Pada aspek penerapan motif anyaman tikar Iban ke dalam aktiviti stensilan lebih teratur dan lebih berkurangan. Pengurangan jumlah motif yang dicetak ke atas kertas dapat menonjolkan motif yang dihasilkan oleh para murid. Hasil temu bual

bersama guru telah menyokong pernyataan ini di mana hasil kerja murid lebih teratur dan lebih kemas. Teknik pembahagian ruang pada kitaran kedua yang diperkenalkan juga membantu kreativiti murid dalam aspek reka letak. Teknik ini memudahkan murid menentukan ruang bagi menerapkan motif pada aktiviti stensilan. Murid sangat berminat dengan mengenal kraf tradisional di Malaysia. Oleh yang demikian, ini dapat meningkatkan kesedaran murid dalam mengekalkan kraf di negara kita.

Apa yang dapat disimpulkan, penerapan motif pada aktiviti stensilan dapat membantu meningkatkan kreativiti murid dalam aspek reka letak. Malah, aktiviti ini juga meningkatkan kemahiran murid dalam olahan motif yang pelbagai. Seterusnya aktiviti penerapan motif pada aktiviti stensilan dapat meningkatkan kesedaran murid tentang kepentingan memelihara kraf tradisional dan menyemaikan sifat tersebut pada diri.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Melaksanakan kajian menggunakan motif kaum lain

Mengetengahkan motif sesuatu yang ada di Malaysia. Meningkatkan kesedaran mempertahankan motif tradisional sesuatu kaum. Meningkatkan martabat kebudayaan kaum lain menghargai kebudayaan yang ada

RUIJUKAN

Arfriani Anita et al. (2013) *Sumber Data, Metode Dan Teknik Pengumpulan Data, Pengumpulan Data Kualitatif Dan Skala Ukuran*. Fakultas kesehatan Masyarakat Universitas Andalas tahun 2013.

Dokumen Standard Seni Visual (2014). Buku panduan Guru. Selangir: Kementerian Pendidikan Malaysia

Dg Mohaida Zuraidah (2013). Prosiding Penyelidikan Tindakan Seni Visual Pendidikan Rendah Ambilan Januari 2010: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri.

Haji Abdul Shukor Hashim, Badrul Isa, Khairezan Rahmat dan Zuraimi Zakaria (2011). HBAE1203 Perkembangan Seni Kanak – kanak. OUM. Meteor Doc.

Unit Pendidikan Seni Visual,
Jabatan Kajian Sosial,
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009, Miri, Sarawak.
Email: stanleyumpang96@gmail.com,

MENGHASILKAN PERHIASAN KEPALA WANITA KAUM IBAN DALAM BIDANG MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN TAHUN 5

**Stephanie Elvira Binti Valentine@Dol
Chua Leong Chee**

PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2015
stephanie_elvira95@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian Tindakan ini dijalankan untuk memperkenalkan perhiasan kepala wanita kaum Iban (*Sugu Tinggi*) dalam bidang membentuk dan membuat binaan. Objektif kajian ini adalah untuk menerapkan kesedaran menghargai nilai warisan budaya bagi perhiasan kepala wanita kaum Iban dalam aktiviti Bidang Membentuk Dan Membuat Binaan melalui penghasilan *Sugu Tinggi*. Kajian ini juga dilaksanakan untuk memberi ruang meningkatkan kreativiti murid dalam penghasilan karya serta merangsang minat murid terhadap aktiviti bidang membentuk dan membuat binaan. Kajian ini melibatkan seramai 10 orang murid dari Tahun 5 di sebuah sekolah rendah di kawasan Bandaraya Miri, Sarawak. Kajian ini juga dijalankan berpandukan Model Kurt Lewin (1946) yang mengandungi empat peringkat iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Di samping itu, pengkaji telah menggunakan tiga cara pengumpulan data iaitu kaedah temu bual, pemerhatian dan penilaian hasil karya murid. Kaedah pengumpulan data ini dipilih bagi mengukuhkan lagi pengumpulan maklumat untuk kajian ini. Dalam kajian ini, penyelidik telah menjalankan kajian dengan membuat dua kitaran dan melakukan penambahbaikan dari aspek bahan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid dapat menghasilkan perhiasan kepala wanita kaum Iban. Hasil dapatan kajian telah membuktikan bahawa kajian ini telah menerapkan kesedaran menghargai nilai warisan budaya. Selain itu, kajian ini telah meningkatkan kreativiti dan minat murid dalam Bidang Membentuk Dan Membuat Binaan.

Kata Kunci: *Sugu Tinggi*, Iban

ABSTRACT

This action study was conducted to introduce the Iban womenfolk's headgear (Sugu Tinggi) in the field of Shaping and Constructing. The objective of this study was to create awareness of the value of cultural heritage of the Iban womenfolk's headgear in the field of modelling and construction activities through Sugu Tinggi production. This study was also carried out to enhance the student's creativity and stimulating students' interest in the field of Shaping and Constructing activities. This study involved 10 students from Year 5 at a primary school in Miri City, Sarawak. The study was also conducted based on Kurt Lewin Action Study Model (1946) which contains four stages namely planning, action, observation and reflection. In addition, researcher has used three methods of data collection, namely interview, observations and assessment of student's work. These methods of data collection were selected to further enhance the collection of information for this study. In this study, researcher has done two cycles in improving the aspect of the materials. The findings show that pupils can produce Iban womenfolk's headgear. The outcomes of the research have shown that this study has embraced the awareness of values of cultural heritage. In addition, this study has enhanced the creativity and interest of students in Creating and Constructing.

Keywords: Sugu Tinggi, Iban

PENGENALAN

Kajian ini mengkaji bidang membentuk dan membuat binaan yang merupakan kraf tradisional perhiasan kepala wanita kaum Iban (*Sugu Tinggi*). Menurut Kamus Dewan (2007) Edisi Keempat, perkataan kraf membawa maksud perusahaan yang memerlukan kemahiran terutamanya menggunakan tangan. Dalam aktiviti Pendidikan Seni Visual bagi kajian ini, perhiasan kepala ini dihasilkan melalui proses yang lebih mudah dengan penggunaan bahan yang mudah dikendalikan oleh murid.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN

Berdasarkan refleksi pengkaji sendiri pada praktikum yang lepas, pengkaji mendapati aktiviti seni yang diajar oleh pengkaji dalam bidang membentuk dan membuat binaan Tahun 5 hanya tertumpu kepada aktiviti menghasilkan arca timbul, asemblaj dan stabail dan kurang merangsang kreativiti murid. Tambahan lagi, murid sering melaksanakan aktiviti yang sama dalam bidang membentuk dan membuat binaan.

FOKUS KAJIAN

Pemilihan Fokus Kajian

Bagi kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada *Sugu Tinggi* dalam bidang seni membentuk dan membuat binaan. Kajian ini dijalankan untuk memperkenalkan *Sugu Tinggi* iaitu kraf perhiasan kepala wanita kaum Iban, meningkatkan kreativiti dan menarik minat murid dalam bidang membentuk dan membuat binaan.

Pengumpulan Data Awal

Berdasarkan pemerhatian pengkaji sebelum ini, murid murid sering melaksanakan aktiviti yang sama dan kurang menonjolkan kreativiti dalam aktiviti seni. Hal ini kerana murid terikat dengan contoh karya yang ditunjukkan oleh guru dan mereka hanya mampu meniru hasil karya guru.

Tindakan

Dalam kajian ini, pengkaji telah menceritakan tentang cara pemakaian *Sugu Tinggi* tersebut. Pengkaji memilih pelbagai bahan lain yang sesuai sebagai pengganti bahan asal. Setelah melaksanakan aktiviti ini, murid membuat apresiasi bagi hasil karya mereka

berdasarkan bahasa seni visual berkenaan dengan pengalaman mereka dalam penghasilan karya tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk:

- a) Menerapkan kesedaran menghargai nilai warisan budaya kaum Iban melalui penghasilan perhiasan kepala wanita kaum Iban.
- b) Meningkatkan kreativiti murid dalam penghasilan karya perhiasan kepala wanita kaum Iban.
- c) Merangsang minat murid terhadap aktiviti bidang membentuk dan membuat binaan.

Persoalan bagi kajian ini ialah:

- a) Adakah penghasilan *Sugu Tinggi* iaitu perhiasan kepala wanita kaum Iban dapat menerapkan kesedaran menghargai nilai warisan budaya?
- b) Adakah aktiviti penghasilan perhiasan kepala wanita Iban membantu murid meningkatkan kreativiti masing-masing?
- c) Adakah minat murid dapat dipupuk melalui penghasilan perhiasan kepala wanita Iban?


PESERTA KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah melibatkan 10 orang murid yang terdiri daripada 5 orang murid lelaki dan 5 orang murid perempuan tahun 5 di sebuah sekolah di Bandar Miri. Murid bagi kajian ini telah dipilih secara rawak tanpa mengira perbezaan pencapaian mereka dalam Pendidikan Seni Visual atau memilih berdasarkan latar belakang mereka.

PELAKSANAAN KAJIAN

Langkah-langkah Tindakan

Untuk melaksanakan kajian tindakan ini, pengkaji telah memilih satu Model Kajian Tindakan iaitu Model Kurt Lewin (1946). Sekiranya terdapat kelemahan pada Kitaran Pertama, pengkaji melaksanakan Kitaran Kedua untuk memperbaiki kelemahan pada Kitaran Pertama tersebut.



Rajah 1. Kitaran Model Kurt Lewin (1946)

Perancangan

Dalam perancangan ini, pengkaji telah membuat Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang telah dijalankan selama dua jam pada waktu berdasarkan jadual yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. RPH yang dirangka adalah bersesuaian dengan objektif dan kumpulan sasaran.

Tindakan

Dalam langkah tindakan, pengkaji menjalankan kajian bersama murid berdasarkan RPH yang telah dirancang. Pengkaji melaksanakan PdPc berdasarkan langkah seperti set induksi, persepsi estetik, aplikasi seni, ekspresi kreatif dan apresiasi seni.

Pemerhatian

Menurut Sidek Mohd Noah (2002) dalam Kannan (2014), pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Penyelidik membuat pemerhatian terhadap tingkah laku murid semasa menghasilkan karya *Sugu Tinggi*. Pengkaji juga telah membuat pemerhatian melalui hasil karya murid.

Refleksi

Wong (2000) dalam Haji Nunshah (2015) mendefinisikan refleksi sebagai satu fasa di mana guru meninjau semula pengajarannya di dalam bilik darjah, yakni refleksi secara umumnya adalah berkenaan dengan pembelajaran daripada pengalaman atau proses yang dipandukan oleh data yang ada. Refleksi ini dilaksanakan untuk menilai kelemahan dan kelebihan diri pengkaji agar pengkaji dapat membuat penambahbaikan terhadap proses pengajaran yang dilaksanakan. Melalui refleksi pada kitaran pertama, pengkaji melaksanakan kitaran kedua bagi membuat penambahbaikan.

DAPATAN KAJIAN


Analisis Pemerhatian

Pada kitaran pertama, murid tidak berjaya diterapkan dengan kesedaran menghargai nilai warisan budaya kerana bahan yang digunakan seperti kotak tebal menjadikan murid kurang bersemangat menghasilkan karya. Seterusnya, aktiviti penghasilan *Sugu Tinggi* tidak dapat meningkatkan kreativiti murid kerana beberapa murid tidak kreatif dalam melukis motif flora sehingga tidak mempunyai idea. Namun begitu, pengkaji mendapati murid sangat berminat dengan tajuk dan aktiviti seni.

Pada kitaran kedua pula, pengkaji mendapati semua murid dapat menghasilkan karya dengan siap dan kemas di mana murid menghargai nilai warisan budaya serta menyatakan kepentingannya. Seterusnya, murid sangat berminat dalam penghasilan karya *Sugu Tinggi* ini kerana faktor penggunaan bahan yang telah memberi keseronokan kepada murid. Penghasilan karya ini juga berjaya meningkatkan kreativiti murid melalui penghasilan motif flora sebagai hiasan dengan menggunakan kertas pelekat.

Analisis Penilaian Hasil Karya

Graf 1 Markah Penilaian Hasil Karya Murid pada Kitaran Pertama dan Kitaran Kedua



Pada kitaran kedua, pengkaji mendapati markah penilaian hasil karya semua murid mengalami peningkatan setelah peukaran bahan yang digunakan pada kitaran kedua. Pada kitaran pertama hanya terdapat seorang murid berada pada tahap pencapaian cemerlang.

Manakala, pada kitaran kedua pula terdapat lapan orang murid mendapat pencapaian cemerlang.

Analisis Temu Bual Guru

Berdasarkan dapatan kitaran pertama, pada pendapat guru Y murid mempunyai kesedaran menghargai nilai warisan budaya di mana beberapa murid telah menyatakan pendapat tentang kepentingan mengekalkan perhiasan ini setelah karya dihasilkan. Guru Y berpendapat bahawa murid kurang menonjolkan motif yang kreatif kerana murid mengambil masa yang lama untuk melukis motif flora. Selain itu, bahan yang digunakan dalam penghasilan karya sesuai tetapi murid tidak seronok menggunakannya kerana susah dikendalikan oleh murid terutamanya penggunaan kotak tebal.

Pada kitaran kedua, guru Y menyatakan murid telah menonjolkan kesedaran menghargai nilai warisan budaya dalam penghasilan karya *Sugu Tinggi*. Murid bersungguh-sungguh menghasilkan dan menyiapkan karya dengan sempurna, cantik dan kemas. Murid dapat menonjolkan kreativiti pada bahagian motif kerana penggunaan kertas pelekat. Bukan itu sahaja, murid selesa menggunakan bahan yang digunakan sehingga mereka sangat berminat dan seronok semasa menghasilkan karya.

Analisis Temu Bual Murid

Pada kitaran pertama, enam orang murid mengeluh tentang penggunaan bahan terutamanya penggunaan kotak tebal telah menyebabkan murid tidak bersungguh-sungguh menyiapkan karya. Seterusnya, objektif untuk meningkatkan kreativiti murid kurang tercapai kerana murid mengatakan bahawa mereka tidak dapat menghasilkan motif flora dengan baik. Selain itu, penggunaan bahan yang susah untuk dikendalikan menyebabkan murid mengeluh dan kurang berminat dengan aktiviti seni ini.

Pada kitaran kedua, murid telah berjaya menghasilkan karya dengan bersungguh-sungguh dan seterusnya telah mendorong murid mempunyai kesedaran menghargai *Sugu Tinggi*. Seterusnya, pernyataan murid tentang minat mereka terhadap penghasilan *Sugu Tinggi* membuktikan minat mereka telah tersedih kerana aktiviti menghasilkan *Sugu Tinggi* ini telah memberikan keseronokan kepada murid.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Setelah melaksanakan penambahbaikan pada kitaran kedua, murid telah mula mempunyai kesedaran menghargai nilai warisan budaya iaitu menghargai nilai yang ada pada *Sugu Tinggi*. Hal ini telah disokong oleh Seligie Lajan (2016) dengan kajiannya yang menerapkan motif tradisional Iban dalam muka taip untuk memupuk rasa menghargai dan memelihara budaya kaum Iban kepada murid. Selain itu, murid juga telah menunjukkan kreativiti mereka dalam penghasilan karya bidang membentuk dan membuat binaan ini. Misalnya, mereka berjaya menghasilkan motif flora dengan menggunakan teknik melekat kertas pelekat. Hal ini telah disokong oleh Siti Zuraida (2016) dalam kajiannya yang memperkenalkan kertas pelekat sebagai bahan alternatif dalam penghasilan mozek. Kajian ini juga telah berjaya merangsang minat murid terhadap aktiviti bidang membentuk dan membuat binaan ini. Hal ini kerana faktor bahan yang digunakan menarik dan mudah dikendalikan oleh murid.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Antara kajian lanjutan yang dicadangkan ialah

- i. Menghasilkan *Sugu Tinggi* dengan menggunakan bahan terbuang seperti dawai, aluminium foil dan tin aluminium.
- ii. Memperkenalkan penghasilan perhiasan tradisional yang lain dalam bidang dengan teknik arca timbul.

RUMUSAN

Karya *Sugu Tinggi* bukan sahaja berjaya dihasilkan, malah ia telah berjaya menerapkan kesedaran menghargai nilai warisan budaya dalam diri murid dan meningkatkan kreativiti murid dalam bidang membentuk dan membuat binaan. Ekoran itu, aktiviti ini telah menarik minat murid dalam bidang membentuk dan membuat binaan.

RUJUKAN

Haji Nunshah Bin Abdull Gani (2015). Pengertian Refleksi. Dilayari daripada <http://11sm035.pbworks.com/w/page/92772588/Pengertian%20Refleksi>

Kamus Dewan Bahasa. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi Keempat.

Kannan (2014). Laporan Kajian Tindakan Ketidaksesuaian Kaedah Pengajaran Yang Diguna Guru Dalam Bahasa Melayu. Dilayari daripada https://www.academia.edu/11400414/Laporan_Kajian_Tindakan

Seligie Lajan (2016). *Penerapan Motif Tradisional Iban Pada Muka Taip (Corak Terancang) Tahun 5*. Kajian Tindakan tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri.

Siti Zuraida (2016). *Penggunaan Kertas Pelekat Sebagai Bahan Alternatif Dalam Penghasilan Mozek Murid Tahun 4 Dalam Bidang Menggambar*. Kajian Tindakan tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri.

Jabatan Kajian Sosial
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak.
Email: ¹stephanie_elvira95@yahoo.com, ²chualeongchee@ipgm.edu.my

**APLIKASI AKSESORI PERHIASAN KEPALA (*PATA*) LUN BAWANG
DALAM BIDANG MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN
TAHUN 5**

**Tang Siew Houng
Bell Su'ut**

PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2015
viviantsh96@gmail.com

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dilaksanakan untuk menghasilkan aksesori perhiasan kepala (*Pata*) Lun Bawang melalui penggunaan bahan kitar semula. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menerapkan budaya kaum Lun Bawang serta meningkatkan kreativiti dan inovatif murid dalam penghasilan *Pata* melalui penggunaan bahan kitar semula supaya dapat memupuk nilai menghargai alam sekitar di kalangan murid. Kajian ini melibatkan seramai 10 orang peserta kajian Tahun 5 di salah sebuah sekolah di Miri. Kajian ini dijalankan berpandukan Model Pemikiran Kurt Lewin (1946) yang melibatkan dua kitaran. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan empat peringkat yang berbentuk lingkaran iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Kaedah pengumpulan data yang telah digunakan ialah temu bual, pemerhatian dan penilaian hasil karya murid. Hasil dapatan kajian yang dianalisis mendapati bahawa semua peserta kajian telah berjaya menghasilkan aksesori perhiasan kepala (*Pata*) Lun Bawang dengan kreatif dan inovatif melalui bahan kitar semula. Nilai menghargai alam sekitar juga telah berjaya dipupuk dalam kajian ini. Cadangan kajian lanjutan adalah memperluaskan dan mempelbagaikan penggunaan bahan kitar semula dalam aktiviti bidang membentuk dan membuat binaan bagi meningkatkan kreativiti dan inovatif murid.

Kata Kunci: (*Pata*) Lun Bawang, penggunaan bahan kitar semula, kreativiti dan inovatif

ABSTRACT

*This action research was conducted to produce the head accessories (*Pata*) of the Lun Bawang through the use of recycled materials. The objective of this research was to introduce the culture of Lun Bawang and to enhance pupil's creativity and innovative in the production of *Pata* through the use of recyclable materials in order to nurture the value of the environment among students. This research involved 10 participants from Year 5 at one of the schools in Miri. This research was conducted based on Kurt Lewin Model (1946) which involved two cycles. This study was carried out using four cycle which is planning, action, observation and reflection. Data collection methods used in this research were interviews, observations and assessment of students' work. The findings of the research found that all participants have successfully produced the head accessories (*Pata*) Lun Bawang using recycled materials. The proposal for further study is to expand and diversify the use of recycled materials in the field of shaping and constructing activities to enhance students' creativity and innovative.*

*Keywords: (*Pata*) Lun Bawang, the use of recycled materials, creativity and innovative*

PENGENALAN

Kajian yang dijalankan adalah kajian tindakan yang berfokus kepada bidang ketiga iaitu bidang membentuk dan membuat binaan. Bidang ini menekankan perkembangan persepsi murid terhadap aspek seni dari segi bentuk, ruang, struktur, imbangan dan kestabilan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Bedasarkan praktikum lepas, pengkaji mendapati murid sering melakukan aktiviti yang sama sehingga tidak memberi cabaran seperti menghasilkan model keris dan model terabai sebagai alat pertahanan diri.

Perkara ini menyebabkan murid berasa terbatas untuk menghasilkan karya yang kreatif. Murid juga didapati sering tidak membawa atau tidak mampu membeli bahan yang diperlukan untuk menghasilkan karya.

Oleh itu, pengkaji telah memperkenalkan aksesori perhiasan kepala (*Pata*) Lun Bawang melalui penggunaan bahan kitar semula supaya dapat menarik minat murid dan melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti seni.

FOKUS KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menerapkan budaya kaum Lun Bawang dengan memperkenalkan *Pata* dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Ini bertujuan membantu murid mengenali budaya kaum Lun Bawang yang terdapat di Sarawak dengan lebih mendalam.

Kajian ini juga dijalankan untuk menghasilkan *Pata* melalui penggunaan bahan kitar semula untuk membantu murid meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam penghasilan karya.

Selain itu, kajian ini juga dapat memupuk kesedaran dalam diri murid untuk mengamalkan nilai menghargai alam sekitar dengan menggunakan bahan kitar semula seperti tali, penyedut minuman, *papier mache* dan makaroni.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

1. Menerapkan budaya kaum Lun Bawang dalam penghasilan *Pata* melalui penggunaan bahan kitar semula.
2. Meningkatkan kreativiti dan inovasi murid melalui aktiviti penghasilan *Pata*.
3. Memupuk nilai menghargai alam sekitar melalui penggunaan bahan kitar semula.

Soalan Kajian

1. Adakah penghasilan *Pata* dapat menerapkan budaya kaum Lun Bawang melalui penggunaan bahan kitar semula?
2. Adakah aktiviti penghasilan *Pata* dapat meningkatkan kreativiti dan inovasi murid?
3. Adakah penggunaan bahan kitar semula dapat memupuk nilai menghargai alam sekitar?

PESERTA KAJIAN

Berikut merupakan peserta kajian dalam kajian ini:


Jadual 1

Demografi peserta kajian

Aspek	Profil	Jumlah	Peratus (%)
Jantina	Perempuan	6	60%
	Lelaki	4	40%

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Pengkaji menjalankan kajian berpandukan Model Pemikiran Kurt Lewin (1946) yang merangkumi empat peringkat iaitu merancang, bertindak, memerhati dan mereflek.



Rajah 1: Model Kurt Lewin (1946)

Merancang

Pengkaji merancang aktiviti PdPc dengan menghasilkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Pengkaji juga merancang borang rubrik permarkahan, panduan temu bual bagi guru dan murid serta panduan pemerhatian untuk disemak oleh pensyarah dan guru pembimbing sebelum digunakan.

Bertindak

Pengkaji telah melaksanakan PdPc berdasarkan RPH yang disediakan dengan memperkenalkan *Pata* melalui penggunaan bahan kitar semula.

Memerhati

Pengkaji mengumpul data dan membuat analisis melalui panduan temu bual guru dan murid, pemerhatian serta menilai hasil karya murid berdasarkan panduan rubrik permarkahan.


Mereflek

Pengkaji membuat peninjauan awal dengan mengenalpasti masalah yang dihadapi pada kitaran pertama dan membuat penambahbaikan pada kitaran kedua.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan Hasil Karya Murid

Graf 1. Skor Pencapaian Hasil Karya Murid Kitaran 1 Dan Murid Kitaran 2



Jadual 2

Kategori Prestasi Mengikut Skala Markah

Gred	Markah (%)
Lemah (D)	0-49
Sederhana (C)	50-69
Baik (B)	70-79
Cemerlang (A)	80-100

Pengkaji mendapati terdapat peningkatan markah bagi setiap peserta kajian pada kitaran kedua. Berdasarkan graf di atas, ia menunjuk bahawa markah yang terendah adalah sebanyak 58% dan markah tertinggi pula adalah sebanyak 80% pada kitaran pertama. Pada kitaran kedua pula, markah yang terendah adalah 68% manakala markah tertinggi adalah sebanyak 95%.

Dapatan Temu Bual

Temu Bual Murid

Bedasarkan dapatan temu bual murid pada kitaran pertama dan kitaran kedua, semua murid dapat mengenali budaya kaum Lun Bawang dan menyatakan penggunaan bahan kitar semula dapat menarik minat mereka untuk menghasilkan karya yang kreatif serta dapat memupuk nilai menghargai alam sekitar.

Pada kitaran pertama, sebanyak tujuh orang murid daripada sepuluh orang murid menyatakan penggunaan bahan kitar semula merupakan pengalaman baru mereka dalam penghasilan. Pada kitaran kedua pula, semua murid tidak pernah menghasilkan karya menggunakan makaroni.

Pada kitaran pertama, enam orang murid daripada sepuluh orang murid menyatakan penggunaan paper mache adalah susah. Pada kitaran kedua, semua murid berjaya menghasilkan *Pata* melalui makaroni. Semua murid berasa seronok dan menyatakan tidak susah untuk menghasilkan karya menggunakan makaroni pada kitaran kedua.

Temu Bual Guru

Bedasarkan dapatan temu bual guru pada kitaran pertama dan kitaran kedua, budaya kaum Lun Bawang telah diterapkan dan murid telah berjaya menghasilkan *Pata* melalui bahan kitar semula. Penggunaan bahan kitar semula juga adalah bersesuaian.

Dari segi kreativiti dan inovasi, murid dapat mewarna dan menyusun *papier mache* serta penyedut minuman pada kitaran pertama. Pada kitaran kedua, murid telah menyusun corak *Pata* menggunakan makaroni dalam bentuk "S" dan bentuk "C". Guru berpendapat bahawa *Pata* yang dihasilkan pada kitaran pertama kurang menyerupai *Pata* yang sebenar. Aspek kebersihan juga kurang dititikberatkan semasa penghasilan karya. Pada kitaran kedua, guru menyatakan aspek kemas perlu dipernambahbaikan.

Pada kitaran pertama, guru mencadangkan agar *papier mache* boleh digantikan dengan makaroni dan *Pata* yang dihasilkan juga hendaklah mengikuti ukuran *Pata* yang sebenar. Pada kitaran kedua, tali yang berlebihan hendaklah diikat supaya lebih kemas.

Dapatan Pemerhatian

Berdasarkan dapatan pemerhatian pada kitaran pertama telah mendapati murid mempunyai sikap ingin tahu mengenai budaya kaum Lun Bawang. Murid dapat menyusun *papier mache* dan penyedut minuman mengikut kreativiti sendiri. Semua murid berjaya menghasilkan *Pata* melalui *papier mache*. Namun demikian, *Pata* yang dihasilkan tidak menyerupai *Pata* yang sebenar dan perlu membuat penambahbaikan atas aspek kemasan.

Pada kitaran kedua pula, murid membuat tarian tradisional kaum Lun Bawang dengan menggunakan *Pata* yang dihasilkan. Murid berjaya menghasilkan *Pata* melalui makaroni mengikut ukuran *Pata* yang sebenar. Corak *Pata* juga disusun dalam bentuk “S” dan bentuk “C” mengikut kreativiti.

REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Pada kitaran pertama dan kedua telah berlakunya perubahan dari segi penggunaan bahan kitar semula dalam penghasilan *Pata*. Masalah yang telah dikenalpasti pada kitaran pertama ialah penggunaan *papier mache* adalah kurang sesuai dan tidak menyerupai *Pata* yang sebenar. Penambahbaikan telah dijalankan pada kitaran kedua iaitu menggantikan *papier mache* kepada makaroni. Kesimpulannya, penghasilan *Pata* melalui penggunaan bahan kitar semula telah berjaya mencapai objektif dan soalan kajian yang telah ditetapkan.

Objektif menerapkan budaya kaum Lun Bawang dalam penghasilan *Pata* telah disokong oleh Seligie Lajan Manggie (2016) dalam kajiannya Penerapan Motif Tradisional Iban Pada Muka Taip (Corak Terancang) Tahun 5. Seterusnya, objektif memupuk nilai menghargai alam sekitar juga telah disokong oleh Alana Dulli (2016) dalam kajiannya yang bertajuk Penggunaan Bahan Kitar Semula “Kotak Minuman” Sebagai Bahan Alternatif Untuk Menghasilkan Mozek Tahun 4. Menurut Nursyakila Rosli (2011) dalam kajiannya yang bertajuk Penggunaan *Papier Mache* Dalam Penghasilan Arca Timbul Untuk Bidang Membentuk Dan Membuat Binaan Pendidikan Seni Visual Tahun 5 juga telah menyokong objektif meningkatkan kreativiti dan inovasi murid dalam kajian ini.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Pengkaji mencadangkan agar memperluaskan penggunaan bahan kitar semula dalam aktiviti seni supaya dapat menghasilkan karya seni yang unik. Aspek ketahanan penggunaan bahan kitar semula dalam penghasilan karya juga perlu dititikberatkan supaya tahan lama dan

tidak mudah rosak. Penggabungan bahan kitar semula yang pelbagai dalam penghasilan karya dapat meningkatkan nilai komersialnya.

RUMUSAN

Kesimpulannya, penggunaan bahan kitar semula dalam penghasilan *Pata* telah berjaya diaplikasikan dalam PdPc. Kajian ini juga telah membantu murid mengenali budaya kaum Lun Bawang serta meningkatkan kreativiti dan inovasi murid. Penggunaan bahan kitar semula juga dapat memupuk nilai menghargai alam sekitar dalam kalangan murid.

RUJUKAN

- Alana Dulli. (2016). *Penggunaan Bahan Kitar Semula "Kotak Minuman" Sebagai Bahan Alternatif Untuk Menghasilkan Mozek Tahun 4*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Nursyakila Rosli. (2011). *Penggunaan Paper Mache Dalam Penghasilan Arca Timbul Untuk Bidang Membentuk Dan Membuat Binaan Pendidikan Seni Visual Tahun 5*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.
- Seligie Lajan Manggie. (2016). *Penerapan Motif Tradisional Iban Pada Muka Taip (Corak Terancang) Tahun 5*. Pelaporan Ijazah Sarjana Muda. Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

Unit Pendidikan Seni Visual
Jabatan Kajian Sosial,
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak
Jalan Bakam, 98009 Miri, Sarawak
Email:¹viviantsh96@gmail.com, ²bsuut@yahoo.com.my

**PENERAPAN BUDAYA KAUM IBAN MELALUI PENGHASILAN BAJU KAUM LELAKI
IBAN DENGAN MENGGUNAKAN
BAHAN KITAR SEMULA**

**Valient Nyala Anak Johnny
Ngalai Anak Belawing**

PISMP Pendidikan Seni Visual Ambilan Jun 2015
valient_96@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk mengetengahkan bahan kitar semula seperti guni sebagai bahan alternatif untuk menghasilkan model baju lelaki kaum Iban. Model yang digunakan dalam kajian ini ialah Model Kurt Lewin (1946). Seramai 12 orang telah dipilih untuk dijadikan peserta kajian dalam kajian tindakan ini. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah triangulasi dengan menggunakan instrumen pemerhatian, temu bual dan penilaian hasil kerja. Data dianalisis dengan merujuk kepada dapatan kajian telah dilaksanakan. Dapatan hasil kajian menunjukkan penggunaan bahan alternatif iaitu guni dapat menarik minat murid untuk meneroka bahan baru disamping meningkatkan kreativiti murid serta menerapkan nilai menghargai dan mencintai alam sekitar. Cadangan penambahbaikan dalam kajian ini adalah menggunakan guni dan plastik untuk digunakan dalam bidang membentuk dan membuat binaan.

Kata Kunci: bahan kitar semula, baju kaum Iban, kreativiti, cinta alam sekitar

ABSTRACT

This study was conducted to highlight recycled materials such as sacks as an alternative material to produce Iban men's garment. The model use in this study is Kurt Lewin (1946). A total of 12 pupils were selected to be the participants in this action research. The data were collected using triangulation methods using observation instruments, interviews and performance assessments. The data were analyzed from the results that have been implemented. The findings show that the use of alternative materials such as sacks can attract students to explore new materials as well as to enhance students' creativity as well as to value appreciation and love for the environment. Suggestions for improvement in this study are to use sacks and plastics to be used in Field 3.

Key word: recycling materials, Iban dress, creativity, environmental love

PENGENALAN

Kurikulum pendidikan seni visual mengandungi empat bidang utama iaitu menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan serta mengenal kraf tradisional. Kajian ini lebih memfokuskan pada bidang membentuk dan membuat binaan.

Penggunaan bahan kitar semula secara khusus dapat memberikan satu alternatif baru dalam penggunaan bahan terpakai ini. Ini adalah bersesuaian dengan kaedah yang akan dijalankan dalam penyelidikan ini. Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-4 (2007), bahan bermaksud sesuatu atau beberapa benda (barang dan sebagainya) yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu atau untuk sesuatu tujuan. Lantaran itu, bahan alternatif bermaksud sesuatu benda yang dipilih untuk menghasilkan sesuatu tujuan

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pada pengajaran yang lepas, pengkaji sering mengajar berdasarkan buku teks dengan mengajar keris, diorama dan lain-lain. Oleh sebab itu, dalam kajian ini pengkaji memperkenalkan pakaian tradisional kaum Iban dengan menggunakan guni sebagai bahan alternatif.

Tujuan pemilihan tajuk penerapan budaya kaum Iban dalam penghasilan model baju lelaki kaum Iban menggunakan bahan kitar semula adalah untuk memberi pendedahan kepada murid dengan rupa dan gaya baju kaum Iban dan menerapkan murid dengan nilai menghargai dan menggunakan bahan kitar semula.

Timoty (2010) menyatakan bahawa nilai-nilai tradisi yang telah dikembangkan dalam anggota masyarakat akan dapat mengukuhkan ikatan sosial dan menonjolkan identiti masyarakat tersebut. Oleh kerana dalam sesebuah kelas mempunyai bangsa, agama dan budaya yang berbeza, jadi penerapan unsur Iban adalah satu langkah baru agar murid dapat menghargai, mengenali dan memelihara motif-motif tradisional.

Penerapan unsur Iban dalam penghasilan pakaian kaum Iban juga adalah untuk membantu meningkatkan kreativiti murid dalam menghasilkannya melalui aspek reka bentuk dan corak.

FOKUS

Pengkaji telah memperkenalkan bahan alternatif sebagai fokus utama dalam kajian ini agar penggunaan bahan alternatif ini dapat menarik minat murid untuk menghasilkan model baju Iban. Bahan alternatif yang dipilih oleh pengkaji ialah plastik besar dan guni tepung. Pengkaji memilih bahan alternatif ini kerana kebolehtadbiran bahan, mudah didapati, mudah dibawa kerana bersaiz kecil dan sederhana, ringan serta mudah diperolehi. Oleh itu, ianya tidak berbahaya kepada murid dan sesuai digunakan dalam aktiviti ini.

Pengkaji juga dapat mengesan isu pendedahan terhadap penggunaan bahan baru seperti bahan kitar semula kurang diberi tumpuan semasa menjalankan aktiviti Pendidikan Seni di bilik darjah. Noraziah (1981 seperti yang dinyatakan dalam kajian Fatin Farahiya Binti Ahmad, 2014) menunjukkan guru perlu memikirkan dan membuat pemilihan alat yang bersesuaian bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran berkesan.

OBJEKTIF KAJIAN DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian:

- i. Menerapkan unsur tradisional kaum Iban melalui penghasilan baju lelaki kaum Iban menggunakan bahan terpakai.
- ii. Penggunaan bahan terpakai untuk menghasilkan baju kaum Iban dan dapat menerapkan kreativiti murid.
- iii. Memupuk rasa menghargai dan memelihara warisan budaya kaum Iban.

Soalan kajian:


- i. Adakah murid mampu menerapkan unsur tradisional kaum Iban semasa penghasilan baju kaum Iban?
- ii. Apakah kemahiran yang dapat ditingkatkan dalam penghasilan pakaian kaum Iban menggunakan bahan terpakai?
- iii. Adakah penerapan motif tradisional mampu memupuk rasa menghargai dan memelihara budaya kaum Iban kepada murid?

KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan 12 orang murid tahun 5 di salah sebuah sekolah rendah di bahagian Miri. Peserta kajian terdiri daripada enam orang murid lelaki dan enam orang murid perempuan. Peserta kajian terbahagi kepada enam kumpulan.

TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN

Model kajian tindakan yang digunakan ialah Model Kurt Lewin (1946). Terdapat 2 kitaran dan setiap kitaran mempunyai 4 peringkat.



Rajah 1 Model Penyelidikan Tindakan Kurt Lewin (1946)

Perancangan

Dalam peringkat perancangan ini, pengkaji telah menghasilkan satu Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi menghasilkan baju lelaki kaum Iban ini daripada bahan kitar semula. Selain itu, pada peringkat perancangan ini, pengkaji juga telah menyediakan borang instrument iaitu borang pemerhatian, borang temubual dan rubrik pemarkahan.

Tindakan

Dalam peringkat tindakan, pengkaji telah menjalankan sesi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) berdasarkan RPH yang telah dibuat. Di samping itu, pada peringkat

tindakan ini juga, pengkaji mengumpul data menggunakan instrumen kajian melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan hasil karya murid.

Pemerhatian

Pengkaji telah melakukan pemerhatian di sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung berdasarkan borang pemerhatian. Pengkaji telah menilai hasil karya murid didalam rubrik pemerhatian.

Refleksi

Refleksi meliputi perkara-perkara yang berlaku sebelum, semasa dan selepas sesi pengajaran dan pembelajaran bersama peserta kajian berlangsung. Refleksi ini dijalankan bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan kajian yang dijalankan untuk membuat penambahbaikan

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian merujuk kepada hasil analisis hasil data yang telah dikumpul melalui triangulasi data iaitu *triangulation* yang bermaksud dua atau beberapa kaedah digunakan (Mok Song Sang, 2010), iaitu melalui pemerhatian, temu bual dan penilaian hasil karya murid berdasarkan rubrik pemerhatian.

Dapatan Analisis Pemerhatian

Berdasarkan pemerhatian penyelidik, hasil dapatan menunjukkan bahawa semua peserta kajian menunjukkan peningkatan yang baik dalam penghasilan baju lelaki kaum Iban. Semua peserta kajian berjaya menghasilkan baju kaum Iban menggunakan bahan kitar semula seperti plastik dan guni tepung. 6 peserta kajian dapat mengekalkan prestasi mereka, manakala tujuh lagi peserta kajian menunjukkan peningkatan dalam penghasilan baju lelaki kaum Iban.

Dapatan Analisis Temubual

Berdasarkan dapatan temubual, kesemua peserta kajian (12 peserta kajian) bersetuju bahawa aktiviti menghasilkan baju lelaki kaum Iban dapat memperkenalkan mereka kepada kaum Iban. Kenyataan ini juga disokong oleh seorang guru PSV yang menyatakan tajuk baharu yang diperkenalkan ini adalah menarik dan menyeronokkan kerana murid didedahkan dengan pakaian tradisional kaum lain. Melalui dapatan temubual ini juga kesemua peserta kajian dapat menjana kreativiti dengan menggunakan bahan kitar semula. Kenyataan ini juga disokong oleh guru PSV yang menyatakan penggunaan bahan kitar semula ada sesuai untuk aktiviti membuat baju lelaki kaum Iban, di samping dapat menjana kreativiti murid. Sehubungan itu, semua peserta kajian dapat menerapkan nilai kerjasama dalam kumpulan.

Analisis Hasil Karya Murid


Berdasarkan markah pencapaian, lima peserta kajian mendapat tahap cemerlang dan tujuh peserta kajian mendapat tahap baik

Jadual 1

Analisis Dapatan Hasil Karya Peserta Kajian

Peserta Kajian	Tahap Pencapaian			
		Kitaran 1		Kitaran 2
PK 1	63%	Baik	77%	Baik
PK 2	50%	Sederhana	74%	Baik
PK 3	63%	Baik	78%	Baik
PK 4	58%	Sederhana	81%	Cemerlang
PK 5	66%	Baik	78%	Baik
PK 6	57%	Sederhana	75%	Baik
PK 7	50%	Sederhana	80%	Cemerlang
PK 8	59%	Sederhana	80%	Cemerlang
PK 9	62%	Baik	77%	Baik
PK 10	68%	Baik	87%	Cemerlang
PK 11	58%	Sederhana	74%	Baik
PK 12	61%	Baik	80%	Cemerlang

Graf 1 : Analisis Gred Pemarkahan Kitaran Pertama dan Kedua



REFLEKSI DAPATAN KAJIAN

Merujuk kepada persoalan kajian penyelidikan tindakan ini untuk menerapkan unsur tradisional kaum Iban semasa penghasilan baju lelaki kaum Iban amat sesuai digunakan untuk menghasilkan model baju kaum Iban ini. Sifat plastik yang kalis air, mudah didapati dan tidak berbahaya merupakan elemen keselamatan yang perlu diberi pertimbangan untuk memperkenalkan bahan baru terhadap penghasilan karya seni.

Penambahbaikan yang dibuat dalam kitaran 2 selepas menjalankan kitaran yang pertama, pengkaji mendapati penggunaan plastik agak tidak sesuai dan tidak tahan lama. Oleh itu, pengkaji telah menukarkan kepada penggunaan guni tepung untuk digunakan pada kitaran yang kedua. Hasilnya, adalah lebih baik dan model baju yang dihasilkan lebih kukuh dan tahan lama.

Secara keseluruhannya, penggunaan bahan kitar semula iaitu plastik dan guni sebagai bahan alternatif untuk menghasilkan model baju lelaki kaum Iban amat sesuai untuk digunakan. Selain itu, penggunaan bahan alternatif dapat meningkatkan kreativiti peserta kajian hasil daripada penerokaan bahan kitar semula. Md. Nasir Ibrahim (2003 seperti yang dinyatakan dalam kajian Nursyakila Binti Rosli, 2014) guru sebagai pendidik berperanan penting dalam usaha memupuk kreativiti murid-murid kerana manusia lebih suka belajar dengan kaedah kreatif iaitu melalui kegiatan yang berorientasikan penerokaan, sekali gus menyemai nilai-nilai cinta akan alam sekitar dalam menghasilkan karya seni yang sebenarnya membantu peserta kajian untuk menghargai alam sekitar dengan menggunakan bahan yang

terbuang dan boleh dikitar semula untuk menghasilkan sebuah karya yang mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Bagi memperluaskan lagi kaedah penggunaan bahan kitar semula untuk dijadikan satu hasil seni yang unik, pengkaji mencadangkan kajian lanjutan yang dapat dijalankan pada masa akan datang adalah dengan menggunakan guni yang diperbuat daripada kain. Penggunaan guni kain lebih tahan lasak dan tidak mudah koyak atau rosak. Pengkaji telah menggunakan plastik hitam yang besar dan guni tepung untuk kajian ini.

RUMUSAN

Menurut Habibah Elias (2009) dalam Fatin Farahiyah (2014), menegaskan bahawa bahan dan cara guru menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran akan menimbulkan rasa seronok untuk belajar seterusnya menghapuskan rasa bosan murid. Oleh itu, penggunaan bahan alternatif dalam pengajaran mampu mearik minat murid untuk menghasilkan karya seni terhadap penerokaan bahan baru.

RUJUKAN

Fatin Farahiya Binti Ahmad (2014). *Polistrina Terpakai Sebagai Bahan Alternatif Dalam Menghasilkan Cetakan Timbul Bagi Bidang Membuat Corak Dan Rekaan Tahun 5*. Miri: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mok Soon Sang (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan, Perancangan dan Penyelidikan Tindakan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Nursyakila Binti Rosli (2014). *Penggunaan Paper Mache Dalam Penghasilan Arca Timbul Untuk Bidang Membentuk Dan Membuat Binaan Tahun 5*. Miri: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak.

Tajul Said (2001). Forum Penyelidikan, Institut Bahasa Melayu Malaysia.

Unit Pendidikan Seni Visual,
Jabatan Kajian Sosial,
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Jalan Bakam, 98009, Miri, Sarawak.
Email: ¹valient_96@yahoo.com, ²bngalaibelawing@ymail.com